



# UMNO

فرتوبوهن كبڤساڤن ملايو برساتو  
PERTUBUHAN KEBANGSAAN  
MELAYU BERSATU  
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)



BERSATU · BERSETIA · BERKHIDMAT

PERLEMBAGAAN **UMNO**  
PERATURAN PERSIDANGAN **UMNO**  
PERATURAN **WANITA UMNO**  
PERATURAN PERGERAKAN **PEMUDA UMNO**  
PERATURAN PERGERAKAN **PUTERI UMNO**  
TATAETIKA **AHLI UMNO**





فرتويوهن كبغسان ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU  
UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION  
NO. PENDAFTARAN 676/88 (WILAYAH PERSEKUTUAN)

PERLEMBAGAAN  
**UMNO**

## KANDUNGAN

			MUKA
FASAL	1	NAMA	3
FASAL	2	COGANKATA UMNO	3
FASAL	3	ASAS DAN TUJUAN	3
FASAL	4	JENIS AHLI	4
FASAL	5	PENDAFTARAN KEAHLIAN	4
FASAL	6	TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI	4
FASAL	7	SUSUNAN DAN PENTADBIRAN UMNO	6
FASAL	8	PERHIMPUNAN AGUNG	6
FASAL	9	MAJLIS KERJA TERTINGGI	7
FASAL	10	TANGGUNGJAWAB MAJLIS KERJA TERTINGGI	10
FASAL	11	PEJABAT SETIAUSAHA AGUNG	11
FASAL	12	BADAN PERHUBUNGAN	11
FASAL	13	PEJABAT SETIAUSAHA BADAN PERHUBUNGAN	14
FASAL	14	BAHAGIAN	14
FASAL	15	JAWATANKUASA BAHAGIAN	15
FASAL	16	PEJABAT SETIAUSAHA BAHAGIAN	18
FASAL	17	CAWANGAN	18
FASAL	18	JAWATANKUASA CAWANGAN	19
FASAL	19	PEJABAT SETIAUSAHA CAWANGAN	21
FASAL	20	DISIPLIN	21
FASAL	21	WANITA UMNO, PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN PUTERI	23
FASAL	22	LENCANA DAN LAMBANG UMNO	23
FASAL	23	BENDERA UMNO	24
FASAL	24	PUNCA PENDAPATAN	24
FASAL	25	YURAN UMNO	24
FASAL	26	CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG UMNO	24
FASAL	27	HARTA ALIH DAN TAK ALIH	25
FASAL	28	PEMERIKSA KIRA-KIRA	26
FASAL	29	PERATURAN PERSIDANGAN	26
FASAL	30	MEMINDA PERLEMBAGAAN	26
FASAL	31	KUASA SEMENTARA MENGELOLAKAN UMNO	27
FASAL	32	TAFSIRAN	27



### LAMBANG

Erti lambang ini adalah daripada ringkasan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Dalam setiap huruf diberi makna berikut :-

ف = Pertubuhan  
ك = Kebangsaan  
م = Melayu  
بر = Bersatu

Huruf ini disusun secara vertical ( dari atas ke bawah ) dan digrafikkan secara simetrikal.

**LENCANA UMNO**

Merah dan putih (separuh-separuh), dengan merah di atas dan putih di bawah. Di tengah-tengah mengandungi bulatan kuning. Di dalam bulatan kuning terletak sebilah keris berwarna hijau terhunus dari kiri ke kanan. (Hulunya menghala ke sebelah atas penjuru kiri dan hujungnya menghala ke sebelah bawah ke penjuru kanan).

Di penjuru atas sebelah kanan terdapat ringkasan perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dan tulisan jawi dengan menggunakan huruf-huruf Fa, Kaf, Mim dan Bara. Huruf ini disusun secara vertikal (dari atas ke bawah) dan digrafikkan secara simitrikal. Di penjuru bawah sebelah kiri terdapat tulisan UMNO.

**BENDERA UMNO**

Merah dan putih (separuh-separuh) dengan merah di atas dan putih di bawah. Di tengah-tengah mengandungi bulatan kuning. Di dalam bulatan kuning terletak sebilah keris berwarna hijau terhunus dari kiri ke kanan. (Hulunya menghala ke sebelah atas penjuru kiri dan hujungnya menghala ke sebelah bawah ke penjuru kanan).

Merah bererti berani.  
 Putih bererti bersih.  
 Kuning, kebesaran Raja-raja.  
 Hijau, agama; dan  
 Keris, pusaka Melayu



## **FASAL 1 NAMA**

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO (United Malays National Organisation).

## **FASAL 2 COGANKATA UMNO**

**BERSATU-BERSETIA-BERKHIDMAT**

## **FASAL 3 ASAS DAN TUJUAN**

UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita Agama Islam, Kebangsaan Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli serta perpaduan Malaysia demi kemakmuran dan kestabilan Negara.

- 3.1 Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai Agama Persekutuan serta menghormati prinsip kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 3.2 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara.
- 3.3 Mendukung asas-asas Perlembagaan Persekutuan selagi mana ia membela Kepentingan Raja-raja Melayu, Bangsa Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli serta lain-lain perkara sebagaimana yang termaktub di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, Prinsip Kontrak Sosial dan Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri di Malaysia.
- 3.4 Membela nasib rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum.
- 3.5 Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi bangsa Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli khasnya serta rakyat Malaysia amnya.
- 3.6 Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai Bahasa Rasmi Negara yang tunggal dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu.
- 3.7 Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan rakyat Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan prinsip-prinsip hak Asasi Manusia dan Hak Keistimewaan Orang-Orang Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli.

**FASAL 4 JENIS AHLI**

4.1 Ahli-ahli UMNO adalah terdiri daripada tiga jenis:-

- 4.1.1 Ahli Biasa
- 4.1.2 Ahli Bergabung dan
- 4.1.3 Ahli Bersekutu.

4.2 Ahli Biasa UMNO ialah Warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli yang berusia 18 tahun ke atas.

4.3 Ahli Bergabung ialah sebuah pertubuhan politik yang bersetuju bekerjasama dengan UMNO dan menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

4.4 Ahli Bersekutu ialah :-

- 4.4.1 Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO); atau
- 4.4.2 Individu yang ingin menjadi ahli tanpa berdaftar dengan cawangan dan bahagian (keahlian secara langsung)

Yang setuju bekerjasama dengan UMNO, menerima syarat-syarat dan keputusan yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO dari semasa ke semasa

**FASAL 5 PENDAFTARAN KEAHLIAN**

5.1 Tiap-tiap orang Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli berhak mendaftar diri sebagai ahli UMNO mengikut Perlembagaan dan Peraturannya.

5.2 Tanpa menyentuh bidang kuasa Majlis Kerja Tertinggi sedia ada di bawah Fasal 10 Perlembagaan ini, Majlis Kerja Tertinggi berkuasa untuk membuat sebarang peraturan atau arahan berkenaan tatacara bagi pendaftaran keahlian UMNO.

5.3 Majlis Kerja Tertinggi berhak membuat apa-apa keputusan atas mana-mana permohonan pendaftaran keahlian atau taraf sesuatu pendaftaran itu (termasuk menarik balik pendaftaran) dan keputusan itu adalah muktamad.

5.4 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menetapkan borang permohonan, wang pendaftaran yuran ahli biasa UMNO.

**FASAL 6 TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI**

6.1 Tiap-tiap ahli biasa UMNO mempunyai tanggungjawab seperti berikut :-

- 6.1.1 Memegang teguh dasar parti dan melaksanakan tujuan-tujuannya.
- 6.1.2 Mendaftar diri sebagai pengundi dan mengundi di setiap pilihan raya, melainkan atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Majlis Kerja Tertinggi.
- 6.1.3 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan parti.
- 6.1.4 Menjalankan kerja-kerja parti dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin parti.



- 6.1.5 Menyokong calon-calon parti yang bertanding dalam pilihan raya.
  - 6.1.6 Berkhidmat kepada orang ramai.
  - 6.1.7 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh negara.
- 6.2 Tiap-tiap ahli biasa UMNO mempunyai hak-hak yang berikut: -
- 6.2.1 Bercakap dan mengemukakan pendapat-pendapat dan mengundi di dalam mesyuarat-mesyuarat parti.
  - 6.2.2 Memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan di dalam parti.
  - 6.2.3 Mengambil bahagian dalam pilihan raya dan menerima lantikan parti sebagai seorang calon.
  - 6.2.4 Ahli-ahli yang sedang di dalam cadangan untuk digantung atau dipecat tidaklah hilang hak keahliannya.
  - 6.2.5 Ahli-ahli yang tidak menjadi wakil ke mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Perhimpunan Agung boleh dicalonkan dan bertanding di peringkat yang berkenaan sekiranya memenuhi syarat di Fasal 9.5 dan Fasal 15.5.
  - 6.2.6 Ahli-ahli yang tidak hadir di Persidangan Cawangan boleh dicalonkan dan bertanding sebarang jawatan atau sebagai wakil ke Perwakilan Bahagian dengan menyatakan persetujuannya secara bertulis.
- 6.3 Seseorang ahli biasa UMNO itu tidak berhak:-
- 6.3.1 Menjadi ahli lebih daripada satu Cawangan.
  - 6.3.2 Mewakulkan hak mengundinya kepada sesiapa jua pun.
  - 6.3.3 Menggunakan haknya di bawah Fasal 6.2 sekiranya ia tidak menjelaskan yuran mengikut peruntukan dalam Perlembagaan.
  - 6.3.4 Menggunakan haknya di bawah Fasal 6.2 jika dilarang di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau setakat mana ia dikenakan hukuman disiplin dibawah Fasal 20.10 dan 20.11.
  - 6.3.5 Menjadi Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Pemeriksa Kira-kira atau Ahli Jawatankuasa lebih daripada satu Cawangan atau Bahagian melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Kerja Tertinggi.
  - 6.3.6 Menjadi Ahli Jawatankuasa di peringkat yang sama di mana ia telah dipilih menjadi Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, atau Pemeriksa Kira-kira dan sebaliknya.
  - 6.3.7 Mengambil bahagian bercakap, mengundi, memilih dan dipilih dalam Persidangan Cawangan dan Perwakilan Bahagian selain daripada Cawangan dan Bahagian di mana ia menjadi ahli.
  - 6.3.8 Mengambil bahagian bercakap, mengundi, memilih dan dipilih dalam mana- mana Cawangan atau Bahagian baru yang dimasukkannya, kiranya ahli itu telah menggunakan haknya itu dalam Cawangan atau Bahagian asalnya bagi tahun berkenaan.
- 6.4 Tiap-tiap Ahli Bergabung mempunyai tanggungjawab seperti berikut:-
- 6.4.1 Memegang teguh dasar parti UMNO dan melaksanakan tujuan-tujuannya.
  - 6.4.2 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam program parti UMNO sebagai pemerhati.

- 6.4.3 Mendukung kerja-kerja parti UMNO dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin parti UMNO.
  - 6.4.4 Menyokong calon-calon parti UMNO yang bertanding dalam pilihan raya.
  - 6.4.5 Berkhidmat kepada orang ramai.
  - 6.4.6 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh Negara.
- 6.5 Tiap-tiap ahli Bersekutu mempunyai tanggungjawab seperti berikut: -
- 6.5.1 Memegang teguh dasar parti UMNO dan melaksanakan tujuan-tujuannya.
  - 6.5.2 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam program parti UMNO sebagai pemerhati.
  - 6.5.3 Mendukung kerja-kerja parti UMNO dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin parti UMNO.
  - 6.5.4 Menyokong calon-calon parti UMNO yang bertanding dalam pilihan raya.
  - 6.5.5 Berkhidmat kepada orang ramai.
  - 6.5.6 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh negara.

## **FASAL 7 SUSUNAN DAN PENTADBIRAN UMNO**

- 7.1 Bentuk susunan parti dan pembahagian kuasa adalah seperti berikut:-
- 7.1.1 Pusat – Perhimpunan Agung atau waktu ketiadaannya Majlis Kerja Tertinggi.
  - 7.1.2 Perhubungan – Badan Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.
  - 7.1.3 Bahagian – Perwakilan Bahagian atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Bahagian.
  - 7.1.4 Cawangan - Persidangan Cawangan atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Cawangan.

## **FASAL 8 PERHIMPUNAN AGUNG**

- 8.1 Perhimpunan Agung adalah kuasa tertinggi parti dan perjalanan parti adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya tertakluk kepada Perlembagaan dan juga Peraturan UMNO.
- 8.2 Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah diadakan sekali dalam setahun pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi dengan syarat tidak lewat daripada 18 bulan dari tarikh Perhimpunan Agung yang lalu.
- 8.3 Tugas-tugas Perhimpunan Agung Tahunan ialah:-
- 8.3.1 Menentukan dasar-dasar parti.
  - 8.3.2 Mengkaji kerja-kerja Majlis Kerja Tertinggi.
  - 8.3.3 Melantik Juruaudit untuk tempoh Majlis Kerja Tertinggi.
- 8.4 Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah terdiri daripada:-
- 8.4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
  - 8.4.2 Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.
  - 8.4.3 Wakil yang dipilih oleh Perwakilan Tahunan Bahagian sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima ratus (500) orang ahli dengan syarat bilangan wakil-wakil itu tidak lebih daripada tujuh (7) orang dari satu Bahagian termasuk Bahagian yang Jawatankuasanya sedang digantung jika Bahagian itu boleh mengadakan Perwakilan Bahagian dengan sempurna.



- 8.4.4 Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua Pergerakan Puteri, Setiausaha Bahagian dan Ketua Penerangan yang telah mengadakan Perwakilan Bahagiannya. Mereka di atas yang menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Bahagian.
- 8.4.5 Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang wakil Wanita UMNO, sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Pemuda dan sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Puteri yang dipilih oleh Perhimpunan Agung Pergerakan masing-masing.
- 8.5 Perhimpunan Agung Khas hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada tiga permintaan yang berikut:-
  - 8.5.1 Dengan kehendak Presiden.
  - 8.5.2 Dengan permintaan bertulis daripada dua pertiga Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.
  - 8.5.3 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Bahagian dengan syarat Bahagian-bahagian itu telah mengadakan mesyuarat Perwakilan Khas atas masalah yang sama.
- 8.6 Mengikut Fasal 8.5.3 di atas, Setiausaha Agung hendaklah memanggil Perhimpunan Agung Khas itu. Jika Setiausaha Agung tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh permohonan daripada Bahagian yang terakhir itu diterima maka Perhimpunan Agung Khas itu hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Tetap atau Timbalannya dan jika Pengerusi Tetap atau Timbalannya tidak berbuat demikian dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari daripada tarikh permohonan asal diterima maka Bahagian-bahagian yang memohon diadakan Perhimpunan Agung Khas itu boleh memanggil Perhimpunan Agung Khas tersebut dengan syarat semua Ahli Perwakilan dijemput hadir melalui Bahagian.

## **FASAL 9 MAJLIS KERJA TERTINGGI**

- 9.1 Majlis Kerja Tertinggi adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal-ehwal UMNO di bawah kekuasaan dan perintah Perhimpunan Agung dan Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Perhimpunan Agung pada masa ketiadaannya tetapi segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Perhimpunan Agung.
- 9.2 Majlis Kerja Tertinggi hendaklah terdiri daripada : -
  - 9.2.1 Presiden.
  - 9.2.2 Timbalan Presiden:
    - 9.2.2.1 Timbalan Presiden yang dipilih dibawah Fasal 9.3,
    - 9.2.2.2 Ketua Wanita UMNO Malaysia yang bertaraf Timbalan Presiden (Ex-Officio)
  - 9.2.3 Lima (5) orang Naib Presiden termasuk Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
  - 9.2.4 Setiausaha Agung.
  - 9.2.5 Bendahari.
  - 9.2.6 Ketua Penerangan
  - 9.2.7 Tidak lebih daripada dua puluh lima (25) orang yang dipilih oleh Perwakilan Bahagian.
  - 9.2.8 Tidak lebih daripada tiga belas (13) orang yang dilantik oleh Presiden termasuk sekurang-kurangnya dua (2) orang dari Wanita UMNO, satu (1) orang dari Pergerakan Pemuda dan satu (1) orang dari Pergerakan Puteri.

- 9.3 Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timbalan Presiden yang dipilih, tiga (3) orang Naib Presiden dan dua puluh lima (25) orang Ahli Majlis Kerja Tertinggi hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 9.4 Ketua dan Naib Ketua Wanita UMNO, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Bahagian masing-masing tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia mempunyai hak-hak dan kuasa Naib Presiden.
- 9.5 Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Majlis Kerja Tertinggi hendaklah mendaftarkan dirinya dan pernah memegang mana-mana jawatan sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi atau Ahli Jawatankuasa Bahagian selama satu (1) penggal.
- 9.6 Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Penerangan, dilantik oleh Presiden dan memegang jawatan mereka selama tempoh Majlis Kerja Tertinggi kecuali mereka berhenti dan diberhentikan.
- 9.7 Pegawai-pegawai UMNO ialah:-
- 9.7.1 Presiden.
  - 9.7.2 Timbalan Presiden:
    - 9.7.2.1 Timbalan Presiden yang dipilih dibawah Fasal 9.3.
    - 9.7.2.2 Ketua Wanita UMNO Malaysia yang bertaraf Timbalan Presiden (Ex-Officio).
  - 9.7.3 Lima (5) orang Naib Presiden.
  - 9.7.4 Setiausaha Agung.
  - 9.7.5 Bendahari.
  - 9.7.6 Ketua Penerangan.
- 9.8 Tugas-tugas Pegawai dalam Majlis Kerja Tertinggi: -
- 9.8.1 Presiden:
    - 9.8.1.1 Menjadi pemimpin utama dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan perjalanan parti.
    - 9.8.1.2 Melantik Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Penerangan dan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.
    - 9.8.1.3 Memanggil dan mempengerusikan sidang Majlis Kerja Tertinggi.
    - 9.8.1.4 Melantik tidak lebih daripada tiga belas (13) orang Ahli Majlis Kerja Tertinggi mengikut Fasal 9.2.8.
    - 9.8.1.5 Melantik Ahli Majlis Penasihat UMNO.
    - 9.8.1.6 Membuat rundingan semula nama-nama calon Pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang baharu jika nama-nama calon yang dicadangkan terdahulu tidak menepati kriteria.
  - 9.8.2 Timbalan Presiden:
    - 9.8.2.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
    - 9.8.2.2 Mempengerusikan sidang-sidang Majlis Kerja Tertinggi semasa ketiadaan Presiden.



- 9.8.3 Naib-Naib Presiden:
  - 9.8.3.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
  - 9.8.3.2 Mempengerusikan sidang-sidang Majlis Kerja Tertinggi apabila Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir.
- 9.8.4 Setiausaha Agung:
  - 9.8.4.1 Bertanggungjawab kepada Presiden.
  - 9.8.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan sidang-sidang Majlis Kerja Tertinggi dan Perhimpunan Agung.
  - 9.8.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan parti dalam masa setahun kepada Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.8.5 Bendahari:
  - 9.8.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Ibu Pejabat.
  - 9.8.5.2 Menyediakan Penyata Kira-Kira Kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik oleh Perhimpunan Agung.
  - 9.8.5.3 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Majlis Kerja Tertinggi.
  - 9.8.5.4 Membentangkan Penyata dan butir kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Majlis Kerja Tertinggi.
  - 9.8.5.5 Memaklumkan kepada Majlis Kerja Tertinggi kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 9.8.6 Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia:
  - 9.8.6.1 Tugas-tugas Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia ditetapkan oleh peraturannya masing-masing selain daripada tugasnya mengikut Fasal 9.8.3.
- 9.8.7 Ketua Penerangan:
  - 9.8.7.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan dan melaporkannya kepada Majlis Kerja Tertinggi.
  - 9.8.7.2 Mentadbir Jabatan Penerangan di Ibu Pejabat dan menyusun kerja pegawai-pegawai di dalam Jabatan itu.
- 9.9 Jika Presiden berhenti maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan pemilihan Presiden untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuasa mengikut Fasal 9.8.1.
- 9.10 Jika Pemangku Presiden berhenti, Majlis Kerja Tertinggi hendaklah memilih seorang dari Naib Presiden memangku jawatan itu sehingga diadakan pemilihan Presiden untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuasa mengikut Fasal 9.8.1.
- 9.11 Jika kesemua Ahli Majlis Kerja Tertinggi berhenti serentak maka Pengerusi Tetap atau Timbalannya hendaklah dalam tempoh tidak lebih daripada enam puluh (60) hari mengadakan Perhimpunan Agung Khas bagi menubuhkan semula Majlis Kerja Tertinggi dan Perhimpunan Agung itu hendaklah menetapkan tempoh perkhidmatan Majlis Kerja Tertinggi yang baru tertubuh itu.

- 9.12 Jawatan Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi termasuk Presiden dan Timbalan Presiden boleh dilucutkan atau Majlis Kerja Tertinggi dibubarkan oleh Perhimpunan Agung Khas dengan undian tidak kurang dari dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli yang berhak hadir.
- 9.13 Majlis Kerja Tertinggi hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan, atau:
  - 9.13.1 Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Presiden atau,
  - 9.13.2 Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga daripada Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.14 Jika Setiausaha Agung tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 9.13.2. dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permohonan itu dibuat maka ahli-ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Majlis Kerja Tertinggi dijemput hadir.
- 9.15 Satu perdua daripada bilangan Ahli Majlis Kerja Tertinggi adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat.

#### **FASAL 10 TANGGUNGJAWAB MAJLIS KERJA TERTINGGI**

- 10.1 Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan lain atas hal-hal politik atau lain-lain yang sesuai dengan tujuan-tujuan UMNO.
- 10.2 Mengambil maklum dan mengesahkan nama-nama calon bagi pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri setelah proses pemilihan calon-calon bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dipatuhi mengikut perlembagaan.
- 10.3 Menunaikan segala syarat-syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
- 10.4 Membentangkan kepada Perhimpunan Agung suatu Penyata Tahunan dan Penyata Kira-Kira Tahunannya yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira.
- 10.5 Menghantar kepada Bahagian Penyata Tahunan beserta dengan Penyata Tahunan beserta dengan Penyata Kira-Kira sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Perhimpunan Agung.
- 10.6 Menentukan taraf pendaftaran seseorang ahli, menggantung atau melucutkan Keahlian seseorang ahli.
- 10.7 Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar Pertubuhan menubuhkan Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan-cawangan dan menentukan perjalanannya dan boleh menggantung atau membubarkan Badan Perhubungan, Bahagian, Cawangan itu dan/atau Jawatankuasa masing-masing, serta menentukan penubuhan semula dan/atau pemilihan Jawatankuasa yang digantung atau dibubarkan itu.
- 10.8 Dengan persetujuan dua pertiga daripada bilangan Ahli Majlis Kerja Tertinggi, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Bahagian yang menghadiri Perhimpunan Agung.



- 10.9 Melucutkan jawatan mana-mana Ahli Badan Perhubungan, Jawatankuasa Bahagian dan Cawangan atas apa-apa sebab sekalipun.
- 10.10 Melantik seorang Pegawai Awam.
- 10.11 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wangnya.
- 10.12 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikannya pada bila-bila masa jua pun.
- 10.13 Menetapkan tarikh Perwakilan Bahagian dan dengan tidak menghiraukan Fasal 15.3, berkuasa menentukan mana-mana satu di antara Perwakilan Bahagian-bahagian yang diadakan itu bagi memilih Jawatankuasanya.
- 10.14 Membuat peraturan bagi menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan UMNO serta peraturan untuk melaksanakan, mengawal dan menyelia pemilihan jawatan-jawatan di semua peringkat dan menubuhkan jawatankuasa kecil yang lain.
- 10.15 Mengambil sebarang langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan parti.
- 10.16 Majlis Kerja Tertinggi berhak menangguhkan pemilihan di peringkat Majlis Kerja Tertinggi, Bahagian dan Cawangan dengan syarat yang berikut:
  - 10.16.1 Penangguhan ini tidak boleh lebih daripada enam (6) bulan selepas diadakan sesuatu Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) tertakluk kepada satu (1) pemilihan perlu diadakan dalam satu (1) penggal Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat); dan
  - 10.16.2 Tarikh Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) yang dinyatakan dalam Fasal 10.16.1 ini bermaksud tarikh mengundi bagi Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) pada tarikh semasa yang dinyatakan dalam writ yang dikeluarkan mengikut Seksyen 12 Akta Pilihan Raya 1958 atau mana-mana undang-undang yang terpakai bagi tujuan yang sama.

## FASAL 11 PEJABAT SETIAUSAHA AGUNG

Pejabat Setiausaha Agung adalah menjadi Pejabat Berdaftar, iaitu di Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Kompleks UMNO, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 12 BADAN PERHUBUNGAN

- 12.1 Badan Perhubungan boleh ditubuhkan oleh Majlis Kerja Tertinggi di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan.

- 12.2 Badan Perhubungan terdiri daripada:
- 12.2.1 Pengerusi.
  - 12.2.2 Timbalan Pengerusi.
  - 12.2.3 Setiausaha.
  - 12.2.4 Bendahari.
  - 12.2.5 Ketua Penerangan.
  - 12.2.6 Ketua-Ketua Bahagian.
  - 12.2.7 Dua (2) orang wakil Wanita UMNO, dua (2) orang wakil Pergerakan Pemuda dan dua (2) orang wakil Pergerakan Puteri bagi tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Ketua Pergerakan masing-masing.
- 12.3 Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan dilantik oleh Pengerusi dan akan memegang jawatan mereka selama tempoh Majlis Kerja Tertinggi kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Pengerusi.
- 12.4 Timbalan Ketua Bahagian berhak mengambil tempat Ketua Bahagian di Mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan jika Ketua Bahagian tidak dapat hadir.
- 12.5 Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan hendaklah dilantik oleh Presiden dan mereka memegang jawatan masing-masing selama tempoh Majlis Kerja Tertinggi tetapi boleh berhenti atau diberhentikan oleh Presiden pada bila-bila masa.
- 12.6 Wakil Majlis Kerja Tertinggi boleh hadir dan mengambil bahagian dalam sebarang mesyuarat Badan Perhubungan tetapi tidak boleh mengundi.
- 12.7 Badan Perhubungan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan, atau:
- 12.7.1 Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Pengerusi; atau,
  - 12.7.2 Dengan permintaan bertulis daripada satu pertiga daripada bilangan ahli-ahlinya.
- 12.8 Jika Setiausaha tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 12.7.2. selepas empat belas (14) hari daripada tarikh permohonan itu diterima maka ahli-ahli yang memohon itu boleh mengadakan mesyuarat itu dengan syarat semua ahli hendaklah dijemput hadir.
- 12.9 Satu perdua daripada bilangan Ahli Badan Perhubungan adalah menjadi cukup bilang menjalankan mesyuaratnya.
- 12.10 Badan Perhubungan hendaklah mengadakan konvensyen di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan sekurang-kurangnya sekali setahun mengandungi wakil-wakil daripada Bahagian-bahagian. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menentukan syarat- syarat dan lain-lain perkara berhubung dengan Konvensyen itu.
- 12.11 Di dalam tiap-tiap Mesyuarat Badan Perhubungan jika Pengerusi dan Timbalannya tidak hadir maka salah seorang daripada ahli yang hadir itu boleh dipilih menjadi Pengerusi.
- 12.12 Tugas-tugas Pegawai Badan Perhubungan:
- 12.12.1 Pengerusi:
    - 12.12.1.1 Melantik Setiausaha, Ketua Penerangan dan Bendahari.



- 12.12.1.2 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan
- 12.12.1.3 Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota Pejabat Perhubungan.
- 12.12.1.4 Menerima dan menimbang senarai calon-calon Pilihan Raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri serta memastikan senarai tersebut melalui proses yang ditetapkan oleh Majlis KerjaTertinggi.
  
- 12.12.2 Timbalan Pengerusi:
  - 12.12.2.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi.
  - 12.12.2.2 Mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan apabila Pengerusi tidak hadir.
  
- 12.12.3 Setiausaha:
  - 12.12.3.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi.
  - 12.12.3.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat dan Pejabat Perhubungan.
  - 12.12.3.3 Memanggil Mesyuarat mengikut Fasal 12.7
  
- 12.12.4 Bendahari:
  - 12.12.4.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan.
  - 12.12.4.2 Membentangkan laporan kewangan kepada Badan Perhubungan.
  - 12.12.4.3 Memaklumkan kepada Badan Perhubungan kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
  
- 12.12.5 Ketua Penerangan:
  - 12.12.5.1 Bertanggungjawab atas penerangan dan penyiaran.
  - 12.12.5.2 Melaporkan kepada Badan Perhubungan atas kerja-kerja penerangan yang dijalankan di peringkat Negeri.
  
- 12.13 Tanggungan, kuasa dan kewajipan Badan Perhubungan ialah:
  - 12.13.1 Mengatur dan menyelaraskan perjalanan Bahagian-bahagian dalam sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan.
  - 12.13.2 Memilih ahli-ahli bagi mewakili parti di dalam sebarang kumpulan atau Lembaga di peringkat Negeri Wilayah Persekutuan.
  - 12.13.3 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
  - 12.13.4 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikannya pada bila-bila masa pun.
  - 12.13.5 Menunaikan segala syarat dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
  - 12.13.6 Menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit di dalam Bahagian dan Cawangan dengan kehendak Majlis Kerja Tertinggi.
  - 12.13.7 Membentangkan Penyata Tahunan serta penyata Kira-kira wang tahunannya yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa kira-kira pada Majlis Kerja Tertinggi.

### FASAL 13 PEJABAT SETIAUSAHA BADAN PERHUBUNGAN

Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan itu hendaklah ditempatkan di pusat pentadbiran UMNO Negeri itu atau di mana-mana juga tempat yang ditentukan oleh Badan Perhubungan Negeri dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

### FASAL 14 BAHAGIAN

- 14.1 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menubuhkan sebuah Bahagian di setiap kawasan Pilihanraya Dewan Rakyat.
- 14.2 Tertakluk kepada Perlembagaan dan Peraturan Persidangan UMNO, perjalanan Bahagian adalah berasaskan pada kuasa dan perintah Perwakilan Bahagian.
- 14.3 Perwakilan Bahagian hendaklah diadakan sekali setahun tidak kurang daripada enam puluh (60) hari sebelum tarikh diadakan Perhimpunan Agung. Kelonggaran boleh diberikan oleh Majlis Kerja Tertinggi tertakluk kepada Fasal 10.14.
- 14.4 Perwakilan Bahagian hendaklah terdiri daripada:
- 14.4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
- 14.4.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian.
- 14.4.3 Ketua Cawangan yang Cawangannya telah mengadakan persidangan bagi tahun berkenaan. Ketua Cawangan yang menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Cawangan.
- 14.4.4 Wakil-wakil yang dilantik oleh Persidangan Cawangan sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima puluh (50) orang ahli tetapi jumlah Ahli Perwakilan itu tidak lebih daripada lima (5) orang dari satu Cawangan.  
Cawangan-cawangan yang dicadangkan oleh Bahagian untuk digantung atau dibubarkan dan Jawatankuasa Cawangan yang telah digantung oleh Majlis Kerja Tertinggi boleh menghantar wakil jika Cawangan itu dapat mengadakan Persidangan yang sempurna.
- 14.4.5 Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang wakil Wanita UMNO, sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Pemuda dan sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Puteri yang dipilih oleh Perwakilan Bahagiannya masing-masing.
- 14.4.6 Ketua-ketua Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri Cawangan yang telah mengadakan persidangan bagi tahun berkenaan.
- 14.5 Tugas-tugas Perwakilan Bahagian ialah:
- 14.5.1 Tertakluk kepada Fasal 15.3, memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian.
- 14.5.2 Memilih tujuh (7) wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung daripada penama-penama yang telah mendaftarkan diri mereka untuk bertanding. Wakil-wakil yang tidak dipilih dalam Perwakilan Bahagian atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah. Mana-mana wakil tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
- 14.5.3 Membincangkan dasar-dasar parti untuk dikemukakan dalam Perhimpunan Agung.



- 14.5.4 Tertakluk kepada Fasal 9.3, memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.
- 14.5.5 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira mengikut Fasal 28.2.
- 14.6 Perwakilan Khas Bahagian hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut:
  - 14.6.1 Dengan permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian.
  - 14.6.2 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Cawangan dengan syarat Cawangan-cawangan itu telah mengadakan Persidangan Khasnya atas masalah yang sama.
  - 14.6.3 Dengan kehendak Majlis Kerja Tertinggi.
- 14.7 Setiausaha Bahagian hendaklah memanggil Perwakilan Khas Bahagian itu. Jika Setiausaha Bahagian tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permohonan Cawangan yang terakhir itu diterima maka Perwakilan Khas Bahagian itu hendaklah dipanggil oleh Majlis Kerja Tertinggi.
- 14.8 Perwakilan Khas Bahagian itu hendaklah diadakan mengikut kaedah Perwakilan Bahagian dan ahli-ahli yang hadir dalam Perwakilan Bahagian bagi tahun yang baru lalu sahaja boleh hadir kecuali jika Persidangan Cawangan Khas itu menggantikannya dengan ahli yang lain.

## **FASAL 15 JAWATANKUASA BAHAGIAN**

- 15.1 Jawatankuasa Bahagian hendaklah terdiri daripada:
  - 15.1.1 Ketua.
  - 15.1.2 Timbalan Ketua.
  - 15.1.3 Empat (4) orang Naib Ketua termasuk Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri.
  - 15.1.4 Setiausaha.
  - 15.1.5 Bendahari.
  - 15.1.6 Ketua Penerangan.
  - 15.1.7 Tidak lebih daripada dua puluh (20) orang yang dipilih oleh Perwakilan Bahagian.
  - 15.1.8 Tidak lebih daripada dua belas (12) orang yang dilantik oleh Ketua termasuk dua (2) orang dari Wanita UMNO, satu (1) dari Pergerakan Pemuda dan satu (1) orang dari Pergerakan Puteri serta empat (4) orang yang dibawah umur tiga puluh (30) tahun dan terdiri dari dua (2) orang lelaki dan dua (2) orang wanita.
- 15.2 Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Bahagian tersebut yang bukan dipilih atau dilantik mengikut Fasal 15.1, berhak menghadiri tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Bahagian sebagai ahli ex-officio tetapi tidak boleh mengundi.

- 15.3 Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua dan Naib Ketua Wanita UMNO, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Puteri dan Ahli-Ahli Jawatankuasa mengikut Fasal 15.1.7 hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. Walau bagaimanapun Majlis Kerja Tertinggi berhak menangguhkan pemilihan sepertimana diperuntukkan di Fasal 10.16.
- 15.4 Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan ahli yang dilantik oleh Ketua Bahagian akan memegang jawatan mereka selama tempoh Jawatankuasa Bahagian yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Bahagian.
- 15.5 Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Jawatankuasa Bahagian hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- 15.6 Jawatan Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu dilantik menjadi pegawai mengikut Fasal 15.4.
- 15.7 Jika Ketua Bahagian berhenti atau diberhentikan maka Timbalan Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang daripada Naib Ketua memangku jawatan Ketua itu atau melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa, jika ketiadaan Naib Ketua, untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Perwakilan Bahagian mengikut Fasal 15.3.
- 15.8 Jika semua Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian berhenti serentak maka Majlis Kerja Tertinggi akan mengadakan Perwakilan Khas Bahagian untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Bahagian itu dan menentukan tempoh perkhidmatannya.
- 15.9 Jawatankuasa Bahagian hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) bulan atau:
- 15.9.1 Pada bila-bila masa lain yang dikendaki oleh Ketua; atau
- 15.9.2 Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa.
- 15.10 Jika Setiausaha Bahagian tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 15.9.2 dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh permohonan itu dibuat, maka ahli-ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Jawatankuasa Bahagian dijemput hadir.
- 15.11 Satu perdua daripada Ahli-ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat.
- 15.12 Tugas-tugas Pegawai dan Jawatankuasa Bahagian:
- 15.12.1 Ketua Bahagian:
- 15.12.1.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Bahagian dan Cawangan di dalam Bahagian.
- 15.12.1.2 Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota pejabat Bahagian.
- 15.12.1.3 Memanggil dan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bahagian.



- 15.12.1.4 Melantik Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
- 15.12.1.5 Melantik dua belas (12) orang Ahli Jawatankuasa Bahagian.
- 15.12.2 Timbalan Ketua:
  - 15.12.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Bahagian
  - 15.12.2.2 Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bahagian apabila Ketua Bahagian tidak hadir.
- 15.12.3 Naib Ketua:
  - 15.12.3.1 Membantu tugas-tugas Ketua Bahagian.
  - 15.12.3.2 Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bahagian apabila Ketua dan Timbalannya tidak hadir.
- 15.12.4 Setiausaha:
  - 15.12.4.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Bahagian.
  - 15.12.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Bahagian dan Perwakilan Bahagian.
  - 15.12.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan UMNO Bahagian.
- 15.12.5 Bendahari:
  - 15.12.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Bahagian itu.
  - 15.12.5.2 Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Tahunan yang disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira kepada Jawatankuasa Bahagian.
  - 15.12.5.3 Memaklumkan kepada Jawatankuasa Bahagian kedudukan harta benda milik UMNO Bahagian dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 15.12.6 Ketua Penerangan:
  - 15.12.6.1 Menjalankan tugas penerangan di peringkat Bahagian; dan
  - 15.12.6.2 Melaporkan kepada Bahagian akan tugas-tugas tersebut.
- 15.12.7 Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri:
  - 15.12.7.1 Tugas-tugas Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Peraturan-peraturannya.
- 15.13 Tanggungan, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Bahagian ialah:
  - 15.13.1 Mencadangkan calon-calon bagi pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, wakil-wakil parti bagi menganggotai Majlis Bandaraya, Perbandaran, Bandaran Tempatan dan Daerah melalui mesyuarat Jawatankuasa UMNO Bahagian.
  - 15.13.2 Mengawasi perjalanan dan menyelesaikan masalah-masalah Cawangan.

- 15.13.3 Membentangkan Penyata Tahunan serta Penyata Kira-Kira yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Perwakilan Bahagian.
- 15.13.4 Menghantar kepada Setiausaha Agung, Penyata Tahunan Bahagian dan Penyata Kira-Kira yang telah dibentangkan dalam perwakilan Bahagian.
- 15.13.5 Menetapkan tarikh Persidangan Cawangan setelah berunding dengan Jawatankuasa Cawangan.
- 15.13.6 Menunaikan segala syarat yang dikendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
- 15.13.7 Bekerjasama dengan Majlis Kerja Tertinggi dan Cawangan bagi menyediakan senarai ahli-ahli yang berhak mengambil bahagian dalam Persidangan Cawangan.
- 15.13.8 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang
- 15.13.9 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikanannya pada bila-bila masa jua.

#### **FASAL 16 PEJABAT SETIAUSAHA BAHAGIAN**

Pejabat Setiausaha Bahagian itu bolehlah ditempatkan di mana-mana jua tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Bahagian itu dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

#### **FASAL 17 CAWANGAN**

- 17.1 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menubuh, menggantung dan membubarkan Cawangan setelah terlebih dahulu berunding dan merujuk kepada Jawatankuasa Bahagian berkenaan.
- 17.2 Tertakluk kepada Perlembagaan dan Peraturan Persidangan UMNO, perjalanan Cawangan adalah berasaskan kepada kuasa dan perintah Persidangan Cawangan.
- 17.3 Tertakluk kepada Fasal 15.13.5, Persidangan Cawangan hendaklah diadakan setahun sekali tetapi tidak lewat daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh diadakan Perwakilan Bahagian.
- 17.4 Persidangan Cawangan hendaklah terdiri daripada:
  - 17.4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
  - 17.4.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan.
  - 17.4.3 Ahli-ahli UMNO yang telah menjelaskan yuran mengikut Fasal 25.1 Perlembagaan.
- 17.5 Tugas-tugas Persidangan Cawangan ialah:
  - 17.5.1 Membincangkan dasar parti untuk dikemukakan kepada mesyuarat Perwakilan Bahagian.
  - 17.5.2 Mengkaji kerja-kerja yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Cawangan.
  - 17.5.3 Mengadakan rancangan-rancangan kerja untuk faedah rakyat.
  - 17.5.4 Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa tertakluk kepada Fasal 18.2.
  - 17.5.5 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan dua orang Pemeriksa Kira-Kira mengikut Fasal 28.2.



- 17.5.6 Memilih wakil-wakil ke Perwakilan Bahagian. Wakil-wakil yang tidak dipilih di dalam Persidangan Cawangan atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah.
- 17.6 Persidangan Khas Cawangan hendaklah diadakan dengan permintaan bertulis daripada satu perdua jumlah ahli-ahli. Jika Setiausaha tidak memanggil Persidangan Khas Cawangan itu dalam tempoh empat belas (14) hari maka Persidangan Khas Cawangan itu hendaklah dipanggil oleh Jawatankuasa Bahagian.

## FASAL 18 JAWATANKUASA CAWANGAN

- 18.1 Jawatankuasa Cawangan hendaklah terdiri daripada:
- 18.1.1 Ketua.
  - 18.1.2 Timbalan Ketua.
  - 18.1.3 Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri.
  - 18.1.4 Setiausaha.
  - 18.1.5 Bendahari.
  - 18.1.6 Ketua Penerangan.
  - 18.1.7 Tidak lebih daripada lima belas (15) orang yang dipilih oleh Persidangan.
  - 18.1.8 Tidak lebih dari enam (6) orang ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan termasuk sekurang-kurangnya dua (2) orang daripada Wanita UMNO, seorang dari Pergerakan Pemuda dan seorang dari Pergerakan Puteri.
- 18.2 Ketua, Timbalan Ketua dan lima belas (15) Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut Fasal 18.1.7 hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali oleh Persidangan Cawangan. Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri akan dipilih oleh Persidangan Pergerakan masing-masing tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. Walau bagaimanapun Majlis Kerja Tertinggi berhak menengguhkan pemilihan sepertimana diperuntukkan di Fasal 10.16.
- 18.3 Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan dan tidak lebih dari enam (6) orang ahli yang dilantik mengikut Fasal 18.1.8 oleh Ketua Cawangan dan akan memegang jawatan mereka selama tempoh Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Cawangan.
- 18.4 Jawatan Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu telah dilantik menjadi Pegawai mengikut Fasal 18.3.
- 18.5 Jawatankuasa Cawangan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali, atau:
- 18.5.1 Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua; atau,
  - 18.5.2 Dengan permintaan bersurat daripada satu pertiga Ahli Jawatankuasa Cawangan.
- 18.6 Jika Setiausaha tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 18.5.2. dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh permohonan itu dibuat maka ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Jawatankuasa Cawangan dijemput hadir.

- 18.7 Satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat.
- 18.8 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa yang dipilih tiada lagi memegang jawatannya maka jawatan itu tidak boleh diganti.
- 18.9 Jika Ketua Cawangan berhenti atau diberhentikan maka Timbalan Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua itu berhenti atau diberhentikan maka salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa boleh dilantik memangku jawatan itu.
- 18.10 Jika Ketua dan Timbalan tidak hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa maka salah seorang daripada ahli-ahli yang hadir itu boleh dilantik menjadi Pengerusi.
- 18.11 Tugas-tugas Pegawai Cawangan:
- 18.11.1 Ketua:
- 18.11.1.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Cawangannya.
  - 18.11.1.2 Melantik Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan Cawangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
  - 18.11.1.3 Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota Pejabat Cawangan.
  - 18.11.1.4 Memanggil dan mempengerusikan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan.
  - 18.11.1.5 Melantik enam (6) orang Ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut Fasal 18.1.8.
- 18.11.2 Timbalan Ketua:
- 18.11.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Cawangan.
  - 18.11.2.2 Mempengerusikan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan apabila Ketua Cawangan tidak hadir.
- 18.11.3 Setiausaha:
- 18.11.3.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Cawangan.
  - 18.11.3.2 Mentadbirkan perjalanan Pejabat Cawangan dan menjadi Pegawai Awam.
  - 18.11.3.3 Melaporkan kepada Ketua Cawangan segala tindakan yang diambil berhubung dengan pentadbiran Pejabat Cawangan.
  - 18.11.3.4 Bertanggungjawab atas kesempurnaan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan dan Persidangan Cawangan.
  - 18.11.3.5 Menyediakan Penyata Tahunan Cawangan.
  - 18.11.3.6 Memanggil mesyuarat mengikut Fasal 18.5.
- 18.11.4 Bendahari:
- 18.11.4.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Cawangan.



- 18.11.4.2 Menyedia dan membentangkan Penyata Kira-Kira Kewangan Tahunan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Jawatankuasa Cawangan.
- 18.11.4.3 Memaklumkan kepada Jawatankuasa Cawangan kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 18.11.5 Ketua Penerangan:
  - 18.11.5.1 Mentadbir dan menyusun rancangan-rancangan penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Cawangan.
  - 18.11.5.2 Bertanggungjawab atas penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Cawangan.
  - 18.11.5.3 Melaporkan kepada Jawatankuasa Cawangan atas kerja-kerja penerangan UMNO yang dijalankan dalam Cawangan itu.
- 18.11.6 Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri:
  - 18.11.6.1 Tugas-tugas Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Peraturan-peraturannya.
- 18.12 Tugas-tugas Jawatankuasa Cawangan ialah:
  - 18.12.1 Menjalankan arahan-arahan parti seperti yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi dan Jawatankuasa Bahagian.
  - 18.12.2 Menyemai perasaan persaudaraan dan menggalakkan bantuan sesama sendiri di kalangan ahli-ahli parti.
  - 18.12.3 Membentangkan kepada Persidangan Cawangan Penyata Tahunan dan Penyata Kira-Kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira.
  - 18.12.4 Menunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
  - 18.12.5 Menghantarkan kepada ahli-ahlinya Penyata Kira-Kira sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh diadakan Persidangan Cawangan.
  - 18.12.6 Mencadangkan pemecatan atau penggantungan keahlian seseorang ahli kepada Majlis Kerja Tertinggi melalui Bahagian.
  - 18.12.7 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
  - 18.12.8 Melantik pemegang Amanah dan memberhentikanannya pada bila-bila masapun.

## **FASAL 19 PEJABAT SETIAUSAHA CAWANGAN**

Pejabat Setiausaha bolehlah ditempatkan di mana-mana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Cawangan dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 20 DISIPLIN**

- 20.1 Majlis Kerja Tertinggi berhak menubuhkan Lembaga Disiplin di peringkat Pusat dan Jawatankuasa Disiplin diperingkat negeri serta menentukan peraturan-peraturan, kuasa-kuasa dan mengenakan hukuman kerana melanggar peruntukan perlembagaan ini dan kesalahan lain yang disenaraikan didalam tataetika ahli UMNO atau mana-mana peraturan lain.

- 20.2 Ahli-ahli Lembaga Disiplin hendaklah dilantik oleh Majlis Kerja Tertinggi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Disiplin Negeri hendaklah dilantik oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri yang terdiri dari ahli-ahli yang tidak berjawatan dalam parti dan tidak mempunyai kepentingan dalam pemilihan.
- 20.3 Majlis Kerja Tertinggi berhak menetapkan bidang kuasa Lembaga Disiplin dan Jawatankuasa Disiplin serta membuat peraturan-peraturan berkaitan dengannya.
- 20.4 Tanpa menyentuh bidang kuasa Majlis Kerja Tertinggi, Lembaga Disiplin atau Jawatankuasa Disiplin, setelah mendengar dan berpuas hati terhadap pelanggaran peruntukan Perlembagaan ini atau Tataetika ahli UMNO, boleh mengenakan mana-mana hukuman mengikut kuasa yang tertakluk dalam Perlembagaan.
- 20.5 Tiap-tiap peringkat parti hendaklah melaporkan kepada Jawatankuasa Disiplin terlebih dahulu sebelum dibawa ke Lembaga Disiplin mengenai kegiatan mana-mana ahli yang didapati melanggar disiplin parti untuk tindakan selanjutnya.
- 20.6 Seseorang ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan disiplin yang dikenakan oleh Jawatankuasa Disiplin, hendaklah merayu kepada Lembaga Disiplin terlebih dahulu sebelum rayuan terakhir itu dibawa ke peringkat Majlis Kerja Tertinggi untuk keputusan muktamad.
- 20.7 Seseorang ahli yang membawa apa-apa jua perkara parti atau hak keahliannya ke mahkamah sebelum mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan parti maka keahliannya di dalam parti gugur dengan sendirinya.
- 20.8 Mana-mana ahli yang menjadi ahli berdaftar parti politik lain, maka keahliannya gugur setelah disahkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.
- 20.9 Semua ahli UMNO hendaklah cintakan parti dan:
- Patuh kepada Perlembagaan ini dan Tataetika Ahli;
  - Mengikut perintah-perintah parti;
  - Menjalankan dasar-dasar parti;
  - Patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti;
  - Menjaga rahsia-rahsia parti;
  - Memelihara nama baik dan maruah parti;
  - Senantiasa menunjukkan tatalaku yang sopan lagi tertib.
- 20.10 Tanpa menjejaskan kuasa Majlis Kerja Tertinggi, Lembaga Disiplin Pusat atau Jawatankuasa Disiplin Negeri boleh mengenakan mana-mana hukuman terhadap ahli-ahli yang telah melanggar peruntukan Perlembagaan ini atau Tataetika Ahli UMNO seperti berikut;
- Di beri amaran;
  - Digantung hak-haknya dalam parti;
  - Dilarang daripada bertanding bagi mana-mana jawatan dalam parti ataupun sebagai calon dalam Pilihanraya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri bagi mana-mana tempoh yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi;
  - Dipecat daripada Parti setelah disahkan oleh Majlis Kerja Tertinggi;



- (e) Dikenakan lain-lain tindakan hukuman yang difikirkan wajar dan selaras dengan Perlembagaan ini.
- 20.11 Seseorang ahli UMNO akan tergugur keahliannya secara automatik, sekiranya:-
  - 20.11.1 Ahli UMNO itu telah dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri dan kemudiannya telah menyertai suatu pakatan politik yang tidak dianggotai oleh UMNO atau memilih untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri bebas; atau
  - 20.11.2 Ahli UMNO itu bertanding di dalam mana-mana pilihan raya sebagai calon bebas atau calon pakatan politik yang tidak dianggotai UMNO.
- 20.12 Ahli-ahli yang dikenakan hukuman, boleh membuat rayuan supaya:
  - 20.12.1 Menarik balik penggantungan keahliannya selepas dua (2) tahun daripada tarikh ia dihukum.
  - 20.12.2 Menarik balik pemecatan keahliannya selepas tiga (3) tahun daripada tarikh ia dihukum.
  - 20.12.3 Menarik balik pengguguran keahliannya dari tarikh keahliannya gugur.
- 20.13 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa penuh membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berkaitan dengan Tataetika Ahli UMNO, yang di antara lain melarang penyalahgunaan kuasa dan wang dengan tujuan mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi mana-mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi di mana-mana pemilihan parti.

## **FASAL 21 WANITA UMNO, PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN PUTERI**

- 21.1 Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri dalam semua peringkat UMNO boleh diwujudkan dan Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peraturan-peraturan untuknya.

## **FASAL 22 LENCANA DAN LAMBANG UMNO**

- 22.1 Majlis Kerja Tertinggi boleh mengadakan lencana dan lambang bagi ahli.
- 22.2 Lencana dan lambang itu hanya boleh dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Agung.
- 22.3 Bentuk lencana UMNO adalah sebagaimana bentuk bendera UMNO menurut Fasal 23.1 dengan ditambah huruf-huruf ringkas UMNO dalam tulisan jawi di penjurua sebelah atas kanan dan perkataan UMNO di penjurua sebelah bawah kiri.
- 22.4 Bentuk lambang UMNO adalah dari ringkasan perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dalam huruf jawi yang disusun secara vertical (dari atas ke bawah) dan digrafikkan secara simetrikal.

- 22.5 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan dengan lencana dan lambang itu.

### **FASAL 23 BENDERA UMNO**

- 23.1 Rupa bendera UMNO adalah sebagaimana di bawah ini:

Warna merah terletak di atas wana putih sama lebarnya dan satu bulatan berwarna kuning terletak di tengah-tengah bendera itu dan di tengah-tengah bulatan itu terletak rupa sebilah keris Melayu terhunus berwarna hijau dan hulunya menghala ke penjuru di sebelah atas kiri bendera itu.

- 23.2 Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa membuat sebarang peraturan atas penggunaan bendera itu.

- 23.3 Sebarang perubahan bentuk atau corak bendera, hendaklah dipersetujukan oleh Perhimpunan Agung.

### **FASAL 24 PUNCA PENDAPATAN**

- 24.1 Kewangan UMNO adalah diperolehi dari:-

24.1.1 Wang pendaftaran dan Yuran;

24.1.2 Derma-derma dari sumber yang telus dan sah; dan

24.1.3 Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

- 24.2 Tahun Kewangan UMNO ialah dari 1hb. Januari hingga 31hb. Disember.

- 24.3 Pejabat Setiausaha Cawangan, Bahagian dan Perhubungan hendaklah menghantarkan ke Pejabat Setiausaha Agung, Penyata Kira-kira bagi sesuatu tahun kewangan yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira.

### **FASAL 25 YURAN UMNO**

- 25.1 Tiap-tiap ahli biasa UMNO hendaklah membayar yuran pendaftaran atau lain-lain yuran yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi dari semasa ke semasa.

### **FASAL 26 CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG UMNO**

- 26.1 Tertakluk kepada Fasal 26.6 Badan Perhubungan, Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Cawangan boleh menentukan cara-cara mengutip, menyimpan dan menggunakan wang UMNO di peringkat masing-masing.

- 26.2 Wang UMNO, kecuali wang tunai dalam tangan hendaklah disimpan dalam Bank Perdagangan atau Bank Simpanan.

- 26.3 Cek-cek dan borang-borang mengeluarkan wang dari Bank hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua orang ahli di peringkat masing-masing.



- 26.4 Majlis Kerja Tertinggi berhak dan berkuasa di atas semua wang dan harta benda Badan Perhubungan dan Bahagian-bahagian yang termasuk di dalam Badan-badan Perhubungan yang telah dibubarkan.
- 26.5 Jawatankuasa Bahagian adalah berhak di atas semua harta benda, wang tunai di tangan ataupun wang simpanan dalam bank atau simpanan di bank bagi sesebuah Cawangan yang telah dibubarkan.
- 26.6 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan kewangan UMNO bagi semua peringkat.

## **FASAL 27 HARTA ALIH DAN TAK ALIH**

- 27.1 Tiap-tiap harta tak alih, iaitu tanah dan bangunan Ibu Pejabat UMNO hendaklah didaftar atas nama UMNO dan harta tak alih kepunyaan Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan bolehlah didaftar atas namanya masing-masing.
- 27.2 Majlis Kerja Tertinggi hendaklah melantik satu Lembaga Pemegang Amanah UMNO bagi tujuan menguruskan pegangan dan pemilikan tiap-tiap harta alih parti serta memastikan pengurusan harta alih, harta tak alih dan segala kepentingan UMNO adalah telus dan bebas dari sebarang penyelewengan dan salah guna kuasa.
- 27.3 Kuasa untuk menentukan UMNO membeli, mencagar (bagi faedah sendiri atau pihak lain), menjual, memindah, memajak atau menyewa harta tanah dan bangunan adalah terletak kepada Majlis Kerja Tertinggi dan bagi harta tak alih kepunyaan Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan kuasa yang sama adalah terletak kepada jawatankuasa masing-masing.
- 27.4 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peraturan untuk melaksanakan tujuan Fasal 27 ini dan untuk memindahkan nama pemilik berdaftar bagi harta tersebut kepada pihak-pihak yang diberi kuasa memilikinya oleh Fasal 27.1.
  - 27.4.1 Setiap Pemegang Amanah UMNO pada setiap peringkat perlu direkodkan dan menandatangani surat ikatan amanah serta melaporkan kemas kini amaun harta alih yang dipegang setiap tahun kepada Lembaga Pemegang Amanah UMNO.
  - 27.4.2 Pemegang Amanah UMNO yang tidak mahu memulangkan semula harta alih atau tak alih boleh diambil tindakan undang-undang seperti yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.
  - 27.4.3 Aset yang telah dipulangkan semula dan diambil balik perlu dibentangkan kepada Majlis Kerja Tertinggi oleh Lembaga Pemegang Amanah UMNO.
  - 27.4.4 Lembaga Pemegang Amanah UMNO yang dipimpin oleh Bendahari serta dianggotai oleh profesional-profesional berpengalaman dalam bidang masing-masing dan beretika tinggi untuk memastikan pengurusan harta alih dan tak alih telus dan bebas dari sebarang penyelewengan. Lembaga Pemegang Amanah UMNO boleh diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira pada bila-bila masa untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan harta UMNO.

**FASAL 28 PEMERIKSA KIRA-KIRA**

- 28.1 Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah melantik sebuah Syarikat Juruaudit yang diketuai oleh Kerajaan untuk memeriksa kira-kira wang dan harta parti.
- 28.2 Mesyuarat Badan Perhubungan, Perwakilan Bahagian dan Persidangan Cawangan hendaklah memilih dua (2) orang menjadi Pemeriksa Kira-kira bagi memeriksa kira-kira Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan masing-masing.
- 28.3 Majlis Kerja Tertinggi, Badan Perhubungan, Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Cawangan hendaklah memilih Pemeriksa Kira-kira menggantikan Pemeriksa Kira-kira yang dipilih oleh peringkat masing-masing jika mereka menarik diri.
- 28.4 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan kira-kira wang dan harta Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan dan Bahagian berkuasa memeriksa kira-kira wang dan harta Cawangan.
- 28.5 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan mengenai wang Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan.

**FASAL 29 PERATURAN PERSIDANGAN**

- 29.1 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang Peraturan Persidangan Perhimpunan Agung yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.
- 29.2 Peraturan Persidangan Perhimpunan Agung hendaklah dipakai untuk persidangan-persidangan parti di semua peringkat.

**FASAL 30 MEMINDA PERLEMBAGAAN**

- 30.1 Perlembagaan ini atau sebarang bahagian daripadanya boleh dipinda atau dimansuhkan dengan ketepatan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua pertiga ahli-ahli yang berhak hadir dalam Perhimpunan Agung Khas dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan menurut Akta Pertubuhan, 1966.
- 30.2 Cadangan-cadangan pindaan kepada Perlembagaan yang dikemukakan oleh Majlis Kerja Tertinggi boleh dipinda oleh Ahli-Ahli Persidangan Perhimpunan Agung Khas dengan syarat hendaklah dibuat dengan bertulis kepada Setiausaha Agung, empat belas (14) hari sebelum Perhimpunan Agung diadakan. Bahagian-bahagian boleh mencadangkan pindaan kepada Perlembagaan dengan syarat mengikut Fasal 8.5.3.




## FASAL 31 KUASA SEMENTARA MENGELOLAKAN UMNO

Perlembagaan ini berjalan kuatkuasanya daripada tarikh yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan akan tetapi sebarang perbuatan atau pekerjaan yang telah diperbuat oleh UMNO terlebih dahulu daripada Perlembagaan ini diluluskan adalah sah sekalipun perbuatan dan pekerjaan itu tidak sesuai atau tidak mengikut kehendak Perlembagaan.

## FASAL 32 TAFSIRAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Perlembagaan ini atau Peraturan Persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang dibuat di bawah kuatkuasanya maka tafsiran yang diberikan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad.



**(DATU' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAJI HAMIDI)  
PRESIDEN**



**(DATUK WIRA DR. ASYRAF WAJDI BIN DUSUKI)  
SETIAUSAHA AGUNG**





فرتويوهن كبغسان ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU  
UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION  
NO. PENDAFTARAN 676/88 (WILAYAH PERSEKUTUAN)

# PERATURAN PERSIDANGAN UMNO

## KANDUNGAN

1.	HURAIAN	1
2.	KUASA PERATURAN	5
3.	PEMILIHAN Pengerusi	5
4.	PERSIDANGAN	7
5.	TEMPAT DAN MASA PERSIDANGAN	7
6.	NOTIS PERSIDANGAN	7
7.	PERSIDANGAN SEMULA	8
8.	HAK MENGHADIRI PERSIDANGAN	9
9.	ATURAN URUSAN PERSIDANGAN	10
10.	PEMBERITAHU USUL	10
11.	CUKUP BILANG	11
12.	SURAT TAULIAH AHLI	11
13.	PEMERHATI KE MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN DAN PERSIDANGAN CAWANGAN	11
14.	AGENDA PERSIDANGAN	12
15.	PERINGATAN PERSIDANGAN	17
16.	TANGGUHAN PERSIDANGAN	17
17.	MENAGGUHKAN PERSIDANGAN KERANA MEMBAHASKAN PERKARA MUSTAHAK	17
18.	USUL-USUL	17
19.	USUL TERGEMPAR	18
20.	PINDAAN USUL	18
21.	MENYOKONG USUL DAN PINDAAN	19
22.	PINDAAN USUL DENGAN BERTULIS	19
23.	MENARIK BALIK USUL	19
24.	PERKARA-PERKARA YANG DITEGAH	19
25.	KUASA Pengerusi	20



## KANDUNGAN

26.	MEMBERHENTIKAN PERSIDANGAN	21
27.	MEMUTUSKAN MASALAH PENGUNDIAN	21
28.	KAEDAH PENCALONAN DAN PENGUNDIAN	22
29.	BERSIDANG SECARA JAWATANKUASA	23
30.	MENGANGKAT JAWATANKUASA PILIHAN	24
31.	PAKAIAN	24
32.	MEMINDA PERATURAN	24
		t



## 1. HURAIAN

Apabila Peraturan ini dipakai di peringkat Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Malaysia, maka perkataan-perkataan yang tertentu bagi penggunaan dan kehendak Peraturan Persidangan adalah seperti berikut:-

1.1	"UMNO"	bermakna	PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU.
1.2	"PERATURAN"	"	Peraturan Persidangan.
1.3	"PENCADANG"	"	Ahli yang membawa sebarang cadangan.
1.4	"PENYOKONG"	"	Ahli yang menyokong sebarang cadangan.
1.5	"PENGERUSI"	"	Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.6	"TIMBALAN PENERUSI"	"	Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.7	"PRESIDEN"	"	Presiden UMNO atau Ketua Wanita UMNO atau Ketua Pergerakan Pemuda atau Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.8	" AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI"	"	Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO atau Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO atau Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda atau Ahli Jawatankuasa Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.

1.9	"SETIAUSAHA"	"	Setiausaha Agung UMNO atau Setiausaha Wanita UMNO atau Setiausaha Pergerakan Pemuda atau Setiausaha Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.10	"WAKIL"	bermakna	Seorang yang dipilih menjadi Ahli Perhimpunan Agung UMNO atau Perhimpunan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.11	"AHLI"	"	Seorang Ahli Perhimpunan Agung UMNO atau Perhimpunan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.12	"PERSIDANGAN"	"	Perhimpunan Agung UMNO atau Perhimpunan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
1.13	"PERINGATAN"	"	Peringatan Presiden Perhimpunan Agung atau Peringatan Perhimpunan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.

Apabila Peraturan ini dipakai di peringkat UMNO Bahagian atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Bahagian maka perkataan-perkataan yang tertentu mulai 1.5 sehingga 1.13 di atas didalam Peraturan ini hendaklah dimaksudkan sebagaimana dibawah ini:-

"PENGERUSI"	bermakna	Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.
"TIMBALAN PENGERUSI"	"	Timbalan Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Bahagian



		atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.
"PRESIDEN"	"	Ketua Bahagian atau Ketua Wanita UMNO atau Ketua Pergerakan Pemuda atau Ketua Pergerakan Puteri Bahagian.
"AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI"	"	Ahli Jawatankuasa Bahagian atau Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.
"SETIAUSAHA"	"	Setiausaha Bahagian atau Setiausaha Wanita UMNO atau Setiausaha Pergerakan Pemuda atau Setiausaha Pergerakan Puteri UMNO Bahagian.
"WAKIL"	"	Seorang yang dipilih menjadi Ahli Perwakilan Bahagian atau Ahli Perwakilan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.
"AHLI"	"	Seorang ahli dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.
"PERSIDANGAN"	"	Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.
"PERINGATAN"	"	Peringatan Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian.

Apabila Peraturan ini dipakai di peringkat UMNO Cawangan atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri UMNO Cawangan maka perkataan-perkataan yang tertentu mulai 1.5 sehingga 1.13 di atas didalam Peraturan ini hendaklah dimaksudkan sebagaimana di bawah ini:-

"PENGERUSI"	bermakna	Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.
"TIMBALAN PENGERUSI"	"	Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.
"PRESIDEN"	"	Ketua Cawangan atau Ketua Wanita UMNO atau Ketua Pergerakan Pemuda atau Ketua Pergerakan Puteri Cawangan.
"AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI"	"	Ahli Jawatankuasa Cawangan atau Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.
"SETIAUSAHA"	"	Setiausaha Cawangan atau Setiausaha Wanita UMNO atau Setiausaha Pergerakan Pemuda atau Setiausaha Pergerakan Puteri UMNO Cawangan.
"WAKIL"	"	Seorang yang dipilih menjadi Ahli Perwakilan Cawangan atau Ahli Perwakilan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.
"AHLI"	"	Seorang ahli dalam Persidangan Cawangan atau Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.



"PERSIDANGAN"	"	Persidangan Cawangan atau Persidangan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.
"PERINGATAN"	"	Peringatan Persidangan Cawangan atau Peringatan Persidangan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan.

## 2. KUASA PERATURAN

- 2.1 Pekerjaan dan tertib menjalankan Persidangan hendaklah menurut Peraturan ini. Jika berbangkit sebarang masalah, maka Pengerusi berkuasa membuat keputusan dan keputusannya itu muktamad.
- 2.2 Majlis Kerja Tertinggi sahaja berkuasa membuat keputusan diatas mana-mana Persidangan atau mesyuarat jawatankuasanya yang didapati gagal mematuhi Peraturan Persidangan dan seterusnya memberi apa-apa arahan selanjutnya.

## 3. PEMILIHAN PENERUSI

- 3.1 (a) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian.
- (b) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Bahagian hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian, dan
- (c) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Cawangan hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dalam Persidangan Cawangan.
- (d) Bagi peringkat Bahagian dan Cawangan, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi itu hendaklah terdiri daripada ahli-ahli UMNO dalam Bahagian dan Cawangan itu sendiri.
- (e) Pemilihan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dijalankan dengan undi sulit tetapi di peringkat Cawangan boleh dibuat dengan

cara undi sulit atau mengangkat tangan mengikut kehendak Persidangan.

- 3.2 Perhimpunan Agung di dalam persidangannya berkuasa memberhentikan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga ( $2/3$ ) daripada bilangan ahli yang hadir. Jika salah seorang daripadanya diberhentikan maka seorang Pembantu hendaklah dipilih dan akan membantu sehingga Persidangan itu ditangguhkan.
- 3.3 (a) Pengerusi yang dipilih dibawah Peraturan 3.1 di atas ini hendaklah menjadi Pengerusi dalam sebarang persidangan melainkan jika Pengerusi itu tidak hadir maka Timbalan Pengerusi hendaklah mengambil tempatnya ataupun bolehlah mereka bergilir-bergilir mempengerusikan mesyuarat yang sama.
- (b) Sekiranya kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir maka Setiausaha berkuasa menjalankan persidangan bagi memilih Pengerusi Sementara dan seorang Pembantu yang menjalankan tugas-tugas Pengerusi Persidangan bagi Persidangan itu sahaja.
- (c) Jika salah seorang daripadanya tidak dapat hadir maka seorang Pembantu hendaklah dipilih dan akan membantu sehingga Persidangan itu ditangguhkan.
- (d) Pemilihan Pengerusi Sementara dan Pembantu hendaklah dipilih di kalangan Ahli Persidangan dan mereka tidaklah hilang hak asalnya untuk mengundi sebagai seorang wakil Persidangan.
- 3.4 Jika kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi berhenti serentak maka Setiausaha hendaklah menjalankan Persidangan itu bagi memilih Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Sementara. Mereka memegang jawatan itu sehingga Persidangan itu ditangguhkan. Jika salah seorang daripadanya berhenti maka seorang Pembantu yang menjalankan tugas-tugas Pengerusi Persidangan hendaklah dipilih di kalangan Ahli Persidangan. Beliau akan membantu sehingga Persidangan itu ditangguhkan.



## **4. PERSIDANGAN**

- 4.1 Persidangan Perhimpunan Agung, Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan Persidangan Tahunan Cawangan hendaklah diadakan menurut Perlembagaan UMNO.
- 4.2 Bahasa yang digunakan dalam Persidangan ialah Bahasa Malaysia.

## **5. TEMPAT DAN MASA PERSIDANGAN**

- 5.1 Persidangan Perhimpunan Agung hendaklah dimulakan pada hari dan waktu di tempat yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.
- 5.2 Mesyuarat Perwakilan Bahagian hendaklah diadakan pada satu tempat dalam Bahagian yang berkenaan, tetapi jika tidak ada kemudahan di situ maka kebenaran boleh diberi oleh Majlis Kerja Tertinggi untuk mengadakan perwakilan di luar Bahagian.
- 5.3 Persidangan Cawangan hendaklah diadakan pada satu tempat yang berkecuali dalam Cawangan berkenaan, melainkan jika tidak ada kemudahan di situ maka Persidangan bolehlah diadakan dimana-mana tempat yang munasabah termasuk di luar Cawangan setelah berunding dengan Bahagian.
- 5.4 Tarikh Perhimpunan Agung, tarikh Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan tempoh Persidangan Cawangan adalah ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.
- 5.5 Tarikh Persidangan Cawangan adalah ditentukan oleh Bahagian setelah berunding dengan Cawangan mengikut Fasal 15.13.5 dan 17.3 Perlembagaan UMNO. Tarikh hanya boleh diubahkan oleh pihak Cawangan setelah memaklukkannya kepada Bahagian dan mendapat persetujuannya. Sekiranya perubahan tarikh itu diluar daripada tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi maka kebenaran Majlis Kerja Tertinggi hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Persidangan Cawangan dijalankan.

## **6. NOTIS PERSIDANGAN**

- 6.1 Setiausaha Agung hendaklah memberitahu Bahagian dengan bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu daripada hari diadakan Perhimpunan Agung Tahunan tetapi jika ada sesuatu yang mustahak Presiden berkuasa memanggil Perhimpunan Agung Tahunan

dengan mengeluarkan pemberitahuan di dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari.

- 6.2 Setiausaha Bahagian hendaklah memberitahu Cawangan dengan bertulis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari terlebih dahulu daripada hari diadakan Mesyuarat Perwakilan Bahagian.
- 6.3 Jika dengan sebab sesuatu kesukaran tidak dapat diadakan Persidangan Perhimpunan Agung atau Mesyuarat Perwakilan Bahagian pada hari yang ditentukan itu, maka bolehlah Persidangan itu ditangguhkan pada hari dan waktu yang ditetapkan oleh Presiden atau Ketua Bahagian. Setiausaha Agung atau Setiausaha Bahagian hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada wakil-wakil dalam masa tidak lewat daripada (7) hari terlebih dahulu daripada hari yang telah ditentukan itu bagi mengadakan Persidangan semula.
- 6.4 Setiausaha Cawangan hendaklah memberitahu Ahli-ahli dengan bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari terlebih dahulu daripada hari diadakan Persidangan Cawangan.
- 6.5 Cawangan-cawangan yang ditangguhkan Persidangan Tahunannya atas sebab-sebab tertentu tidak memerlukan notis tujuh (7) hari bagi mengadakan Persidangan semula.

## **7. PERSIDANGAN SEMULA**

- 7.1 Bahagian-bahagian atau Cawangan-cawangan yang gagal mengadakan Mesyuarat Perwakilan / Persidangan Tahunan pada tahun yang lalu bolehlah mengadakannya semula dan berhak menghantar wakil-wakilnya ke Perhimpunan Agung atau Mesyuarat Perwakilan Bahagian. Bagi Cawangan-cawangan yang tidak aktif dalam satu-satu tahun, Jawatankuasa Bahagian hendaklah mengambil alih pentadbiran Cawangan-cawangan tersebut dengan mengadakan Persidangan Khas Cawangan bagi memilih Jawatankuasa baru yang akan memegang jawatan sehingga pemilihan Cawangan akan datang dan berhak menghantar wakil-wakilnya ke Perhimpunan Agung atau Mesyuarat Perwakilan Bahagian.
- 7.2 Bahagian-bahagian atau Cawangan-cawangan yang gagal mengadakan Mesyuarat Perwakilan / Persidangan Tahunan pada tahun pemilihan, Jawatankuasanya adalah bubar. Maka Majlis Kerja Tertinggi atau Jawatankuasa Bahagian berkuasa mengadakan Mesyuarat Perwakilan Khas Bahagian atau Persidangan Khas Cawangan bagi memilih



jawatankuasa baru yang akan memegang jawatan sehingga pemilihan Bahagian atau Cawangan akan datang dan berhak menghantar wakil-wakilnya ke Perhimpunan Agung atau Mesyuarat Perwakilan Bahagian.

- 7.3 Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Bahagian atau Persidangan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri Cawangan yang ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu, boleh mengadakan Mesyuarat Perwakilan atau Persidangan semula walaupun terkemudian daripada tarikh Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Persidangan Cawangan asalkan tidak lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

## **8. HAK MENGHADIRI PERSIDANGAN**

- 8.1 Hanya ahli yang telah menjelaskan yuran menurut Fasal 25.1 Perlembagaan UMNO berhak hadir dan mengambil bahagian dalam sebarang Persidangan.
- 8.2 Cawangan-cawangan yang baru ditubuhkan dan telah menerima Sijil Pendaftaran sebelum atau pada 31 Disember pada tahun berkenaan berhak mengadakan Persidangan pada tahun berikutnya dan berhak menghantar wakil penuh ke Mesyuarat Perwakilan Bahagian. Cawangan Wanita, Pemuda dan Puteri yang baru ditubuhkan sebelum atau pada 31 Disember pada tahun berkenaan berhak mengadakan Persidangan dan menghantar wakil penuh ke Mesyuarat Perwakilan Bahagian Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri masing-masing.
- 8.3 Ahli-ahli yang Cawangannya telah dibubarkan oleh Pendaftar Pertubuhan, bolehlah berpindah ke mana-mana Cawangan lain. Mereka boleh menghadiri Persidangan Cawangan berkenaan serta bertanding untuk menjadi wakil atau memegang jawatan di sebarang peringkat pada tahun berikutnya sekiranya memenuhi syarat mengikut Fasal 9.5 dan 15.5 Perlembagaan UMNO.
- 8.4 Seseorang yang telah diisytiharkan mufis oleh mahkamah boleh menghadiri Persidangan dan boleh mengundi tetapi tidak boleh dicalonkan, dipilih atau dilantik menjawat jawatan. Bagi ahli yang dikenakan tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966, ia hilang hak untuk hadir dan mengambil bahagian dalam Persidangan sebelum cukup lima (5) tahun keluar dari penjara atau tarikh ia dikenakan denda.

- 8.5 Jika Cawangan gagal mengadakan Persidangan Tahunannya, tidak menyebabkan Persidangan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri yang diadakan tidak sah dan adalah berhak menghantar wakil-wakilnya ke Mesyuarat Perwakilan Wanita atau Pemuda atau Puteri Bahagian.

## 9. ATURAN URUSAN PERSIDANGAN

- 9.1 Setiausaha hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari terlebih dahulu daripada Persidangan susunan agenda perkara Persidangan beserta dengan cadangan-cadangan, akan tetapi jika ada sebab-sebab yang mustahak pada fikiran Presiden susunan agenda perkara Persidangan ini bolehlah dihantarkan tidak lewat daripada (3) hari.
- 9.2 Urusan Majlis Kerja Tertinggi hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain dan urusan Majlis Kerja Tertinggi hendaklah diaturkan mengikut sebagaimana yang baik pada pertimbangan Pengerusi tetapi dengan tidak mengendahkan sebarang syarat lain dalam peraturan Persidangan boleh menentukan sesuatu kerja itu didahulukan dengan tidak mengikut susunan yang telah ditetapkan.

## 10. PEMBERITAHU USUL

- 10.1 Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Persidangan apa-apa usul hendaklah disampaikan pemberitahu itu tidak kurang daripada empat (4) hari terlebih dahulu tetapi jika usul itu atas nama Majlis Kerja Tertinggi maka memadailah dengan dikeluarkan pemberitahu tujuh (7) hari sahaja terlebih dahulu dan pula jika Pengerusi puas hati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Ahli Majlis Kerja Tertinggi iaitu bagi faedah orang ramai sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segeranya maka memadailah dikeluarkan pemberitahu itu pada hari Persidangan itu.
- 10.2 Jika pada fikiran Pengerusi, sesuatu pemberitahu yang diterima oleh Setiausaha itu melanggar apa-apa syarat Peraturan Persidangan ini, Pengerusi bolehlah memerintah pemberitahu itu dipinda atau ditolak.
- 10.3 Dengan tertakluk dengan syarat-syarat dalam usul-usul atau pindaan-pindaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dengan bertulis.



## 11. CUKUP BILANG

- 11.1 Cukup bilang bagi Persidangan Perhimpunan Agung dan Mesyuarat Perwakilan Bahagian ialah sekurang-kurangnya satu perempat ( $1/4$ ) daripada jumlah perwakilan yang layak hadir manakala Persidangan Cawangan ialah satu perempat ( $1/4$ ) dan mestilah sekurang-kurangnya dua puluh lima (25) orang daripada jumlah ahli yang berhak hadir.
- 11.2 Tertakluk kepada Peraturan 7.3 Peraturan ini, sekiranya tidak cukup bilang selepas setengah jam lamanya daripada waktu yang ditetapkan, Pengerusi hendaklah menangguhkan Persidangan itu.
- 11.3 Cukup bilang bagi Persidangan Cawangan Wanita UMNO atau Pergerakan Pemuda atau Pergerakan Puteri ialah sembilan (9) orang ahli yang berhak hadir tetapi tidak termasuk Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan 2 wakil Cawangan.
- 11.4 Perbahasan di dalam Persidangan tidak boleh dijalankan melainkan ada sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah ahli yang menjadikan cukup bilang berada di tempat Persidangan itu diadakan.

## 12. SURAT TAULIAH AHLI

Majlis Kerja Tertinggi boleh membuat peraturan mengenai surat tauliah kepada ahli Persidangan dan Pemerhati.

## 13. PEMERHATI KE MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN DAN PERSIDANGAN CAWANGAN

- 13.1 Badan Perhubungan hendaklah melantik pemerhati-pemerhati yang akan memerhati Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan membuat laporan berhubung dengannya.
- 13.2 Bahagian hendaklah melantik pemerhati-pemerhati ke Persidangan Cawangan dan membuat laporan berhubung dengannya. Pemerhati-pemerhati ini adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Bahagian atau jika tidak mencukupi bolehlah melantik Ahli Jawatankuasa Wanita, Pemuda atau Puteri Bahagian atau sebarang orang lain yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Bahagian.
- 13.3 Pelantikan pemerhati-pemerhati ke Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pemuda atau Puteri Bahagian dan Persidangan Wanita, Pemuda atau Puteri Cawangan hendaklah mengikut kaedah yang sama seperti Bahagian dan Cawangan dalam Peraturan 13.1 dan 13.2 di atas.

13.4 Pemerhati-pemerhati yang dilantik tidak berhak mengendalikan Persidangan atau mencampuri urusannya tetapi boleh memberi pandangan atau nasihat jika diminta oleh Pengerusi Persidangan.

13.5 Jika atas sebab-sebab tertentu pemerhati-pemerhati yang dilantik oleh Badan Perhubungan atau Bahagian tidak dapat hadir, Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Persidangan Cawangan boleh dijalankan dengan mengikut Peraturan Persidangan dan adalah sah.

#### 14. AGENDA PERSIDANGAN

14.1 Susunan Agenda Persidangan Perhimpunan Agung UMNO.

14.1.1 Bacaan doa.

14.1.2 Nyanyian:

i) Negaraku.

ii) Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.

iii) Barisan Nasional.

14.1.3 Pesanan Pengerusi.

14.1.4 Membentangkan Peringatan Persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang lalu.

14.1.5 Membentangkan Penyata Tahunan.

14.1.6 Membentangkan Penyata Kira-Kira.

14.1.7 Ucapan Dasar Presiden.

14.1.8 Melantik Juruaudit (Jika ada).

14.1.9 Membentangkan dan membahaskan Usul-usul.

14.1.10 Tanggahan Persidangan.

14.1.11 Ucapan Penggulungan.

14.2 Susunan Agenda Persidangan Perhimpunan Agung Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.

14.2.1 Bacaan doa.

14.2.2 Nyanyian:



- i) **Negaraku.**
  - ii) **Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.**
  - iii) **Lagu-lagu Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.**
- 14.2.3 **Pesanan Pengerusi.**
- 14.2.4 **Membentangkan Peringatan Persidangan Perhimpunan Agung Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri yang lalu.**
- 14.2.5 **Membentangkan Penyata Tahunan.**
- 14.2.6 **Ucapan Ketua Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.**
- 14.2.7 **Memilih 10 orang wakil Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri ke Perhimpunan Agung UMNO selaras dengan Fasal 8.4.5 Perlembagaan UMNO.**
- 14.2.8 **Membentangkan dan membahaskan Usul-usul.**
- 14.2.9 **Tanggahan Persidangan.**
- 14.2.10 **Ucapan Penangguhan.**
- 14.3 **Susunan Agenda Persidangan Mesyuarat Perwakilan Bahagian.**
  - 14.3.1 **Bacaan Doa.**
  - 14.3.2 **Nyanyian:**
    - i) **Negaraku,**
    - ii) **Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.**
    - iii) **Barisan Nasional.**
  - 14.3.3 **Pesanan Pengerusi.**
  - 14.3.4 **Membentangkan Peringatan Persidangan Mesyuarat Perwakilan yang lalu.**
  - 14.3.5 **Membentangkan Penyata Tahunan.**
  - 14.3.6 **Membentangkan Penyata Kira-kira.**

- 14.3.7 Ucapan Ketua Bahagian.
- 14.3.8 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia.
- 14.3.9 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira Bahagian.
- 14.3.10 Memilih wakil-wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO.
- 14.3.11 Membentangkan dan membahaskan Usul-usul.
- 14.3.12 Tangguhan Persidangan.
- 14.3.13 Ucapan Penangguhan.
- 14.4 Susunan Agenda Persidangan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Bahagian.
  - 14.4.1 Bacaan Doa.
  - 14.4.2 Nyanyian:
    - i) Negaraku.
    - ii) Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.
    - iii) Lagu-lagu Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.
  - 14.4.3 Pesanan Pengerusi.
  - 14.4.4 Membentangkan Peringatan Persidangan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri yang lalu.
  - 14.4.5 Membentangkan Penyata Tahunan.
  - 14.4.6 Ucapan Ketua Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.
  - 14.4.7 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua, Naib Ketua dan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Malaysia.



- 14.4.8 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua, Naib Ketua dan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Bahagian.
- 14.4.9 Memilih 10 wakil Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri ke Mesyuarat Perwakilan Bahagian.
- 14.4.10 Memilih dua (2) orang wakil ke Perhimpunan Agung Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Malaysia.
- 14.4.11 Membenteng dan membahaskan Usul-usul.
- 14.4.12 Tangguhan Persidangan.
- 14.4.13 Ucapan Penangguhan.
- 14.5 Susunan Agenda Persidangan Cawangan.
  - 14.5.1 Bacaan doa.
  - 14.5.2 Nyanyian:
    - i) Negaraku.
    - ii) Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.
    - iii) Barisan Nasional.
  - 14.5.3 Pesanan Pengerusi.
  - 14.5.4 Membentangkan Peringatan Persidangan Cawangan yang lalu.
  - 14.5.5 Membentangkan Penyata Tahunan.
  - 14.5.6 Membentangkan Penyata Kira-kira.
  - 14.5.7 Ucapan Ketua Cawangan.
  - 14.5.8 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira.
  - 14.5.9 Memilih wakil-wakil Cawangan ke Mesyuarat Perwakilan Bahagian.
  - 14.5.10 Membenteng dan membahaskan Usul-usul.
  - 14.5.11 Tangguhan Persidangan.

- 14.5.12 Ucapan Penangguhan.
- 14.6 Susunan Agenda Persidangan Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda UMNO / Pergerakan Puteri UMNO Cawangan.
  - 14.6.1 Bacaan Doa.
  - 14.6.2 Nyanyian:
    - i) Negaraku.
    - ii) Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.
    - iii) Lagu-lagu Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.
  - 14.6.3 Pesanan Pengerusi.
  - 14.6.4 Membentangkan Peringatan Persidangan Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Cawangan yang lalu.
  - 14.6.5 Membentangkan Penyata Tahunan.
  - 14.6.6 Ucapan Ketua Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri.
  - 14.6.7 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Cawangan.
  - 14.6.8 Memilih dua (2) orang wakil ke Perwakilan Wanita UMNO / Pergerakan Pemuda / Pergerakan Puteri Bahagian.
  - 14.6.9 Membentang dan membahaskan Usul-usul.
  - 14.6.10 Tangguhan Persidangan.
  - 14.6.11 Ucapan Persidangan.
- 14.7. Setiausaha Agung mempunyai hak untuk meminda aturan kepada Agenda Persidangan mengikut kesesuaian dari masa ke semasa.



## 15. PERINGATAN PERSIDANGAN

- 15.1 Peringatan hendaklah dibentangkan dalam Persidangan.
- 15.2 Setiausaha hendaklah menghantar senaskah Peringatan Persidangan yang lalu kepada tiap-tiap ahli Persidangan pada bila-bila masa sebelum diadakan Persidangan. Peringatan Persidangan hendaklah mengandungi nama tiap-tiap seorang ahli yang hadir dan segala keputusan Persidangan.
- 15.3 Cawangan-cawangan hendaklah menghantar Borang 9 bersama Minit Mesyuarat, Senarai Ahli Jawatankuasa Cawangan dan Penyata Kira-kira kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa enam (60) hari selepas Persidangan.

## 16. TANGGUHAN PERSIDANGAN

Persidangan boleh ditangguhkan pada sebarang masa oleh Pengerusi atau dengan cadangan oleh seorang ahli yang disokong dan dipersetujui oleh Persidangan.

## 17. MENANGGUHKAN PERSIDANGAN KERANA MEMBAHASKAN PERKARA MUSTAHAK

- 17.1 Seorang ahli dengan kebenaran Pengerusi boleh mencadangkan supaya Persidangan itu ditangguhkan kerana hendak membahaskan sesuatu perkara yang mustahak.
- 17.2 Ahli itu hendaklah menyatakan perkara itu dan menyerahkan satu kenyataan bertulis kepada Pengerusi atas perkara yang hendak dibahaskan dan jika Pengerusi mendapati perkara yang dikemukakan oleh ahli itu mustahak hendaklah Pengerusi meminta ahli-ahli yang menyokong bangun di tempat masing-masing dan jika tidak kurang daripada satu perempat (1/4) daripada jumlah ahli yang hadir bangun menyokong maka Pengerusi bolehlah membenarkan perkara itu dibahaskan waktu yang ditetapkan olehnya.

## 18. USUL-USUL

Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membawa usulnya sendiri, menerima atau menolak usul-usul yang dibawa oleh Bahagian-Bahagian untuk dibahaskan tetapi hendaklah diberi jawapan bertulis.

## 19. USUL TERGEMPAR

Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan Persidangan ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam Persidangan hendaklah didahulukan dengan pemberitahuan kecuali usul-usul yang tersebut dibawah ini:-

- 19.1 Usul hendak meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada Persidangan oleh Pengerusi.
- 19.2 Usul yang dibawa ke dalam Jawatankuasa.
- 19.3 Usul hendak menangguhkan Persidangan apa-apa perbahasan.
- 19.4 Usul hendak menangguhkan sesuatu perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa kecuali dalam tahun-tahun pemilihan.
- 19.5 Usul daripada Majlis Kerja Tertinggi yang ada pada pendapat Pengerusi sebagai mustahak.
- 19.6 Usul hendak melantik Jawatankuasa Pilihan.
- 19.7 Usul hendak menggantungkan keahlian seseorang ahli.
- 19.8 Usul hendak mengeluarkan orang-orang luar.
- 19.9 Usul hendak menutup perbahasan.
- 19.10 Sesuatu usul yang didatangkan tatkala bersidang secara jawatankuasa.
- 19.11 Usul meminda peringatan.
- 19.12 Usul meminda cadangan.
- 19.13 Usul supaya bersidang dalam jawatankuasa.

## 20. PINDAAN USUL

- 20.1 Pada masa sesuatu usul itu dalam pertimbangan Persidangan atau Jawatankuasa bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika itu berkaitan dengan usul itu.
- 20.2 Pindaan itu pula dipinda jika berkaitan dengan pindaan asal.
- 20.3 Sesuatu masalah, apabila dikemukakan oleh Pengerusi, bolehlah dipinda menurut semua atau mana-mana jua cara yang tersebut dibawah ini:-



20.3.1 Dengan dipotong apa-apa perkataan supaya dapat dimasukkan perkataan-perkataan lain.

20.3.2 Dengan dipotong apa-apa perkataan.

20.3.3 Dengan dimasukkan atau ditambah perkataan lain.

## **21. MENYOKONG USUL DAN PINDAAN**

21.1 Dalam Persidangan sesuatu usul atau pindaan itu tidak akan dikemukakan oleh Pengerusi kecuali jika usul atau pindaan itu telah disokong.

21.2 Dalam persidangan Jawatankuasa, tidak dikehendaki penyokong usul.

## **22. PINDAAN USUL DENGAN BERTULIS**

Sesuatu pindaan usul yang telah dikemukakan dalam Persidangan atau dalam jawatankuasa, hendaklah diserahkan kepada Setiausaha kecuali jika Pengerusi membenarkan sebaliknya.

## **23. MENARIK BALIK USUL**

23.1 Sesuatu usul atau pindaan jika diminta oleh Pencadangnya dan diizinkan oleh Persidangan atau Jawatankuasa boleh ditarik balik.

23.2 Apabila pindaan ke atas sesuatu usul atau pindaan telah dikemukakan kepada Persidangan maka usul atau pindaan yang hendak dipinda itu tidak boleh ditarik balik sehingga pindaan kepada usul atau pindaan ke atas pindaan telah diputuskan.

## **24. PERKARA-PERKARA YANG DITEGAH**

Seseorang ahli tidak boleh menyentuh dalam ucapannya perkara-perkara yang tersebut di bawah ini:-

24.1 Perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan usul.

24.2 Perkara-perkara yang sedang dalam perbicaraan mahkamah.

24.3 Membangkitkan semula apa-apa perkara yang telah diputuskan oleh Persidangan kecuali dengan mengemukakan usul bersendirian bagi membatalkan keputusan Persidangan berkenaan dengan perkara itu.

- 24.4 Menggunakan bahasa yang kasar, tidak beradab mengikut pertimbangan Pengerusi.
- 24.5 Mengeluarkan sangkaan jahat ke atas lain-lain Ahli.
- 24.6 Mempengaruhi Persidangan dengan menggunakan nama DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, DYMM Raja-Raja atau Yang Dipertua Negeri-Negeri.
- 24.7 Menyentuh keperibadian DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, DYMM Raja, Yang Dipertua Negeri-Negeri, Hakim-Hakim atau Ahli-Ahli Majlis Pasukan Bersenjata kecuali dengan mengemukakan usul bersendirian bagi maksud-maksud itu.
- 24.8 Menyebut kelakuan atau sifat lain-lain ahli selain daripada kerja-kerjanya mengenai urusan parti.
- 24.9 Menggunakan perkataan-perkataan yang bersifat menderhaka kepada Negara dan yang boleh menimbulkan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum di Malaysia.
- 24.10 Menyentuh atau mempersoalkan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Disiplin atau Jawatankuasa Disiplin yang telah ditubuhkan oleh Majlis Kerja Tertinggi di bawah Fasal 20.1 Perlembagaan UMNO.

## 25. KUASA PENERUSI

- 25.1 Pengerusi Tetap hendaklah menjalankan tugas secara adil dan berkecuali, jika tidak tindakan disiplin akan diambil.
- 25.2 Pengerusi dalam Persidangan atau dalam Persidangan Jawatankuasa adalah bertanggungjawab menjaga Peraturan Persidangan atau Persidangan Jawatankuasa dipatuhi dan keputusan berkenaan dengan apa-apa jua perkara tidak boleh dipertimbangkan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Persidangan kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih dahulu.
- 25.3 Dalam masa Persidangan Pengerusi berkuasa memerintah mana-mana wakil yang degil atau tidak patuh kepada arahnya atau yang membuat kacau-bilau keluar Persidangan untuk



tempoh baki hari itu dan jika wakil itu enggan keluar, maka Pengerusi berkuasa memerintah pegawai-pegawai atau kakitangan Parti yang berada di dalam Persidangan itu membawa wakil itu keluar.

25.4 Pengerusi dan Timbalan Pengerusi mempunyai hak mengundi.

## 26. MEMBERHENTIKAN PERSIDANGAN

Jika sekiranya berlaku huru-hara yang besar dalam Persidangan maka Pengerusi boleh menangguhkan Persidangan dan menentukan tarikh menyambung semula Persidangan itu.

## 27. MEMUTUSKAN MASALAH PENGUNDIAN

27.1 Tertakluk kepada Peraturan 27.2 dan 27.3 keputusan atas satu perkara atau usul yang dikemukakan adalah mengikut pihak mana yang mendapat suara lebih dan jika sama banyak undi maka Pengerusi atau sesiapa yang mempengerusikan Persidangan bolehlah menggunakan undi pemutus tetapi ia tidak boleh mengundi jika undi kedua pihak tidak sama banyak.

27.2 Jika didapati ada undi yang sama banyak bagi pemilihan jawatan di semua peringkat kecuali bagi pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden, pengundian kali kedua hendaklah diadakan bagi mereka yang berkenaan dan sekiranya pengundian kali kedua juga sama banyak maka cabutan undi hendaklah dijalankan oleh Pengerusi dalam menentukan keputusan.

27.3 Seseorang ahli yang tidak hadir dalam tempat Persidangan tidak dibenarkan mengundi dan tiap-tiap ahli adalah mempunyai satu undi.

27.4 Sesuatu perkara itu adalah selesai dikemukakan bagi diputuskan apabila Pengerusi telah mengambil undi-undi yang bersetuju dan yang tidak bersetuju.

27.5 Apabila perkara itu telah dikemukakan oleh Pengerusi kepada Persidangan bagi diputuskan setelah tamat perbahasan maka keputusan hendaklah diambil menurut undi suara "setuju" atau "tidak" dengan mengangkat tangan dan keputusan itu hendaklah diumumkan oleh Pengerusi.

- 27.6 Undi sulit di atas sebarang usul yang dikemukakan boleh diadakan dengan kehendak Pengerusi atau dengan kehendak Persidangan.

**28. KAEDAH PENCALONAN DAN PENGUNDIAN**

**A. Pencalonan**

- 28.1 Sebuah Jawatankuasa Pemilihan UMNO yang bebas hendaklah ditubuhkan selaras dengan Fasal 10.14 Perlembagaan UMNO, untuk melaksanakan, mengawal dan menyelia pemilihan jawatan-jawatan di semua peringkat dan menubuhkan Jawatankuasa kecil yang lain.
- 28.2 Mana-mana ahli yang tidak dapat menghadiri Persidangan semasa pemilihan berlangsung kerana sebab-sebab tertentu, adalah layak bertanding setelah memberi surat menyatakan persetujuannya.
- 28.3 Ahli-ahli yang ingin bertanding hendaklah mendaftarkan diri di Ibu Pejabat UMNO dan memenuhi kriteria calon yang dinyatakan di dalam Perlembagaan.

**B. Pengundian**

- 28.4 Pemilihan Ahli Majlis Kerja Tertinggi, Jawatankuasa Bahagian dan pemilihan wakil-wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung, jika ada pertandingan hendaklah dijalankan dengan cara sulit manakala pemilihan bagi Jawatankuasa Cawangan bolehlah secara sulit atau mengangkat tangan.
- 28.5 Tiap-tiap ahli yang mengundi diwajibkan mengikut jumlah bilangan jawatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan UMNO. Undi-undi yang tidak cukup atau lebih daripada bilangan jawatan yang dikehendaki itu dikira tidak sah.
- 28.6 Wakil-wakil Majlis Kerja Tertinggi ke Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda atau Puteri, wakil-wakil Bahagian ke Perwakilan Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda atau Puteri Bahagian dan wakil-wakil Cawangan ke Persidangan Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda atau Puteri Cawangan adalah berhak mengundi.



- 28.7 Seseorang ahli yang tidak hadir di tempat Persidangan tidak boleh mewakilkan undinya kepada ahli lain.
- 28.8 Seseorang yang dikenakan tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau diisytiharkan mufis oleh mahkamah atau dikenakan hukuman disiplin oleh Parti tidak dibenarkan bertanding untuk sebarang jawatan.
- 28.9 Seseorang ahli yang jawatannya lucut kerana diisytiharkan mufis oleh mahkamah tidak boleh memegang jawatannya kembali sehingga pemilihan akan datang, walaupun kesnya selesai.
- 28.10 Pengiraan undi hendaklah dibuat di satu tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan tiada sebarang pihak yang lain berhak mencampuri urusan ini selain disaksikan oleh wakil-wakil calon yang bertanding. Bagi pemilihan Jawatankuasa Cawangan, pengiraan undi bolehlah dilakukan dalam dewan Persidangan.
- 28.11 Kertas-kertas yang sudah dipakai hendaklah disimpan oleh Jawatankuasa Pemilihan selama satu bulan untuk tujuan semakan jika timbul kemusykilan dan boleh dimusnahkan setelah tamat tempoh tersebut.

## 29. BERSIDANG SECARA JAWATANKUASA

- 29.1 Persidangan boleh bersidang secara jawatankuasa apabila dipersetujukan oleh Persidangan berbuat demikian.
- 29.2 Peraturan ini hendaklah dijalankan pada kadar yang boleh dalam masa bersidang secara jawatankuasa.
- 29.3 Setiausaha atau seorang daripada Ahli Majlis Kerja Tertinggi hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi Persidangan bahawa perkara Persidangan secara jawatankuasa telah sempurna dibahaskan sama ada berpinda atau tidak dan Pengerusi hendaklah mengumumkan Persidangan penuh disambung semula.

**30. MENGANGKAT JAWATANKUASA PILIHAN**

- 30.1 Sesebuah jawatankuasa bolehlah dibentuk dengan dicadangkan bilangan dan nama-nama oleh Persidangan untuk merundingkan sesuatu perkara khas.
- 30.2 Jawatankuasa itu boleh dibentuk pada sebarang masa sama ada dalam masa bersidang secara biasa atau secara jawatankuasa.
- 30.3 Penyata sesebuah jawatankuasa itu hendaklah dibentangkan oleh Pengerusinya atau wakilnya dan bolehlah didatangkan cadangan supaya dibahaskan untuk mendapat keputusan Persidangan.

**31. PAKAIAN**

Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peraturan mengenai pakaian ahli-ahli Persidangan.

**32. MEMINDA PERATURAN**

Peraturan Persidangan yang baru bolehlah diperbuat bila-bila dikehendaki ataupun Peraturan Persidangan yang ada sekarang boleh dipinda atau dimansuhkan dengan satu ketetapan menurut cara-cara yang ditentukan oleh Perlembagaan UMNO.



فرتوبوهن كبڠسان ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION

NO. PENDAFTARAN 676/88 (WILAYAH PERSEKUTUAN)

# PERATURAN WANITA UMNO

**KANDUNGAN**

FASAL 1	DARIHAL PERATURAN INI	1
FASAL 2	NAMA	1
FASAL 3	TUJUAN - TUJUAN	1
FASAL 4	KEAHLIAN WANITA	1
FASAL 5	JAWATANKUASA WANITA UMNO MALAYSIA	2
FASAL 6	MESYUARAT JAWATANKUASA	5
FASAL 7	TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	5
FASAL 8	PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO MALAYSIA	5
FASAL 9	PERHIMPUNAN AGUNG WANITA UMNO MALAYSIA	6
FASAL 10	PERHIMPUNAN AGUNG KHAS WANITA UMNO MALAYSIA	7
FASAL 11	BADAN PERHUBUNGAN WANITA UMNO	7
FASAL 12	JAWATANKUASA WANITA UMNO BAHAGIAN	12
FASAL 13	PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO BAHAGIAN	15
FASAL 14	MESYUARAT PERWAKILAN WANITA UMNO BAHAGIAN	15
FASAL 15	MESYUARAT PERWAKILAN KHAS WANITA UMNO BAHAGIAN	17
FASAL 16	PENUBUHAN WANITA UMNO CAWANGAN	17
FASAL 17	JAWATANKUASA WANITA UMNO CAWANGAN	18
FASAL 18	PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO CAWANGAN	21
FASAL 19	PERSIDANGAN WANITA UMNO CAWANGAN	21
FASAL 20	PERSIDANGAN KHAS WANITA UMNO CAWANGAN	22
FASAL 21	KEWANGAN DAN HARTA	22
FASAL 22	KESEMPURNAAN PERATURAN INI	23
FASAL 23	TAFSIRAN	23
FASAL 24	PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT	23
FASAL 25	TARIKH DIJALANKAN PERATURAN INI	23



## **FASAL 1 DARIHAL PERATURAN INI**

Menurut Fasal 21 Perlembagaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bahawa Majlis Kerja Tertinggi UMNO berkuasa membuat Peraturan ini yang dinamakan "Peraturan Wanita UMNO".

## **FASAL 2 NAMA**

Pergerakan ini adalah dinamakan "Wanita UMNO".

## **FASAL 3 TUJUAN – TUJUAN**

Tujuan – tujuan Wanita UMNO ialah :-

- 32.1 Menggerakkan ahli-ahlinya berperanan aktif dalam perjuangan politik dan kegiatan-kegiatan kenegaraan, agama, pendidikan ekonomi, kesihatan kekeluargaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan alam sekitar.
- 32.2 Menganjurkan dan mengadakan latihan kepimpinan dan lain-lain latihan bagi mencapai tujuan-tujuan di atas.
- 32.3 Bekerjasama dengan badan-badan lain yang dipersetujui oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO.
- 32.4 Membangunkan Wanita ke arah mencapai 30% Wanita di dalam bidang pengurusan dan pembuat dasar Negara.

## **FASAL 4 KEAHLIAN WANITA**

- 4.1 Wanita UMNO adalah terbuka kepada wanita-wanita yang berumur tiga puluh enam (36) tahun keatas yang dikira pada 1hb Januari tahun berkenaan.
- 4.2 Seseorang Ahli Wanita akan menjadi Ahli Wanita di dalam Cawangan UMNO di mana ia berdaftar menjadi Ahli Biasa.
- 4.3 Seseorang Ahli Wanita tidak boleh menjadi Ahli Wanita lebih dari satu Cawangan.
- 4.4 Seseorang tidak lagi menjadi Ahli Wanita dengan berhentinya ia daripada menjadi Ahli UMNO.

**FASAL 5 JAWATANKUASA WANITA UMNO MALAYSIA**

- 5.1 Sesebuah Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut :-
- 5.1.1 Ketua.
  - 5.1.2 Naib Ketua.
  - 5.1.3 Setiausaha Agung.
  - 5.1.4 Setiausaha (Wanita).
  - 5.1.5 Bendahari (Wanita).
  - 5.1.6 Ketua Penerangan (Wanita).
  - 5.1.7 Tidak lebih dari dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Wanita yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.
  - 5.1.8 Tidak lebih dari lima (5) orang Ahli Wanita yang dilantik oleh Ketua Wanita UMNO.
- 5.2 Ketua Wanita hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dan akan bertaraf Timbalan Presiden (Ex-Officio) menurut Fasal 9.2.2.2 dan 9.4 Perlembagaan UMNO.
- 5.3 Naib Ketua Wanita dan dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 5.4 Setiausaha Wanita dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha Agung UMNO.
- 5.5 Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita) dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa (Wanita) boleh dilantik oleh Ketua Wanita dan disahkan oleh Presiden dan akan memegang jawatan mereka selama tiga (3) tahun kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Ketua.
- 5.6 Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli UMNO selama tiga (3) tahun.
- 5.7 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita berhenti, maka Jawatankuasa itu dianggap telah bubar dan Majlis Kerja Tertinggi bolehlah mengadakan Perhimpunan Agung Khas Wanita UMNO Malaysia bagi menubuhkan semula Jawatankuasa Wanita UMNO dan Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menentukan tempoh perkhidmatan Jawatankuasa yang baru dipilih itu.



- 5.8 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Wanita tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun, maka Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik menurut Fasal 5.1.4, 5.1.5, 5.1.6, dan 5.1.8 Peraturan ini yang mana Ketua Wanita UMNO Malaysia berkuasa melantik gantinya.
- 5.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia ialah:-
- 5.9.1 Ketua.
  - 5.9.2 Naib Ketua.
  - 5.9.3 Setiausaha Agung.
  - 5.9.4 Setiausaha (Wanita).
  - 5.9.5 Bendahari (Wanita).
  - 5.9.6 Ketua Penerangan (Wanita).
- 5.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia ialah:-
- 5.10.1 Ketua.
    - 5.10.1.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
    - 5.10.1.2 Menjadi pemimpin utama kepada Wanita UMNO dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan.
    - 5.10.1.3 Melantik Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita), Ketua Penerangan (Wanita) dan Ketua dan Naib Ketua Wanita Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.
    - 5.10.1.4 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.
    - 5.10.1.5 Melantik lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia mengikut Fasal 5.1.8 Peraturan ini.

- 5.10.1.6 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sayang UMNO Malaysia dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.
- 5.10.2 Naib Ketua.
  - 5.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
  - 5.10.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia apabila Ketua Wanita tidak hadir.
- 5.10.3 Setiausaha Agung.

Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Wanita UMNO yang dirujukkan oleh Setiausaha (Wanita).
- 5.10.4 Setiausaha (Wanita).
  - 5.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Wanita dan Setiausaha Agung UMNO Malaysia.
  - 5.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Wanita serta menyelaras dengan Wanita UMNO Negeri dan Wanita UMNO Bahagian.
  - 5.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa setahun yang lalu.
- 5.10.5 Bendahari (Wanita).
  - 5.10.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Wanita UMNO Malaysia.



5.10.5.2 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.

5.10.6 Ketua Penerangan (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Wanita UMNO Malaysia dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.

## **FASAL 6 MESYUARAT JAWATANKUASA**

- 6.1 Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Ketua.
- 6.2 Satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa itu adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa.
- 6.3 Sebarang Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Naib Ketua Wanita UMNO Malaysia dan sekiranya mereka tidak hadir, bolehlah mesyuarat memilih salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa yang hadir menjadi Pengerusi.

## **FASAL 7 TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia ialah:-

- 7.1 Berikhtiar dan berusaha melaksanakan tujuan-tujuan yang terkandung dalam Fasal 3 peraturan ini.
- 7.2 Menjalankan arahan-arahan daripada Majlis Kerja Tertinggi.
- 7.3 Berikhtiar dan berusaha mencari derma-derma untuk kemajuan Wanita UMNO dengan persetujuan Majlis Kerja Tertinggi atau Presiden UMNO.

## **FASAL 8 PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO MALAYSIA**

Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Malaysia adalah di Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

**FASAL 9 PERHIMPUNAN AGUNG WANITA UMNO MALAYSIA**

- 9.1 Perhimpunan Agung Tahunan Wanita UMNO Malaysia hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu dari Perhimpunan Agung UMNO Malaysia.
- 9.2 Sebarang Perhimpunan Agung Wanita UMNO hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut :-
- 9.2.1 Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita. Jika mereka juga adalah Ketua Wanita Bahagian, mereka boleh melantik ganti ke Perhimpunan Agung Wanita.
- 9.2.2 Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.
- 9.2.3 Ketua, Naib Ketua, Setiausaha dan Ketua Penerangan Wanita UMNO Bahagian-bahagian yang telah mengadakan Mesyuarat Perwakilannya. Jika mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia, maka bolehlah melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagiannya.
- 9.2.4 Dua (2) orang wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan dari tiap-tiap Wanita Bahagian. Mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
- 9.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.3 Semua Ahli Perwakilan Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia di bawah Fasal 9.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah dari Ketua atau Setiausaha Wanita UMNO Bahagian masing-masing.
- 9.4 Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia hendaklah memilih sepuluh (10) orang Perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan oleh Fasal 8.4.5 Perlembagaan UMNO.



- 9.5 Semua keputusan Perhimpunan Agung Wanita hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia hendaklah dipilih pada tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dalam Mesyuarat Perwakilan Wanita Bahagian dari kalangan Ahli Wanita. Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap ini hendaklah menjadi Pengerusi di dalam sebarang Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau berhenti atau diberhentikan oleh Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia maka berkuasalah Perhimpunan itu mengangkat seorang daripada Ahli-ahli Perwakilan yang hadir menjadi Pengerusi bagi Perhimpunan itu sahaja.

## **FASAL 10 PERHIMPUNAN AGUNG KHAS WANITA UMNO MALAYSIA**

- 10.1 Perhimpunan Agung Khas Wanita UMNO Malaysia yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
  - 10.1.1 Dengan kehendak Majlis Kerja Tertinggi.
  - 10.1.2 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia dan dengan kebenaran Majlis Kerja Tertinggi.
  - 10.1.3 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Bahagian Wanita dengan syarat Bahagian-bahagian Wanita itu telah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Wanita Khas atas masalah yang sama.

## **FASAL 11 BADAN PERHUBUNGAN WANITA UMNO**

- 11.1 Badan Perhubungan Wanita UMNO bolehlah ditubuhkan di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai lebih dari satu Bahagian Wanita UMNO dengan mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang tertentu untuk mentadbirkan perjalanan Bahagian-bahagian Wanita UMNO yang ada di dalam sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan.

- 11.2 Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah terdiri daripada :-
- 11.2.1 Ketua.
  - 11.2.2 Naib Ketua.
  - 11.2.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.2.4 Setiausaha (Wanita).
  - 11.2.5 Bendahari (Wanita).
  - 11.2.6 Ketua Penerangan (Wanita).
  - 11.2.7 Ketua-Ketua Wanita UMNO Bahagian.
  - 11.2.8 Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian berhak mengambil tempat Ketua Wanita di Mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan jika Ketua Wanita Bahagian tidak dapat hadir.
- 11.3 Ketua dan Naib Ketua Wanita Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Malaysia, selepas pemilihan mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.
- 11.4 Setiausaha Badan Perhubungan Wanita UMNO adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
- 11.5 Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita) hendaklah dilantik oleh Ketua Badan Perhubungan Wanita UMNO dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga dilantik Badan Perhubungan Wanita UMNO yang baru atau mereka meminta berhenti atau diberhentikan dengan apa jua sebab sekalipun oleh Ketua dan mereka boleh digantikan oleh Ketua itu.
- 11.6 Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketuanya atau Ketua Wanita UMNO Malaysia ataupun dengan permintaan bersurat dari satu pertiga daripada bilangan Ahli-ahlinya.
- 11.7 Satu perdua daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan mesyuarat.
- 11.8 Sebarang Mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Naib Ketuanya dan sekiranya mereka tidak hadir maka bolehlah Ahli-ahli yang hadir memilih salah seorang Ahli Jawatankuasa menjadi Pengerusi.



- 11.9 Pegawai-pegawai Badan Perhubungan Wanita UMNO ialah:-
  - 11.9.1 Ketua.
  - 11.9.2 Naib Ketua.
  - 11.9.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.9.4 Setiausaha (Wanita).
  - 11.9.5 Bendahari (Wanita).
  - 11.9.6 Ketua Penerangan (Wanita).
  
- 11.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Badan Perhubungan Wanita UMNO:-
  - 11.10.1 Ketua.
    - 11.10.1.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO.
    - 11.10.1.2 Melantik Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita).
    - 11.10.1.3 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.
    - 11.10.1.4 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO mengikut Fasal 12.2.7 Perlembagaan UMNO.
    - 11.10.1.5 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sayang UMNO Negeri dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.
  - 11.10.2 Naib Ketua.
    - 11.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
    - 11.10.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO apabila Ketua tidak hadir.
    - 11.10.2.3 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO.

- 11.9 Pegawai-pegawai Badan Perhubungan Wanita UMNO ialah:-
- 11.9.1 Ketua.
  - 11.9.2 Naib Ketua.
  - 11.9.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.9.4 Setiausaha (Wanita).
  - 11.9.5 Bendahari (Wanita).
  - 11.9.6 Ketua Penerangan (Wanita).
- 11.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Badan Perhubungan Wanita UMNO:-
- 11.10.1 Ketua.
    - 11.10.1.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO.
    - 11.10.1.2 Melantik Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita).
    - 11.10.1.3 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.
    - 11.10.1.4 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO mengikut Fasal 12.2.7 Perlembagaan UMNO.
    - 11.10.1.5 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sayang UMNO Negeri dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.
  - 11.10.2 Naib Ketua.
    - 11.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
    - 11.10.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO apabila Ketua tidak hadir.
    - 11.10.2.3 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO.



## 11.10.3 Setiausaha Badan Perhubungan.

11.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Badan Perhubungan Wanita UMNO yang dirujukkan oleh Setiausaha Badan Perhubungan Wanita UMNO.

11.10.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.

## 11.10.4 Setiausaha (Wanita).

11.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.

11.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.

11.10.4.3 Memanggil Mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.

## 11.10.5 Bendahari (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Badan Perhubungan Wanita UMNO.

## 11.10.6 Ketua Penerangan (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Badan Perhubungan Wanita UMNO dan melaporkannya kepada Badan Perhubungan Wanita UMNO.

## 11.11 Tugas-tugas dan tanggungjawab Badan Perhubungan Wanita UMNO ialah :-

11.11.1 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dan mengatur serta menyesuaikan perjalanan Bahagian-bahagian Wanita UMNO dalam sesebuah negeri itu.

11.11.2 Menjadi badan perantaraan di antara Wanita UMNO Malaysia dengan Wanita UMNO Bahagian atas perkara-perkara yang ditugaskan kepadanya.

- 11.11.3 Mencari sumber-sumber kewangan untuk kemajuan Wanita UMNO dengan persetujuan Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.11.4 Menyampaikan dan menjalankan arahan-arahan yang diterima daripada Wanita UMNO Malaysia dan Badan Perhubungan UMNO kepada Bahagian-bahagian Wanita UMNO dalam Negeri itu.
  - 11.11.5 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dalam serba lapangan yang dikehendaki.
- 11.12 Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan Wanita UMNO adalah di Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.

## **FASAL 12 JAWATANKUASA WANITA UMNO BAHAGIAN**

- 12.1 Wanita UMNO Bahagian boleh ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Bahagian di tiap-tiap Bahagian.
- 12.2 Tugas dan tanggungjawab sesebuah Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian itu adalah tertakluk di bawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan ini.
- 12.3 Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut :-
  - 12.3.1 Ketua.
  - 12.3.2 Naib Ketua.
  - 12.3.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.3.4 Setiausaha (Wanita).
  - 12.3.5 Bendahari (Wanita).
  - 12.3.6 Ketua Penerangan (Wanita).
  - 12.3.7 Tidak lebih dari lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Wanita yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.
  - 12.3.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Wanita yang dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Bahagian.
- 12.4 Ketua Wanita, Naib Ketua Wanita dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagian hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 12.5 Setiausaha Wanita UMNO Bahagian adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Bahagian.



- 12.6 Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita), Ketua Penerangan (Wanita) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita hendaklah dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Bahagian dan akan memegang jawatan itu selama tempoh Jawatankuasa Bahagian yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Wanita Bahagian.
- 12.7 Calon-calon yang bertanding bagi memegang jawatan Ketua Wanita, Naib Ketua Wanita dan Ahli Jawatankuasa hendaklah mendaftarkan dirinya dan hendaklah telah menjadi ahli UMNO selama tiga (3) tahun.
- 12.8 Jika Ketua Wanita UMNO Bahagian berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian menurut Fasal 14.3.2 Peraturan ini.
- 12.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian ialah :-
- 12.9.1 Ketua.
  - 12.9.2 Naib Ketua.
  - 12.9.3 Setiausaha UMNO Bahagian
  - 12.9.4 Setiausaha (Wanita).
  - 12.9.5 Bendahari (Wanita).
  - 12.9.6 Ketua Penerangan (Wanita).
- 12.10 Tugas-tugas pegawai dalam Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
- 12.10.1 Ketua.
    - 12.10.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Bahagian.
    - 12.10.1.2 Melantik Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita).
    - 12.10.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.8 Peraturan.

- 12.10.1.4 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
- 12.10.1.5 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sayang UMNO Bahagian dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.
- 12.10.2 Naib Ketua.
  - 12.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
  - 12.10.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian apabila Ketua tidak hadir.
- 12.10.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Wanita UMNO Bahagian yang dirujuk oleh Setiausaha (Wanita) UMNO Bahagian.
  - 12.10.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Bahagian Wanita UMNO Bahagian dan Perwakilan Wanita.
- 12.10.4 Setiausaha (Wanita).
  - 12.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Wanita UMNO Bahagian dan Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.



## 12.10.5 Bendahari (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Wanita UMNO Bahagian.

## 12.10.6 Ketua Penerangan (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Wanita UMNO Bahagian dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.

12.11 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa meletakkan jawatan mereka maka Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Khas Wanita UMNO Bahagian untuk memilih Jawatankuasa Wanita yang baru dan Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah menentukan tempoh perkhidmatannya.

12.12 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian tidak lagi memegang jawatannya atas apa-apa juga sebab sekalipun maka Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli yang dilantik di mana Ketua Wanita UMNO Bahagian berkuasa melantik gantinya.

## **FASAL 13 PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO BAHAGIAN**

Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Bahagian adalah di Pejabat UMNO Bahagian.

## **FASAL 14 MESYUARAT PERWAKILAN WANITA UMNO BAHAGIAN**

14.1 Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu daripada Mesyuarat Perwakilan Tahunan UMNO Bahagian.

14.2 Sebarang Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut :-

14.2.1 Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita. Sekiranya mereka juga adalah Ketua Wanita Cawangan bolehlah mereka melantik Wanita dari Cawangan mereka sebagai ganti.

- 14.2.2 Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
  - 14.2.3 Ketua, Naib Ketua dan Setiausaha (Wanita) UMNO Cawangan. Sekiranya ia menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian, maka bolehlah ia melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Wanita Cawangan.
  - 14.2.4 Dua (2) orang wakil dipilih oleh Persidangan Tahunan Wanita UMNO Cawangan dalam Bahagian itu, manamana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
  - 14.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil daripada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.3 Tugas-tugas Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian ialah :-
- 14.3.1 Memilih Pengerusi Tetap Wanita UMNO Malaysia dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita UMNO Malaysia.
  - 14.3.2 Memilih seorang Ketua Wanita, Naib Ketua Wanita dan Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia mengikut Fasal 5.3 Peraturan ini.
  - 14.3.3 Memilih Pengerusi Tetap Wanita Bahagian dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita Bahagian.
  - 14.3.4 Tertakluk Fasal 12.4 Peraturan ini, memilih Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.1, 12.3.2 dan 12.3.7 Peraturan ini.
  - 14.3.5 Memilih sepuluh (10) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian menurut Fasal 14.4.5 Perlembagaan UMNO.
  - 14.3.6 Memilih dua (2) orang wakil ke Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia menurut Fasal 9.2.4 Peraturan ini.



- 14.4 Semua Ahli-ahli Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian di bawah Fasal 14.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah daripada Ketua atau Setiausaha Cawangan Wanita UMNO masing-masing.
- 14.5 Semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa dan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali di dalam Mesyuarat Perwakilan Tahunannya daripada Ahli Wanita UMNO. Pengerusi Tetap Wanita atau Timbalan Pengerusi Tetap Wanita ini hendaklah mempengerusikan sebarang mesyuarat melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau meminta berhenti atau diberhentikan oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian maka berkuasalah Mesyuarat Perwakilan memilih seorang daripada Ahli-ahli yang hadir menjadi Pengerusi Mesyuarat Perwakilan itu sahaja.

## **FASAL 15 MESYUARAT PERWAKILAN KHAS WANITA UMNO BAHAGIAN**

- 15.1 Mesyuarat Perwakilan Khas Wanita UMNO Bahagian yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
  - 15.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Bahagian.
  - 15.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Bahagian dan dengan persetujuan Wanita UMNO Malaysia.

## **FASAL 16 PENUBUHAN WANITA UMNO CAWANGAN**

- 16.1 Wanita UMNO Cawangan bolehlah ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Cawangan di tiap-tiap UMNO Cawangan di mana Ahli Wanita adalah sekurang-kurangnya lima belas (15) orang.

- 16.2 Sesebuah Cawangan Wanita UMNO itu adalah tertakluk tugas dan tanggungjawabnya dibawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan Wanita UMNO.
- 16.3 Tempoh matang Cawangan Penaja adalah tiga (3) bulan dan hendaklah mengadakan mesyuarat pemilihan dalam tempoh tersebut.

## **FASAL 17 JAWATANKUASA WANITA UMNO CAWANGAN**

- 17.1 Hendaklah diadakan sebuah Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan dengan mengandungi ahli-ahli sebagaimana di bawah ini :-
  - 17.1.1 Ketua.
  - 17.1.2 Naib Ketua.
  - 17.1.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.1.4 Setiausaha (Wanita).
  - 17.1.5 Bendahari (Wanita).
  - 17.1.6 Ketua Penerangan (Wanita).
  - 17.1.7 Tidak lebih dari tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Wanita yang dipilih oleh Persidangan Wanita UMNO Cawangan.
  - 17.1.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Wanita UMNO yang dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Cawangan.
- 17.2 Ketua, Naib Ketua dan tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Wanita hendaklah dipilih di dalam Persidangan Wanita UMNO Cawangan tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 17.3 Setiausaha Wanita UMNO Cawangan adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Cawangan.
- 17.4 Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita), Ketua Penerangan (Wanita) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita hendaklah dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Cawangan dan akan memegang jawatan itu selama tempoh Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Cawangan.
- 17.5 Jika Ketua Wanita UMNO Cawangan berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Persidangan Wanita UMNO Cawangan.



## 17.6 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan ialah :-

- 17.6.1 Ketua.
- 17.6.2 Naib Ketua.
- 17.6.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
- 17.6.4 Setiausaha (Wanita).
- 17.6.5 Bendahari (Wanita).
- 17.6.6 Ketua Penerangan (Wanita).

## 17.7 Tugas-tugas Pegawai Wanita UMNO Cawangan :-

### 17.7.1 Ketua.

- 17.7.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Cawangan.
- 17.7.1.2 Melantik Setiausaha (Wanita), Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita).
- 17.7.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan mengikut Fasal 17.1.8 Peraturan ini.
- 17.7.1.4 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

### 17.7.2 Naib Ketua.

- 17.7.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
- 17.7.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan apabila Ketua tidak hadir.

### 17.7.3 Setiausaha UMNO Cawangan.

- 17.7.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Wanita UMNO Cawangan yang dirujuk kepadanya oleh Setiausaha (Wanita) UMNO Cawangan.
- 17.7.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

17.7.4 Setiausaha (Wanita).

17.7.7.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Wanita UMNO Cawangan dan Setiausaha UMNO Cawangan.

17.7.7.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

17.7.7.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Persidangan Wanita UMNO Cawangan.

17.7.5 Bendahari (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Wanita UMNO Cawangan.

17.7.6 Ketua Penerangan (Wanita).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Wanita UMNO Cawangan dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

17.8 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan berhenti maka Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan dianggap bubar dan Jawatankuasa UMNO Cawangan boleh mengadakan Persidangan Khas Wanita UMNO Cawangan untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Cawangan itu dan Jawatankuasa UMNO Cawangan akan menentukan tempoh perkhidmatannya.

17.9 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka jawatan itu tidak boleh diganti kecuali Ahli yang dilantik yang mana Ketua Wanita UMNO Cawangan berkuasa melantik gantinya.



## **FASAL 18 PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO CAWANGAN**

Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Cawangan adalah di Pejabat UMNO Cawangan.

## **FASAL 19 PERSIDANGAN WANITA UMNO CAWANGAN**

19.1 Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah diadakan berasingan dan terdahulu daripada Persidangan UMNO Cawangan dan penetapan tarikh Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah dibuat oleh Wanita UMNO Bahagian setelah dirujuk kepada UMNO Cawangan dan Bahagian.

19.2 Sebarang Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah mengandungi :-

19.2.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.

19.2.2 Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

19.2.3 Ahli-ahli Wanita UMNO Cawangan yang telah menjelaskan yuran mengikut Fasal 25.1 Perlembagaan UMNO.

19.2.4 Tidak lebih dari dua (2) orang wakil Jawatankuasa UMNO Cawangan.

19.3 Cukup bilang (korum) Persidangan Wanita UMNO Cawangan adalah sekurang-kurangnya sembilan (9) orang ahli Wanita UMNO tetapi tidak termasuk Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.

19.4 Tugas-tugas Persidangan Wanita UMNO Cawangan :-

19.4.1 Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.

19.4.2 Tertakluk kepada Fasal 17.2 memilih Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan sebagaimana Fasal 17.1.1, 17.1.2 dan 17.1.7 Peraturan ini.

19.4.3 Memilih dua (2) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian sebagaimana Fasal 14.2.4 Peraturan ini.

- 19.5 Semua keputusan Persidangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 19.6 Sebarang Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap yang dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali oleh Persidangan itu dari Ahli-ahli Wanita UMNO dan sekiranya ia tidak hadir bolehlah Persidangan itu memilih daripada Ahli-ahli Persidangan yang hadir menjadi Pengerusi.
- 19.7 Ahli-ahli Wanita UMNO Cawangan yang baru didaftarkan sebagai Ahli-ahli Biasa UMNO selepas tahun kewangan UMNO tidak berhak mengambil bahagian dalam Persidangan Wanita UMNO Cawangan mengikut Fasal 6.2 Perlembagaan UMNO tahun berkenaan tetapi boleh hadir sebagai pemerhati.

## **FASAL 20 PERSIDANGAN KHAS WANITA UMNO CAWANGAN**

- 20.1 Persidangan Khas Wanita UMNO Cawangan yang mempunyai cara persidangan yang sama dengan Persidangan Wanita UMNO Cawangan bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
- 20.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 20.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Cawangan dan dengan persetujuan Wanita UMNO Bahagian.

## **FASAL 21 KEWANGAN DAN HARTA**

- 21.1 Peraturan Kewangan UMNO hendaklah dipakai sebagai Peraturan Kewangan Wanita UMNO.
- 21.2 Tiap-tiap harta tak alih, iaitu tanah dan bangunan kepunyaan Wanita UMNO hendaklah didaftarkan di atas nama UMNO pada peringkat yang berkenaan.
- 21.3 Tiap-tiap harta alih dan tak alih kepunyaan Wanita UMNO hendaklah didaftarkan mengikut Fasal 27 Harta Alih dan Tak Alih Perlembagaan UMNO.



## **FASAL 22 KESEMPURNAAN PERATURAN INI**

Bagi kesempurnaan Peraturan ini dan perjalanan serta pentadbiran Wanita UMNO dalam semua peringkatnya maka sebarang perkara yang tidak tersebut didalam Peraturan ini hendaklah dijalankan dengan berpandu kepada Perlembagaan UMNO.

## **FASAL 23 TAFSIRAN**

Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Peraturan ini maka hendaklah perkara ini dirujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan tafsiran yang diberikannya adalah muktamad.

## **FASAL 24 PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT**

Aturan Peraturan UMNO hendaklah dipakai dalam semua peringkat Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO.

## **FASAL 25 TARIKH DIJALANKAN PERATURAN INI**

- 25.1 Peraturan ini dipersetujukan dengan pindaan Majlis Kerja Tertinggi dan akan berkuatkuasanya pada 8 Disember 2021.
- 25.2 Peraturan ini hanya diakui sah dan berkuatkuasa setelah dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi sebagaimana kuatkuasa yang ada padanya menurut Fasal 21 Perlembagaan UMNO.





فرتويوهن كبڠساان ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION

NO. PENDAFTARAN 676/88 (WILAYAH PERSEKUTUAN)

# PERATURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO

## KANDUNGAN

FASAL 1	DARIHAL PERATURAN INI	1
FASAL 2	NAMA	1
FASAL 3	TUJUAN - TUJUAN	1
FASAL 4	KEAHLIAN PEMUDA	1
FASAL 5	JAWATANKUASA PEMUDA UMNO MALAYSIA	1
FASAL 6	MESYUARAT JAWATANKUASA	5
FASAL 7	TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	5
FASAL 8	PEJABAT SETIAUSAHA PEMUDA UMNO MALAYSIA	5
FASAL 9	PERHIMPUNAN AGUNG PEMUDA UMNO MALAYSIA	5
FASAL 10	PERHIMPUNAN AGUNG KHAS PEMUDA UMNO MALAYSIA	6
FASAL 11	BADAN PERHUBUNGAN PEMUDA UMNO	7
FASAL 12	JAWATANKUASA PEMUDA UMNO BAHAGIAN	10
FASAL 13	PEJABAT SETIAUSAHA PEMUDA UMNO BAHAGIAN	13
FASAL 14	MESYUARAT PERWAKILAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN	13
FASAL 15	MESYUARAT PERWAKILAN KHAS PEMUDA UMNO BAHAGIAN	15
FASAL 16	PENUBUHAN PEMUDA UMNO CAWANGAN	15
FASAL 17	JAWATANKUASA PEMUDA UMNO CAWANGAN	15
FASAL 18	PEJABAT SETIAUSAHA PEMUDA UMNO CAWANGAN	18
FASAL 19	PERSIDANGAN PEMUDA UMNO CAWANGAN	18
FASAL 20	PERSIDANGAN KHAS PEMUDA UMNO CAWANGAN	19
FASAL 21	KEWANGAN DAN HARTA	20
FASAL 22	KESEMPURNAAN PERATURAN INI	20
FASAL 23	TAFSIRAN	20
FASAL 24	PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT	20
FASAL 25	TARIKH DIJALANKAN PERATURAN INI	20



## **FASAL 1 DARIHAL PERATURAN INI**

Menurut Fasal 21 Perlembagaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bahawa Majlis Kerja Tertinggi UMNO berkuasa membuat Peraturan ini yang dinamakan "Peraturan Pergerakan Pemuda UMNO".

## **FASAL 2 NAMA**

Pergerakan ini dinamakan "Pergerakan Pemuda UMNO", ringkasnya "Pemuda UMNO".

## **FASAL 3 TUJUAN-TUJUAN**

Tujuan-tujuan Pemuda UMNO ialah:-

- 3.1 Menggalakkan ahli-ahlinya mengambil bahagian aktif dalam lapangan agama, politik, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, sukan dan kebajikan masyarakat.
- 3.2 Menganjur dan mengadakan latihan kepimpinan dan lain-lain latihan bagi mencapai tujuan-tujuan di atas.
- 3.3 Bekerjasama dengan badan-badan lain yang dipersetujui oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

## **FASAL 4 KEAHLIAN PEMUDA**

- 4.1 Setiap ahli UMNO (lelaki) yang berumur tidak lebih daripada 40 tahun yang dikira pada 1 Januari pada tahun berkenaan, adalah secara sendirinya menjadi Ahli Pergerakan ini.
- 4.2 Seseorang Ahli Pemuda akan menjadi Ahli Pemuda di dalam Cawangan UMNO dimana ia berdaftar menjadi Ahli Biasa UMNO.
- 4.3 Seseorang Ahli Pemuda tidak boleh menjadi Ahli Pemuda lebih dari satu Cawangan.
- 4.4 Seseorang tidak lagi menjadi Ahli Pemuda dengan berhentinya ia daripada menjadi ahli UMNO.

## **FASAL 5 JAWATANKUASA PEMUDA UMNO MALAYSIA**

- 5.1 Sesebuah Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut:-
  - 5.1.1 Ketua.
  - 5.1.2 Naib Ketua.
  - 5.1.3 Setiausaha Agung.

- 5.1.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 5.1.5 Bendahari (Pemuda).
  - 5.1.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
  - 5.1.7 Tidak lebih dari 20 orang Ahli Jawatankuasa Pemuda yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda Bahagian.
  - 5.1.8 Tidak lebih dari 5 orang Ahli Pemuda yang dilantik oleh Ketua Pemuda UMNO.
- 5.2 Tanpa terikat dengan Fasal 4.1 Peraturan ini, Ketua Pemuda hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dan akan menjadi Naib Presiden UMNO Malaysia menurut Fasal 9.2.3 dan 9.4 Perlembagaan UMNO.
  - 5.3 Naib Ketua Pemuda dan dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dan mereka bolehlah meneruskan khidmat mereka sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO dalam tempoh peralihan tersebut walaupun telah berumur 40 tahun atau lebih.
  - 5.4 Setiausaha (Pemuda) UMNO dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha Agung UMNO.
  - 5.5 Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda) dan Ketua Penerangan (Pemuda) dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda boleh dilantik oleh Ketua Pemuda dan disahkan oleh Presiden dan akan memegang jawatan mereka selama tiga (3) tahun kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Ketua.
  - 5.6 Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli UMNO selama tiga (3) tahun.
  - 5.7 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Pemuda berhenti maka Jawatankuasa itu dianggap telah bubar dan Majlis Kerja Tertinggi bolehlah mengadakan Perhimpunan Agung Khas Pemuda UMNO Malaysia bagi menubuhkan semula Jawatankuasa Pemuda UMNO dan Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menentukan tempoh perkhidmatan Jawatankuasa yang baru dipilih itu.
  - 5.8 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Pemuda tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik menurut Fasal 5.1.4, 5.1.5, 5.1.6 dan 5.1.8 Peraturan ini yang mana Ketua Pemuda UMNO Malaysia berkuasa melantik gantinya.



- 5.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia ialah:-
- 5.9.1 Ketua.
  - 5.9.2 Naib Ketua.
  - 5.9.3 Setiausaha Agung.
  - 5.9.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 5.9.5 Bendahari (Pemuda).
  - 5.9.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
- 5.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia ialah:-
- 5.10.1 Ketua.
    - 5.10.1.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
    - 5.10.1.2 Menjadi pemimpin utama kepada Pemuda UMNO dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan.
    - 5.10.1.3 Melantik Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda) dan Ketua Penerangan (Pemuda), Ketua dan Naib Ketua Pemuda Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.
    - 5.10.1.4 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia.
    - 5.10.1.5 Melantik lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia mengikut Fasal 5.1.8 Peraturan ini.
    - 5.10.1.6 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sabil dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.
  - 5.10.2 Naib Ketua.
    - 5.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
    - 5.10.2.2 Mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia apabila Ketua Pemuda tidak hadir.

- 5.10.3 Setiausaha Agung.  
Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Pemuda UMNO yang dirujuk oleh Setiausaha (Pemuda).
- 5.10.4 Setiausaha (Pemuda).
- 5.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Pemuda dan Setiausaha Agung UMNO Malaysia.
  - 5.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Pemuda serta menyelaraskan dengan Pemuda UMNO Negeri dan Pemuda UMNO Bahagian.
  - 5.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa setahun yang lalu.
- 5.10.5 Bendahari (Pemuda).
- 5.10.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Pemuda UMNO Malaysia.
  - 5.10.5.2 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia.
- 5.10.6 Ketua Penerangan (Pemuda).  
Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Pemuda UMNO Malaysia dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia.



## **FASAL 6 MESYUARAT JAWATANKUASA**

- 6.1 Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia hendaklah bersidang sekurang-kurangnya 2 bulan sekali atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Ketua.
- 6.2 Satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa itu adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa.
- 6.3 Sebarang Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia dan sekiranya mereka tidak hadir bolehlah mesyuarat memilih salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa yang hadir menjadi Pengerusi.

## **FASAL 7 TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- 7.1 Tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia ialah:-
  - 7.1 Berikhtiar dan berusaha melaksanakan tujuan-tujuan yang terkandung dalam Fasal 3 peraturan ini.
  - 7.2 Menjalankan arahan-arahan daripada Majlis Kerja Tertinggi.
  - 7.3 Berikhtiar dan berusaha mencari derma-derma untuk kemajuan Pemuda UMNO dengan persetujuan Majlis Kerja Tertinggi atau Presiden UMNO.

## **FASAL 8 PEJABAT SETIAUSAHA PEMUDA UMNO MALAYSIA**

Pejabat Setiausaha Pemuda UMNO Malaysia adalah di Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

## **FASAL 9 PERHIMPUNAN AGUNG PEMUDA UMNO MALAYSIA**

- 9.1 Perhimpunan Agung Tahunan Pemuda UMNO Malaysia hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu dari Perhimpunan Agung UMNO Malaysia.
- 9.2 Sebarang Perhimpunan Agung Pemuda UMNO hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut -
  - 9.2.1 Pengerusi Tetap Pemuda dan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda. Jika mereka juga adalah Ketua Pemuda Bahagian, mereka boleh melantik ganti ke Perhimpunan Agung Pemuda.

- 9.2.2 Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia.
- 9.2.3 Ketua, Naib Ketua, Setiausaha dan Ketua Penerangan Pemuda UMNO Bahagian-bahagian yang telah mengadakan Mesyuarat Perwakilannya. Jika mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia, maka bolehlah melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Pemuda Bahagiannya.
- 9.2.4 Dua (2) orang wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan dari tiap-tiap Bahagian Pemuda Bahagiannya.
- 9.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.3 Semua Ahli-ahli Perwakilan Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia di bawah Fasal 9.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah dari Ketua atau Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian masing-masing.
- 9.4 Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia hendaklah memilih sepuluh (10) orang wakil ke Perhimpunan Agung UMNO Malaysia sebagaimana yang diperuntukan oleh Fasal 8.4.5 Perlembagaan UMNO.
- 9.5 Semua keputusan Perhimpunan Agung Pemuda hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia hendaklah dipilih pada tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dalam Mesyuarat Perwakilan Pemuda Bahagian dari kalangan Ahli Pemuda UMNO. Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap ini hendaklah menjadi Pengerusi di dalam sebarang Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau berhenti atau diberhentikan oleh Perhimpunan Agung UMNO Malaysia maka berkuasalah Perhimpunan itu mengangkat seorang daripada Ahli-ahli Perwakilan yang hadir menjadi Pengerusi bagi Perhimpunan itu sahaja.

## **FASAL 10 PERHIMPUNAN AGUNG KHAS PEMUDA UMNO MALAYSIA**

- 10.1 Perhimpunan Agung Khas Pemuda UMNO Malaysia yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut:-
- 10.1.1 Dengan kehendak Majlis Kerja Tertinggi.



- 10.1.2 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia dan dengan kebenaran Majlis Kerja Tertinggi.
- 10.1.3 Dengan permintaan bertulis sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Bahagian Pemuda dengan syarat Bahagian-bahagian Pemuda itu telah mengadakan mesyuarat Perwakilan Khas atas masalah yang sama.

## **FASAL 11 BADAN PERHUBUNGAN PEMUDA UMNO**

- 11.1 Badan Perhubungan Pemuda UMNO bolehlah ditubuhkan di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai lebih dari satu Bahagian Pemuda UMNO dengan mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang tertentu untuk mentadbirkan perjalanan Bahagian-bahagian Pemuda UMNO yang ada di dalam sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 11.2 Badan Perhubungan Pemuda UMNO hendaklah terdiri daripada:-
  - 11.2.1 Ketua.
  - 11.2.2 Naib Ketua.
  - 11.2.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.2.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 11.2.5 Bendahari (Pemuda).
  - 11.2.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
  - 11.2.7 Ketua-Ketua Pemuda Bahagian.
  - 11.2.8 Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian berhak mengambil tempat Ketua Pemuda di Mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan jika Ketua Pemuda Bahagian tidak dapat hadir.
- 11.3 Ketua dan Naib Ketua hendaklah dilantik oleh Ketua Pemuda UMNO Malaysia, selepas pemilihan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian.
- 11.4 Setiausaha Badan Perhubungan Pemuda UMNO adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
- 11.5 Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda) dan Ketua Penerangan (Pemuda) hendaklah dilantik oleh Ketua Badan Perhubungan Pemuda UMNO dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga dilantik Badan Perhubungan UMNO yang baru atau mereka meminta berhenti atau diberhentikan dengan apa jua sebab sekalipun oleh Ketua dan mereka boleh digantikan oleh Ketua itu.

- 11.6 Badan Perhubungan Pemuda UMNO hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketuanya atau Ketua Pemuda UMNO Malaysia ataupun dengan permintaan bersurat dari satu pertiga daripada bilangan Ahli-ahlinya.
- 11.7 Satu perdua daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan mesyuarat.
- 11.8 Sebarang Mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda UMNO hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Naib Ketuanya dan sekiranya mereka tidak hadir maka bolehlah Ahli-ahli yang hadir memilih salah seorang Ahli Jawatankuasa menjadi Pengerusi.
- 11.9 Pegawai-pegawai Badan Perhubungan Pemuda UMNO ialah:-
- 11.9.1 Ketua.
  - 11.9.2 Naib Ketua.
  - 11.9.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.9.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 11.9.5 Bendahari (Pemuda).
  - 11.9.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
- 11.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Badan Perhubungan Pemuda UMNO:-
- 11.10.1 Ketua.
    - 11.10.1.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO.
    - 11.10.1.2 Melantik Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda) dan Ketua Penerangan (Pemuda).
    - 11.10.1.3 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda UMNO.
    - 11.10.1.4 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO mengikut Fasal 12.2.7 Perlembagaan UMNO.
    - 11.10.1.5 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sabil UMNO Negeri dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.



- 11.10.2 Naib Ketua.
  - 11.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
  - 11.10.2.2 Mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda UMNO apabila Ketua tidak hadir.
  - 11.10.2.3 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO.
- 11.10.3 Setiausaha Badan Perhubungan.
  - 11.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Badan Perhubungan Pemuda UMNO yang dirujuk oleh Setiausaha Badan Perhubungan Pemuda UMNO.
  - 11.10.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda UMNO.
- 11.10.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 11.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda UMNO.
  - 11.10.4.3 Memanggil Mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda UMNO.
- 11.10.5 Bendahari (Pemuda).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Badan Perhubungan Pemuda UMNO.
- 11.10.6 Ketua Penerangan (Pemuda).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Badan Perhubungan Pemuda UMNO dan melaporkannya kepada Badan Perhubungan Pemuda UMNO.

- 11.11 Tugas-tugas dan tanggungjawab Badan Perhubungan Pemuda UMNO ialah:-
- 11.11.1 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dan mengatur serta menyesuaikan perjalanan Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan Pemuda UMNO dalam sesebuah negeri itu.
  - 11.11.2 Menjadi badan perantaraan di antara Pemuda UMNO Malaysia dengan Pemuda Bahagian atas perkara-perkara yang ditugaskan kepadanya.
  - 11.11.3 Mencari sumber-sumber kewangan untuk kemajuan Pemuda dengan persetujuan Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.11.4 Menyampaikan dan menjalankan arahan-arahan yang diterima daripada Pemuda UMNO Malaysia dan Badan Perhubungan UMNO kepada Bahagian-bahagian Pemuda UMNO dalam Negeri itu.
  - 11.11.5 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dalam serba lapangan yang dikehendaki.
- 11.12 Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan Pemuda UMNO adalah di Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.

## FASAL 12 JAWATANKUASA PEMUDA UMNO BAHAGIAN

- 12.1 Pemuda UMNO Bahagian boleh ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Bahagian di tiap-tiap Bahagian.
- 12.2 Tugas dan tanggungjawab sesebuah Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian itu adalah tertakluk di bawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan ini.
- 12.3 Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut:-
- 12.3.1 Ketua.
  - 12.3.2 Naib Ketua.
  - 12.3.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.3.4 Setiausaha (Pemuda)
  - 12.3.5 Bendahari (Pemuda)
  - 12.3.6 Ketua Penerangan (Pemuda)
  - 12.3.7 Tidak lebih dari lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian.
  - 12.3.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Pemuda yang dilantik oleh Ketua Pemuda Bahagian.



- 12.4 Ketua, Naib Ketua dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda Bahagian hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 12.5 Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Bahagian.
- 12.6 Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda), Ketua Penerangan (Pemuda) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Ketua Pemuda UMNO Bahagian dan akan memegang jawatan itu selama tempoh Jawatankuasa Bahagian yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Pemuda Bahagian.
- 12.7 Calon-calon yang bertanding bagi memegang jawatan Ketua Pemuda, Naib Ketua Pemuda dan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli UMNO selama tiga (3) tahun.
- 12.8 Jika Ketua Pemuda UMNO Bahagian berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian menurut Fasal 14.3.2 Peraturan ini.
- 12.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian ialah:-
  - 12.9.1 Ketua.
  - 12.9.2 Naib Ketua.
  - 12.9.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.9.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 12.9.5 Bendahari (Pemuda).
  - 12.9.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
- 12.10 Tugas-tugas pegawai dalam Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian.
  - 12.10.1 Ketua.
    - 12.10.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Bahagian.
    - 12.10.1.2 Melantik Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda) dan Ketua Penerangan (Pemuda).

- 12.10.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.8 Peraturan.
- 12.10.1.4 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian.
- 12.10.1.5 Menjadi pemimpin utama kepada Skwad Sabil UMNO Bahagian dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaannya.
- 12.10.2 Naib Ketua.
  - 12.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
  - 12.10.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian apabila Ketua tidak hadir.
- 12.10.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Pemuda UMNO Bahagian yang dirujuk oleh Setiausaha (Pemuda) UMNO Bahagian.
  - 12.10.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian dan Perwakilan Pemuda.
- 12.10.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 12.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Pemuda UMNO Bahagian dan Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian.



- 12.10.5 Bendahari (Pemuda).  
Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Pemuda UMNO Bahagian.
- 12.10.6 Ketua Penerangan (Pemuda).  
Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Pemuda UMNO Bahagian dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian.
- 12.11 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa meletakkan jawatan mereka maka Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Khas Pemuda UMNO Bahagian untuk memilih Jawatankuasa Pemuda yang baru dan Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah menentukan tempoh perkhidmatannya.
- 12.12 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian tidak lagi memegang jawatannya atas apa-apa juga sebab sekalipun maka Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli yang dilantik di mana Ketua Pemuda UMNO Bahagian berkuasa melantik gantinya.

## **FASAL 13 PEJABAT SETIAUSAHA PEMUDA UMNO BAHAGIAN**

Pejabat Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian adalah di Pejabat UMNO Bahagian.

## **FASAL 14 MESYUARAT PERWAKILAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN**

- 14.1 Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu daripada Mesyuarat Perwakilan Tahunan UMNO Bahagian.
- 14.2 Sebarang Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut:-
- 14.2.1 Pengerusi Tetap Pemuda dan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda. Sekiranya mereka juga adalah Ketua Pemuda Cawangan bolehlah mereka melantik Pemuda dari Cawangan mereka sebagai ganti.
- 14.2.2 Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian.

- 14.2.3 Ketua, Naib Ketua dan Setiausaha Pemuda Cawangan. Sekiranya ia menjadi Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian, maka bolehlah ia melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Pemuda Cawangan.
- 14.2.4 Dua (2) orang wakil dipilih oleh Persidangan Tahunan Pemuda UMNO Cawangan dalam Bahagian itu, mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
- 14.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil daripada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.3 Tugas-tugas Mesyuarat Perwakilan Pemuda Bahagian ialah:-
- 14.3.1 Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda UMNO Malaysia.
- 14.3.2 Memilih seorang Ketua Pemuda, Naib Ketua Pemuda dan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia mengikut Fasal 5.3 Peraturan ini.
- 14.3.3 Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda Bahagian.
- 14.3.4 Tertakluk Fasal 12.4 Peraturan ini, memilih Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.1, 12.3.2 dan 12.3.7 Peraturan ini.
- 14.3.5 Memilih sepuluh (10) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian menurut Fasal 14.4.5 Perlembagaan UMNO.
- 14.3.6 Memilih dua (2) orang wakil ke Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia menurut Fasal 9.2.4 Peraturan ini.
- 14.4 Semua Ahli Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian di bawah Fasal 14.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah daripada Ketua atau Setiausaha Pemuda UMNO Cawangan masing-masing.
- 14.5 Semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa dan Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Bahagian.



- 14.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali di dalam Mesyuarat Perwakilan Tahunannya dari kalangan Ahli Pemuda UMNO. Pengerusi Tetap Pemuda atau Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda hendaklah mempengerusikan sebarang mesyuarat melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau meminta berhenti atau diberhentikan oleh Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian maka berkuasalah Mesyuarat Perwakilan memilih seorang daripada Ahli-ahli yang hadir menjadi Pengerusi Mesyuarat Perwakilan itu sahaja.

## **FASAL 15 MESYUARAT PERWAKILAN KHAS PEMUDA UMNO BAHAGIAN**

- 15.1 Mesyuarat Perwakilan Khas Pemuda UMNO Bahagian yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut-
- 15.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 15.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Bahagian dan dengan persetujuan Pemuda UMNO Malaysia.

## **FASAL 16 PENUBUHAN PEMUDA UMNO CAWANGAN**

- 16.1 Pemuda UMNO Cawangan bolehlah ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Cawangan di tiap-tiap UMNO Cawangan di mana Ahli Pemuda adalah sekurang-kurangnya lima belas (15) orang.
- 16.2 Sesebuah Cawangan Pemuda UMNO itu adalah tertakluk tugas dan tanggungjawabnya dibawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan Pemuda UMNO.
- 16.3 Tempoh matang Cawangan Penaja adalah tiga (3) bulan dan hendaklah mengadakan mesyuarat pemilihan dalam tempoh tersebut.

## **FASAL 17 JAWATANKUASA PEMUDA UMNO CAWANGAN**

- 17.1 Hendaklah diadakan sebuah Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan dengan mengandungi ahli-ahli sebagaimana di bawah ini:-
- 17.1.1 Ketua.
- 17.1.2 Naib Ketua.

- 17.1.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
- 17.1.4 Setiausaha (Pemuda).
- 17.1.5 Bendahari (Pemuda).
- 17.1.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
- 17.1.7 Tidak lebih dari tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda yang dipilih oleh Persidangan Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.1.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Pemuda yang dilantik oleh Ketua Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.2 Ketua, Naib Ketua dan tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda hendaklah dipilih di dalam Persidangan Pemuda UMNO Cawangan tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 17.3 Setiausaha Pemuda UMNO Cawangan adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Cawangan.
- 17.4 Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda), Ketua Penerangan (Pemuda) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Ketua Pemuda UMNO Cawangan dan akan memegang jawatan itu selama tempoh Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Pemuda Cawangan.
- 17.5 Jika Ketua Pemuda UMNO Cawangan berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Persidangan Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.6 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan ialah:-
  - 17.6.1 Ketua.
  - 17.6.2 Naib Ketua.
  - 17.6.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.6.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 17.6.5 Bendahari (Pemuda).
  - 17.6.6 Ketua Penerangan (Pemuda).
- 17.7 Tugas-tugas Pegawai Pemuda UMNO Cawangan:-
  - 17.7.1 Ketua.
    - 17.7.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Cawangan
    - 17.7.1.2 Melantik Setiausaha (Pemuda), Bendahari (Pemuda) dan Ketua Penerangan (Pemuda).



- 17.7.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan mengikut Fasal 17.1.8 Peraturan ini.
- 17.7.1.4 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.7.2 Naib Ketua.
  - 17.7.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
  - 17.7.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan apabila Ketua tidak hadir.
- 17.7.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.7.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Pemuda UMNO Cawangan yang dirujuk kepada Setiausaha (Pemuda) UMNO Cawangan.
  - 17.7.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.7.4 Setiausaha (Pemuda).
  - 17.7.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Pemuda UMNO Cawangan dan Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.7.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan.
  - 17.7.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Persidangan Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.7.5 Bendahari (Pemuda).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Pemuda UMNO Cawangan.

- 17.7.6 Ketua Penerangan (Pemuda).  
Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Pemuda UMNO Cawangan dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan.
- 17.8 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan berhenti maka Jawatankuasa itu dianggap telah bubar dan Jawatankuasa UMNO Cawangan boleh mengadakan Persidangan Khas Pemuda UMNO Cawangan untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Pemuda Cawangan itu dan Jawatankuasa UMNO Cawangan akan menentukan tempoh perkhidmatannya.
- 17.9 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka jawatan itu tidak boleh diganti kecuali Ahli yang dilantik yang mana Ketua Pemuda UMNO Cawangan berkuasa melantik gantinya.

## **FASAL 18 PEJABAT SETIAUSAHA PEMUDA UMNO CAWANGAN**

Pejabat Setiausaha Pemuda UMNO Cawangan adalah di Pejabat UMNO Cawangan.

## **FASAL 19 PERSIDANGAN PEMUDA UMNO CAWANGAN**

- 19.1 Persidangan Pemuda UMNO Cawangan hendaklah diadakan berasingan dan terdahulu daripada Persidangan UMNO Cawangan dan penetapan tarikh Persidangan Pemuda UMNO Cawangan hendaklah dibuat oleh Pemuda UMNO Bahagian setelah dirujuk kepada UMNO Cawangan dan Bahagian.
- 19.2 Sebarang Persidangan Pemuda UMNO Cawangan hendaklah mengandungi:-
- 19.2.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
  - 19.2.2 Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan.
  - 19.2.3 Ahli-ahli Pemuda UMNO Cawangan yang telah menjelaskan yuran mengikut Fasal 25.1 Perlembagaan UMNO.
  - 19.2.4 Tidak lebih dari dua (2) orang wakil Jawatankuasa UMNO Cawangan.



- 19.3 Cukup bilang (korum) Persidangan Pemuda UMNO Cawangan adalah sekurang-kurangnya sembilan (9) orang ahli Pergerakan Pemuda UMNO tetapi tidak termasuk Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
- 19.4 Tugas-tugas Persidangan Pemuda UMNO Cawangan:-
- 19.4.1 Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda.
  - 19.4.2 Tertakluk kepada Fasal 17.2 memilih Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan sebagaimana Fasal 17.1.1, 17.1.2 dan 17.1.7 Peraturan ini.
  - 19.4.3 Memilih dua (2) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian sebagaimana Fasal 14.2.4 Peraturan ini.
- 19.5 Semua keputusan Persidangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 19.6 Sebarang Persidangan Pemuda UMNO Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap yang dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali oleh Persidangan itu dari Ahli-ahli Pemuda UMNO dan sekiranya ia tidak hadir bolehlah Persidangan itu memilih daripada Ahli-ahli Persidangan yang hadir menjadi Pengerusi.
- 19.7 Ahli-ahli Pemuda yang baru didaftarkan sebagai Ahli-ahli Biasa UMNO selepas tahun kewangan UMNO tidak berhak mengambil bahagian dalam Persidangan Pemuda UMNO Cawangan mengikut Fasal 6.2 Perlembagaan UMNO tahun berkenaan tetapi boleh hadir sebagai pemerhati.

## **FASAL 20 PERSIDANGAN KHAS PEMUDA UMNO CAWANGAN**

- 20.1 Persidangan Khas Pemuda UMNO Cawangan yang mempunyai cara persidangan yang sama dengan Persidangan Pemuda UMNO Cawangan bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
- 20.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemuda UMNO Cawangan dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Cawangan.
  - 20.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Cawangan dan dengan persetujuan Pemuda UMNO Bahagian.

## **FASAL 21 KEWANGAN DAN HARTA**

- 21.1 Peraturan Kewangan UMNO hendaklah dipakai sebagai Peraturan Kewangan Pemuda UMNO.
- 21.2 Tiap-tiap harta alih, iaitu tanah dan bangunan kepunyaan Pemuda UMNO hendaklah didaftarkan di atas nama UMNO pada peringkat yang berkenaan.
- 21.3 Tiap-tiap harta alih dan tak alih kepunyaan Pemuda UMNO hendaklah didaftarkan mengikut Fasal 27 Harta Alih dan Tak Alih Perlembagaan UMNO.

## **FASAL 22 KESEMPURNAAN PERATURAN INI**

Bagi kesempurnaan Peraturan ini dan perjalanan serta pentadbiran Pemuda UMNO dalam semua peringkatnya maka sebarang perkara yang tidak tersebut didalam Peraturan ini hendaklah dijalankan dengan berpandu kepada Perlembagaan UMNO.

## **FASAL 23 TAFSIRAN**

Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Peraturan ini maka hendaklah perkara ini dirujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan tafsiran yang diberikannya adalah mukatamad.

## **FASAL 24 PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT**

Aturan Peraturan UMNO hendaklah dipakai dalam semua peringkat Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO.

## **FASAL 25 TARIKH DIJALANKAN PERATURAN INI**

- 25.1 Peraturan ini dipersetujukan dengan pindaan Majlis Kerja Tertinggi dan akan berkuatkuasanya pada 8 Disember 2021.
- 25.2 Peraturan ini hanya diakui sah dan berkuakuasa setelah dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi sebagaimana kuatkuasa yang ada padanya menurut Fasal 21 Perlembagaan UMNO.



فرتوبوهن كبڤساان ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION

NO. PENDAFTARAN 676/88 (WILAYAH PERSEKUTUAN)

# PERATURAN PERGERAKAN PUTERI UMNO

## KANDUNGAN

FASAL 1	DARIHAL PERATURAN INI	1
FASAL 2	NAMA	1
FASAL 3	TUJUAN - TUJUAN	1
FASAL 4	KEAHLIAN PUTERI	1
FASAL 5	JAWATANKUASA PUTERI UMNO MALAYSIA	3
FASAL 6	MESYUARAT JAWATANKUASA	6
FASAL 7	TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	7
FASAL 8	PEJABAT SETIAUSAHA PUTERI UMNO MALAYSIA	7
FASAL 9	PERHIMPUNAN AGUNG PUTERI UMNO MALAYSIA	7
FASAL 10	PERHIMPUNAN AGUNG KHAS PUTERI UMNO MALAYSIA	8
FASAL 11	BADAN PERHUBUNGAN PUTERI UMNO	9
FASAL 12	JAWATANKUASA PUTERI UMNO BAHAGIAN	13
FASAL 13	PEJABAT SETIAUSAHA PUTERI UMNO BAHAGIAN	16
FASAL 14	MESYUARAT PERWAKILAN PUTERI UMNO BAHAGIAN	16
FASAL 15	MESYUARAT PERWAKILAN KHAS PUTERI UMNO BAHAGIAN	18
FASAL 16	PENUBUHAN PUTERI UMNO CAWANGAN	19
FASAL 17	JAWATANKUASA PUTERI UMNO CAWANGAN	19
FASAL 18	PEJABAT SETIAUSAHA PUTERI UMNO CAWANGAN	22
FASAL 19	PERSIDANGAN PUTERI UMNO CAWANGAN	22
FASAL 20	PERSIDANGAN KHAS PUTERI UMNO CAWANGANN	24
FASAL 21	KEWANGAN DAN HARTA	24
FASAL 22	KESEMPURNAAN PERATURAN INI	25
FASAL 23	TAFSIRAN	25
FASAL 24	PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT	25
FASAL 25	TARIKH DIJALANKAN PERATURAN INI	25



## **FASAL 1 DARIPAL PERATURAN INI**

Menurut Fasal 21 Perlembagaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bahawa Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat Peraturan ini yang dinamakan "Peraturan Pergerakan Puteri UMNO".

## **FASAL 2 NAMA**

Pergerakan ini adalah dinamakan "Pergerakan Puteri UMNO Malaysia", ringkasnya "Puteri UMNO".

## **FASAL 3 TUJUAN – TUJUAN**

Tujuan-tujuan Puteri UMNO ialah :-

- 3.1 Menggalakkan Ahli-ahlinya mengambil bahagian aktif dalam kegiatan-kegiatan sukarela, agama, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, perkhidmatan kemasyarakatan dan kebudayaan.
- 3.2 Menganjurkan dan mengadakan latihan kepimpinan dan lain-lain latihan bagi mencapai tujuan-tujuan di atas.
- 3.3 Bekerjasama dengan badan-badan lain yang dipersetujui oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

## **FASAL 4 KEAHLIAN DAN HAD UMUR MEMEGANG JAWATAN**

4.1 Kelayakan menjadi ahli :-

- 4.1.1 Puteri UMNO adalah terbuka kepada wanita-wanita yang berumur tiga puluh lima (35) tahun ke bawah yang dikira pada 1hb Januari tahun berkenaan.
- 4.1.2 Seseorang Ahli Puteri akan menjadi Ahli Puteri di dalam Cawangan UMNO di mana ia berdaftar menjadi Ahli Biasa UMNO.
- 4.1.3 Seseorang Ahli Puteri tidak boleh menjadi Ahli Puteri lebih daripada satu Cawangan.

- 4.2 Had umur dan tempoh memegang apa-apa jawatan di dalam Puteri UMNO:-
- 4.2.1 Ketua Puteri UMNO Malaysia.
    - 4.2.1.1 Had tempoh umur untuk jawatan Ketua Puteri UMNO Malaysia adalah sehingga telah mencapai umur empat puluh (40) tahun.
    - 4.2.1.2 Sekiranya penjawat itu telah mencapai had umur lebih empat puluh (40) tahun tetapi belum tamat tempoh pemilihannya untuk penggal pemilihan Majlis Kerja Tertinggi itu, beliau bolehlah meneruskan khidmatnya sehingga tamat pemilihannya untuk penggal pemilihan Majlis Kerja Tertinggi itu sahaja.
  - 4.2.2 Ketua Puteri UMNO Badan Perhubungan Negeri, Bahagian dan Cawangan:-
    - 4.2.2.1 Had tempoh umur untuk jawatan Ketua Puteri UMNO Badan Perhubungan Negeri, Bahagian dan Cawangan adalah sehingga telah mencapai umur tiga puluh lima (35) tahun.
    - 4.2.2.2 Sekiranya penjawat itu telah mencapai umur tiga puluh lima (35) tahun tetapi belum tamat tempoh pemilihannya untuk penggal pemilihan Majlis Kerja Tertinggi itu, beliau bolehlah meneruskan khidmatnya sehingga tamat pemilihannya untuk penggal Majlis Kerja Tertinggi itu sahaja.
  - 4.2.3 Jawatan-jawatan lain sama ada di peringkat Puteri UMNO Malaysia, Negeri, Bahagian dan Cawangan :-
    - 4.2.3.1 Had tempoh umur untuk jawatan-jawatan lain seperti di atas adalah sehingga mencapai umur tiga puluh lima (35) tahun melainkan mereka meminta berhenti atau diberhentikan.



- 4.2.3.2 Sekiranya penjawat-penjawat tersebut telah mencapai had umur tiga puluh lima (35) tahun tetapi belum tamat tempoh pemilihan mereka untuk pemilihan Majlis Kerja Tertinggi itu, mereka bolehlah meneruskan khidmat mereka sehingga tamat tempoh pemilihan mereka untuk penggal pemilihan Majlis Kerja Tertinggi itu sahaja.

## **FASAL 5 JAWATANKUASA PUTERI UMNO MALAYSIA**

- 5.1 Sesebuah Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut :-
- 5.1.1 Ketua.
  - 5.1.2 Naib Ketua.
  - 5.1.3 Setiausaha Agung.
  - 5.1.4 Setiausaha (Puteri).
  - 5.1.5 Bendahari (Puteri).
  - 5.1.6 Ketua Penerangan (Puteri).
  - 5.1.7 Tidak lebih dari dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Puteri yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Puteri Bahagian.
  - 5.1.8 Tidak lebih dari lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Puteri yang dilantik oleh Ketua Puteri.
- 5.2 Ketua Puteri hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali dan bertaraf Naib Presiden UMNO Malaysia menurut Fasal 9.2.3 dan 9.4 Perlembagaan UMNO.
- 5.3 Naib Ketua Puteri dan dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 5.4 Setiausaha (Puteri) UMNO dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha Agung UMNO Malaysia.

- 5.5 Setiausaha (Puteri), Bendahari (Puteri), Ketua Penerangan (Puteri) dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Puteri boleh dilantik oleh Ketua Puteri dan disahkan oleh Presiden dan akan memegang jawatan mereka selama tempoh Majlis Kerja Tertinggi kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Puteri.
- 5.6 Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli UMNO selama tiga (3) tahun.
- 5.7 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Puteri UMNO berhenti maka Jawatankuasa itu dianggap telah bubar dan Majlis Kerja Tertinggi boleh mengadakan Perhimpunan Agung Khas Puteri UMNO Malaysia bagi menubuhkan semula Jawatankuasa Puteri UMNO dan Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menentukan tempoh perkhidmatan Jawatankuasa yang baru dipilih itu.
- 5.8 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Puteri tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik menurut Fasal 5.1.4, 5.1.5, 5.1.6 dan 5.1.8 Peraturan ini yang mana Ketua Puteri UMNO Malaysia berkuasa melantik gantinya.
- 5.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia ialah :-
- 5.9.1 Ketua Puteri.
  - 5.9.2 Naib Ketua Puteri.
  - 5.9.3 Setiausaha Agung.
  - 5.9.4 Setiausaha (Puteri).
  - 5.9.5 Bendahari (Puteri).
  - 5.9.6 Ketua Penerangan (Puteri).
- 5.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia ialah :-
- 5.10.1 Ketua Puteri UMNO Malaysia.
    - 5.10.1.1 Membantu tugas-tugas Presiden UMNO Malaysia.



- 5.10.1.2 Menjadi pemimpin utama kepada Puteri UMNO Malaysia dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan
- 5.10.1.3 Melantik Setiausaha (Puteri), Bendahari (Puteri), Ketua Penerangan (Puteri), Ketua dan Naib Ketua Puteri Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 5.10.1.4 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia.
- 5.10.2 Naib Ketua Puteri UMNO Malaysia.
  - 5.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Puteri UMNO Malaysia.
  - 5.10.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia apabila Ketua Puteri UMNO Malaysia tidak hadir.
- 5.10.3 Setiausaha Agung.

Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Puteri UMNO yang dirujuk oleh Setiausaha (Puteri).
- 5.10.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Malaysia.
  - 5.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Puteri UMNO Malaysia dan Setiausaha Agung UMNO Malaysia.
  - 5.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia serta menyelaras dengan Puteri UMNO Negeri dan Puteri UMNO Bahagian.

5.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa setahun yang lalu.

5.10.5 Bendahari (Puteri) UMNO Malaysia.

5.10.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Puteri UMNO Malaysia.

5.10.5.2 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia.

5.10.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Malaysia.

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Puteri UMNO Malaysia dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia.

## FASAL 6 MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Ketua Puteri UMNO Malaysia.

6.2 Satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa itu adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa.

6.3 Sebarang Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Puteri atau Naib Ketua Puteri UMNO Malaysia dan sekiranya mereka tidak hadir bolehlah mesyuarat memilih salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa yang hadir menjadi Pengerusi Mesyuarat.



## **FASAL 7 TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia ialah:-

- 7.1 Berikhtiar dan berusaha melaksanakan tujuan-tujuan yang terkandung dalam Fasal 3 peraturan ini.
- 7.2 Menjalankan arahan-arahan daripada Majlis Kerja Tertinggi.
- 7.3 Dengan persetujuan Majlis Kerja Tertinggi atau Presiden UMNO Malaysia, berikhtiar dan berusaha mencari derma-derma untuk kemajuan Puteri UMNO.

## **FASAL 8 PEJABAT SETIAUSAHA PUTERI UMNO MALAYSIA**

Pejabat Setiausaha (Puteri) UMNO Malaysia adalah di Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

## **FASAL 9 PERHIMPUNAN AGUNG PUTERI UMNO MALAYSIA**

- 9.1 Perhimpunan Agung Tahunan Puteri UMNO Malaysia hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu dari Perhimpunan Agung UMNO Malaysia.
- 9.2 Sebarang Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia hendaklah mengundang Ahli-ahli sebagaimana yang berikut :-
  - 9.2.1 Pengerusi Tetap Puteri dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri UMNO Malaysia. Jika mereka juga adalah Ketua Puteri Bahagian, mereka boleh melantik ganti ke Perhimpunan Agung Puteri.
  - 9.2.2 Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia.
  - 9.2.3 Ketua, Naib Ketua, Setiausaha dan Ketua Penerangan Puteri UMNO Bahagian-bahagian yang telah mengadakan Mesyuarat Perwakilannya. Jika mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia, maka bolehlah melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Puteri Bahagiannya.

- 9.2.4 Dua (2) orang wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO dari tiap-tiap Bahagian Puteri UMNO. Mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
- 9.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.3 Semua Ahli Perwakilan Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia di bawah Fasal 9.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah dari Ketua Puteri UMNO Bahagian atau Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian masing-masing.
- 9.4 Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia hendaklah memilih sepuluh (10) orang wakil ke Perhimpunan Agung UMNO Malaysia.
- 9.5 Semua keputusan Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi.
- 9.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia hendaklah dipilih mengikut tempoh pemilihan Majlis Kerja Tertinggi dalam Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian dari kalangan Ahli Puteri UMNO. Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap ini hendaklah menjadi Pengerusi di dalam sebarang Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau berhenti atau diberhentikan oleh Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia maka berkuasalah Perhimpunan itu mengangkat seorang daripada Ahli-ahli Perwakilan yang hadir menjadi Pengerusi bagi Perhimpunan itu sahaja.

## **FASAL 10 PERHIMPUNAN AGUNG KHAS PUTERI UMNO MALAYSIA**

- 10.1 Perhimpunan Agung Khas Puteri UMNO Malaysia yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
- 10.1.1 Dengan kehendak Majlis Kerja Tertinggi.



- 10.1.2 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia dan dengan kebenaran Majlis Kerja Tertinggi.
- 10.1.3 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Bahagian Puteri UMNO dengan syarat Bahagian-bahagian Puteri UMNO itu telah mengadakan mesyuarat Perwakilan Khas atas masalah yang sama.

## **FASAL 11 BADAN PERHUBUNGAN PUTERI UMNO**

- 11.1 Badan Perhubungan Puteri UMNO bolehlah ditubuhkan di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai lebih dari satu Bahagian Puteri UMNO dengan mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang tertentu untuk mentadbirkan perjalanan Bahagian-bahagian Puteri UMNO yang ada di dalam sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 11.2 Badan Perhubungan Puteri UMNO hendaklah terdiri daripada :-
  - 11.2.1 Ketua Puteri.
  - 11.2.2 Naib Ketua Puteri.
  - 11.2.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.2.4 Setiausaha (Puteri).
  - 11.2.5 Bendahari (Puteri).
  - 11.2.6 Ketua Penerangan (Puteri).
  - 11.2.7 Ketua-ketua Puteri UMNO Bahagian-bahagian. Naib Ketua Puteri UMNO Bahagian berhak mengambil tempat Ketua Puteri UMNO Bahagian di Mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan Puteri UMNO jika Ketua Puteri UMNO Bahagian tidak dapat hadir.
- 11.3 Ketua dan Naib Ketua hendaklah dilantik oleh Ketua Puteri UMNO Malaysia, selepas pemilihan Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian.
- 11.4 Setiausaha Badan Perhubungan Puteri UMNO adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.

- 11.5 Setiausaha (Puteri), Bendahari (Puteri) dan Ketua Penerangan (Puteri) hendaklah dilantik oleh Ketua Badan Perhubungan Puteri UMNO dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga dilantik Badan Perhubungan UMNO yang baru atau mereka berhenti atau diberhentikan dengan apa jua sebab sekalipun oleh Ketua Puteri dan mereka boleh digantikan oleh Ketua Puteri itu.
- 11.6 Badan Perhubungan Puteri UMNO hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua Puteri UMNO Malaysia atau Ketua Puterinya ataupun dengan permintaan bersurat dari satu pertiga daripada bilangan Ahli-ahlinya.
- 11.7 Satu perdua daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Puteri adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan mesyuarat.
- 11.8 Sebarang Mesyuarat Badan Perhubungan Puteri UMNO hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Puteri atau Naib Ketua Puterinya dan sekiranya mereka tidak hadir maka bolehlah Ahli-ahli yang hadir memilih salah seorang Ahli Jawatankuasa menjadi Pengerusi Mesyuarat.
- 11.9 Pegawai-pegawai Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri ialah :-
  - 11.9.1 Ketua Puteri.
  - 11.9.2 Naib Ketua Puteri.
  - 11.9.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
  - 11.9.4 Setiausaha (Puteri).
  - 11.9.5 Bendahari (Puteri).
  - 11.9.6 Ketua Penerangan (Puteri).
- 11.10 Tugas-tugas Pegawai dalam Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri:-
  - 11.10.1 Ketua Puteri.
    - 11.10.1.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri.
    - 11.10.1.2 Melantik Setiausaha (Puteri), Bendahari (Puteri) dan Ketua Penerangan (Puteri).



- 11.10.1.3 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri.
- 11.10.1.4 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri mengikut Fasal 12.2.7 Perlembagaan UMNO.
- 11.10.2 Naib Ketua Puteri.
  - 11.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Puteri UMNO Negeri.
  - 11.10.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri apabila Ketua Puteri Negeri tidak hadir.
  - 11.10.2.3 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri.
- 11.10.3 Setiausaha Badan Perhubungan.
  - 11.10.3.1 Menerima maklumat dan memberi panduan mengenai perjalanan Badan Perhubungan Puteri UMNO yang dirujuk oleh Setiausaha (Puteri).
  - 11.10.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Puteri UMNO.
- 11.10.4 Setiausaha (Puteri).
  - 11.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Puteri dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri.
  - 11.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri.
  - 11.10.4.3 Memanggil Mesyuarat Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri.

### 11.10.5 Bendahari (Puteri).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Badan Perhubungan Puteri UMNO.

### 11.10.6 Ketua Penerangan (Puteri).

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Badan Perhubungan Puteri UMNO dan melaporkannya kepada Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri.

### 11.11 Tugas-tugas dan tanggungjawab Badan Perhubungan Puteri UMNO Negeri ialah :-

11.11.1 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri dan mengatur serta menyesuaikan perjalanan Bahagian-bahagian Puteri UMNO dalam sesebuah Negeri itu.

11.11.2 Menjadi badan perantaraan di antara Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia dengan Puteri UMNO Bahagian atas perkara-perkara yang ditugaskan kepadanya.

11.11.3 Dengan persetujuan Badan Perhubungan UMNO Negeri, mencari sumber-sumber kewangan untuk kemajuan Puteri UMNO Negeri.

11.11.4 Menyampaikan dan menjalankan arahan-arahan yang diterima daripada Puteri UMNO Malaysia dan Badan Perhubungan UMNO kepada Bahagian-bahagian Puteri UMNO dalam Negeri itu.

11.11.5 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dalam serba lapangan yang dikehendaki.

### 11.12 Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan Puteri UMNO adalah di Pejabat Badan Perhubungan UMNO.



## FASAL 12 JAWATANKUASA PUTERI UMNO BAHAGIAN

- 12.1 Puteri UMNO Bahagian boleh ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Bahagian di tiap-tiap Bahagian.
- 12.2 Tugas dan tanggungjawab sesebuah Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian itu adalah tertakluk di bawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan ini.
- 12.3 Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut :-
  - 12.3.1 Ketua Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.3.2 Naib Ketua Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.3.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.3.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.3.5 Bendahari (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.3.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.3.7 Tidak lebih dari lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Puteri yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.3.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Puteri yang dilantik oleh Ketua Puteri UMNO Bahagian.
- 12.4 Ketua, Naib Ketua dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian mengikut tempoh pemilihan Majlis Kerja Tertinggi.
- 12.5 Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Bahagian.
- 12.6 Setiausaha (Puteri), Bendahari (Puteri), Ketua Penerangan (Puteri) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Puteri hendaklah dilantik oleh Ketua Puteri UMNO Bahagian dan akan memegang jawatan itu selama tempoh Jawatankuasa Bahagian yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Puteri Bahagian.

- 12.7 Calon-calon yang bertanding bagi memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Puteri Bahagian hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli UMNO selama tiga (3) tahun.
- 12.8 Jika Ketua Puteri UMNO Bahagian berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian menurut Fasal 14.3 Peraturan ini.
- 12.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian ialah:-
- 12.9.1 Ketua Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.9.2 Naib Ketua Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.9.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.9.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.9.5 Bendahari (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.9.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Bahagian.
- 12.10 Tugas-tugas pegawai dalam Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian :-
- 12.10.1 Ketua Puteri UMNO Bahagian.
    - 12.10.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Bahagian.
    - 12.10.1.2 Melantik Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian, Bendahari (Puteri) UMNO Bahagian dan Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Bahagian.
    - 12.10.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.8 Peraturan ini.
    - 12.10.1.4 Memanggil dan mengengeruskan Mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian.



- 12.10.2 Naib Ketua Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.10.2.2 Mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian apabila Ketua Puteri UMNO Bahagian tidak hadir.
- 12.10.3 Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Puteri UMNO Bahagian yang dirujuk oleh Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.10.3.2 Menyelia kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Cawangan dan Bahagian Puteri UMNO.
- 12.10.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Puteri UMNO Bahagian dan Setiausaha UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian.
  - 12.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian.
- 12.10.5 Bendahari (Puteri) UMNO Bahagian.

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Puteri UMNO Bahagian.

## 12.10.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Bahagian.

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Puteri UMNO Bahagian dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian.

12.11 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian meletakkan jawatan mereka, maka Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Khas Puteri UMNO Bahagian untuk memilih Jawatankuasa Puteri yang baru dan Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah menentukan tempoh perkhidmatannya.

12.12 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian tidak lagi memegang jawatannya atas apa-apa juga sebab sekalipun maka Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli yang dilantik di mana Ketua Puteri UMNO Bahagian berkuasa melantik gantinya.

## FASAL 13 PEJABAT SETIAUSAHA PUTERI UMNO BAHAGIAN

Pejabat Setiausaha (Puteri) UMNO Bahagian adalah di Pejabat UMNO Bahagian.

## FASAL 14 MESYUARAT PERWAKILAN PUTERI UMNO BAHAGIAN

14.1 Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu daripada Mesyuarat Perwakilan Tahunan UMNO Bahagian.

14.2 Sebarang Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut :-

14.2.1 Pengerusi Tetap Puteri dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri UMNO Bahagian. Sekiranya mereka juga adalah Ketua Puteri Cawangan bolehlah mereka melantik Puteri dari Cawangan mereka sebagai ganti.

14.2.2 Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian.



- 14.2.3 Ketua, Naib Ketua dan Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan. Sekiranya ia menjadi Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian, maka bolehlah ia melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Puteri Cawangan.
  - 14.2.4 Dua (2) orang wakil dipilih oleh Persidangan Tahunan Puteri UMNO Cawangan dalam Bahagian itu, mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
  - 14.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil daripada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.3 Tugas-tugas Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian ialah:-
- 14.3.1 Memilih Pengerusi Tetap Puteri UMNO Malaysia dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri UMNO Malaysia.
  - 14.3.2 Memilih seorang Ketua Puteri, Naib Ketua Puteri dan Jawatankuasa Puteri UMNO Malaysia mengikut Fasal 5.3 Peraturan ini.
  - 14.3.3 Memilih Pengerusi Tetap Puteri Bahagian dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri Bahagian.
  - 14.3.4 Tertakluk Fasal 12.4 Peraturan ini, memilih Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.1, 12.3.2 dan 12.3.7 Peraturan ini.
  - 14.3.5 Memilih sepuluh (10) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian menurut Fasal 14.4.5 Perlembagaan UMNO.
  - 14.3.6 Memilih dua (2) orang wakil Puteri ke Perhimpunan Agung Puteri UMNO Malaysia menurut Fasal 9.2.4 Peraturan ini.

- 14.4 Semua Ahli Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian di bawah Fasal 14.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah daripada Ketua atau Setiausaha Puteri UMNO Cawangan masing-masing.
- 14.5 Semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa dan Perwakilan Puteri UMNO Bahagian hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali di dalam Mesyuarat Perwakilan Tahunannya dari kalangan Ahli Puteri UMNO. Pengerusi Tetap Puteri atau Timbalan Pengerusi Tetap Puteri ini hendaklah mempengerusikan sebarang mesyuarat melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau meminta berhenti atau diberhentikan oleh Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian maka berkuasalah Mesyuarat Perwakilan memilih seorang daripada Ahli-ahli yang hadir menjadi Pengerusi Mesyuarat Perwakilan itu sahaja.

### **FASAL 15 MESYUARAT PERWAKILAN KHAS PUTERI UMNO BAHAGIAN**

- 15.1 Mesyuarat Perwakilan Khas Puteri UMNO Bahagian yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
  - 15.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Bahagian.
  - 15.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Bahagian dan dengan persetujuan Puteri UMNO Malaysia.



## FASAL 16 PENUBUHAN PUTERI UMNO CAWANGAN

- 16.1 Puteri UMNO Cawangan bolehlah ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Cawangan di tiap-tiap UMNO Cawangan di mana Ahli Puteri adalah sekurang-kurangnya lima belas (15) orang.
- 16.2 Sesebuah Cawangan Puteri UMNO itu adalah tertakluk tugas dan tanggungjawabnya dibawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan Puteri UMNO.
- 16.3 Tempoh matang Cawangan Penaja adalah tiga (3) bulan dan hendaklah mengadakan mesyuarat pemilihan dalam tempoh tersebut.

## FASAL 17 JAWATANKUASA PUTERI UMNO CAWANGAN

- 17.1 Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan hendaklah diadakan dengan mengandungi ahli-ahli sebagaimana di bawah ini :-
  - 17.1.1 Ketua Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.1.2 Naib Ketua Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.1.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.1.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.1.5 Bendahari (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.1.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.1.7 Tidak lebih dari tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Puteri yang dipilih oleh Persidangan Puteri Cawangan.
  - 17.1.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Puteri yang dilantik oleh Ketua Puteri UMNO Cawangan.
- 17.2 Ketua, Naib Ketua dan tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Puteri Cawangan hendaklah dipilih di dalam Persidangan Puteri Cawangan mengikut tempoh pemilihan Majlis Kerja Tertinggi.
- 17.3 Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan adalah dengan sendirinya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Cawangan.

- 17.4 Setiausaha (Puteri), Bendahari (Puteri), Ketua Penerangan (Puteri) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Puteri hendaklah dilantik oleh Ketua Puteri UMNO Cawangan dan akan memegang jawatan itu selama tempoh pemilihan Majlis Tertinggi kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan dengan apa jua sebab sekalipun oleh Ketua dan Ketua berhak mengganti mereka.
- 17.5 Jika Ketua Puteri UMNO Cawangan berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Persidangan Puteri UMNO Cawangan.
- 17.6 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan ialah :-
- 17.6.1 Ketua Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.6.2 Naib Ketua Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.6.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.6.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.6.5 Bendahari (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.6.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Cawangan.
- 17.7 Tugas-tugas Pegawai Puteri UMNO Cawangan :-
- 17.7.1 Ketua Puteri UMNO Cawangan.
    - 17.7.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Cawangan.
    - 17.7.1.2 Melantik Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan, Bendahari (Puteri) UMNO Cawangan dan Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Cawangan.
    - 17.7.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan mengikut Fasal 17.1.8 Peraturan ini.



- 17.7.1.4 Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan.
- 17.7.2 Naib Ketua Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.7.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.7.2.2 Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan apabila Ketua Puteri UMNO Cawangan tidak hadir.
- 17.7.3 Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.7.3.1 Menerima maklumat dan memberi panduan mengenai perjalanan Puteri UMNO Cawangan yang dirujuk kepadanya oleh Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.7.3.2 Menyelia dan bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan.
- 17.7.4 Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan.
  - 17.7.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Puteri UMNO Cawangan dan Setiausaha UMNO Cawangan.
  - 17.7.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan.
  - 17.7.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Persidangan Puteri UMNO Cawangan.

## 17.7.5 Bendahari (Puteri) UMNO Cawangan.

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Puteri UMNO Cawangan.

## 17.7.6 Ketua Penerangan (Puteri) UMNO Cawangan.

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Puteri UMNO Cawangan dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan.

17.8 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan meletakkan jawatan mereka, Jawatankuasa Puteri UMNO dianggap bubar dan Jawatankuasa UMNO Cawangan boleh mengadakan Persidangan Khas Puteri UMNO Cawangan untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Cawangan itu dan Jawatankuasa UMNO Cawangan akan menentukan tempoh perkhidmatannya.

17.9 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka jawatan itu tidak boleh diganti kecuali Ahli yang dilantik yang mana Ketua Puteri UMNO Cawangan berkuasa melantik gantinya.

## **FASAL 18 PEJABAT SETIAUSAHA PUTERI UMNO CAWANGAN**

Pejabat Setiausaha (Puteri) UMNO Cawangan adalah di Pejabat UMNO Cawangan.

## **FASAL 19 PERSIDANGAN PUTERI UMNO CAWANGAN**

19.1 Persidangan Puteri UMNO Cawangan hendaklah diadakan berasingan dan terdahulu daripada Persidangan UMNO Cawangan dan penetapan tarikh Persidangan Puteri UMNO Cawangan hendaklah dibuat oleh Puteri UMNO Bahagian setelah dirujuk kepada UMNO Cawangan dan Bahagian.



- 19.2 Sebarang Persidangan Puteri UMNO Cawangan hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut :-
  - 19.2.1 Pengerusi Tetap Puteri UMNO Cawangan dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri UMNO Cawangan.
  - 19.2.2 Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan.
  - 19.2.3 Ahli-ahli Puteri UMNO Cawangan yang telah menjelaskan yuran mengikut Fasal 25.1 Perlembagaan UMNO.
  - 19.2.4 Tidak lebih dari dua (2) orang wakil Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 19.3 Cukup bilang (korum) Persidangan Puteri UMNO Cawangan adalah sekurang-kurangnya sembilan (9) orang ahli Pergerakan Puteri UMNO tetapi tidak termasuk Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
- 19.4 Tugas-tugas Persidangan Puteri UMNO Cawangan:-
  - 19.4.1 Memilih Pengerusi Tetap Puteri UMNO Cawangan dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri UMNO Cawangan.
  - 19.4.2 Tertakluk kepada Fasal 17.2 memilih Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan sebagaimana Fasal 17.1.1, 17.1.2 dan 17.1.7 Peraturan ini.
  - 19.4.3 Memilih dua (2) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO Bahagian sebagaimana Fasal 14.2.4 Peraturan ini.
- 19.5 Semua keputusan Persidangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Cawangan.

- 19.6 Sebarang Persidangan Puteri UMNO Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap yang dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali oleh Persidangan itu dari Ahli-ahli Puteri UMNO Cawangan dan sekiranya ia tidak hadir bolehlah Persidangan itu memilih daripada Ahli-ahli Persidangan yang hadir menjadi Pengerusi.
- 19.7 Ahli-ahli Puteri UMNO yang baru didaftarkan sebagai Ahli-ahli Biasa UMNO selepas tahun kewangan UMNO tidak berhak mengambil bahagian dalam Persidangan Puteri UMNO Cawangan mengikut Fasal 6.2 Perlembagaan UMNO tahun berkenaan tetapi boleh hadir sebagai pemerhati.

## **FASAL 20 PERSIDANGAN KHAS PUTERI UMNO CAWANGAN**

- 20.1 Persidangan Khas Puteri UMNO Cawangan yang mempunyai cara persidangan yang sama dengan Persidangan Puteri UMNO Cawangan bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut:-
- 20.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Cawangan dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 20.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Cawangan dan dengan persetujuan Puteri UMNO Bahagian.

## **FASAL 21 KEWANGAN DAN HARTA**

- 21.1 Peraturan Kewangan UMNO hendaklah dipakai sebagai Peraturan Kewangan Puteri UMNO.
- 21.2 Tiap-tiap harta alih, iaitu tanah dan bangunan kepunyaan Puteri UMNO hendaklah didaftarkan di atas nama UMNO pada peringkat yang berkenaan.
- 21.3 Tiap-tiap harta alih dan tak alih kepunyaan Puteri UMNO hendaklah didaftarkan mengikut Fasal 27 Harta Alih dan Tak Alih Perlembagaan UMNO.



## **FASAL 22 KESEMPURNAAN PERATURAN INI**

Bagi kesempurnaan Peraturan ini dan perjalanan serta pentadbiran Puteri UMNO dalam semua peringkatnya maka sebarang perkara yang tidak tersebut didalam Peraturan ini hendaklah dijalankan dengan berpandu kepada Perlembagaan UMNO.

## **FASAL 23 TAFSIRAN**

Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Peraturan ini maka hendaklah perkara ini dirujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan tafsiran yang diberikannya adalah muktamad.

## **FASAL 24 PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT**

Aturan peraturan UMNO hendaklah dipakai dalam semua peringkat Mesyuarat Perwakilan Puteri UMNO.

## **FASAL 25 TARIKH DIJALANKAN PERATURAN INI**

25.1 Peraturan ini dipersetujui dengan pindaan Majlis Kerja Tertinggi dan akan berkuatkuasanya pada 8 Disember 2021. Peraturan ini hanya diakui sah dan berkuatkuasa setelah dipersetujui oleh Majlis Kerja Tertinggi sebagaimana kuatkuasa yang ada padanya menurut Fasal 21 Perlembagaan UMNO.





فرتويوهن كبڠساڤن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU  
UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION  
NO. PENDAFTARAN 676/88 (WILAYAH PERSEKUTUAN)

# TATAETIKA AHLI UMNO

**KANDUNGAN**

PERKARA 1	MUKADIMAH	1
PERKARA 2	TAFSIRAN	1
PERKARA 3	KESETIAAN	2
PERKARA 4	PENGARUH TIDAK WAJAR	3
PERKARA 5	SAL AHLAKU	3
PERKARA 6	DERMA/BANTUAN KEPADA PARTI	7
PERKARA 7	PERNYATAAN AKHBAR ATAU AWAM	8
PERKARA 8	TINGKAHLAKU SEWAKTU MENJAWAT JAWATAN DALAM PARTI	8
PERKARA 9	BAHAN BUKTI	9
PERKARA 10	ANGGAPAN KEBERSALAHAN PIHAK KETIGA	10
PERKARA 11	HUKUMAN	10
PERKARA 12	PINDAAN	10



## **PERKARA 1**

### **1. MUKADIMAH**

- 1.1 Bahawasanya bagi memelihara kekuatan dan maruah UMNO daripada sebarang anasir salahlaku dan kemungkaran.
- 1.2 Bahawasanya bagi menguatkan keazaman bagi memperjuangkan martabat dan maruah bangsa melalui wadah UMNO dengan terus memperkukuhkan dan memberikan semangat perjuangan menentang Rasuah/Sogokan Politik.
- 1.3 Bahawasanya bagi menghendaki Ahli UMNO mentaati Perlembagaan dan Peraturan UMNO sepenuhnya, bagi membanteras segala bentuk penyelewengan, salahlaku, penyalahgunaan kuasa dan penggunaan wang serta gejala negatif yang boleh meluntur dan melemahkan UMNO.
- 1.4 Maka dengan itu, menurut kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 20.13 Perlembagaan UMNO, Majlis Kerja Tertinggi membuat Tataetika Ahli UMNO ini, seperti tersebut di bawah.

## **PERKARA 2**

### **2. TAFSIRAN**

- 2.1 Dalam Tataetika ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-
  - 2.1.1 "Ejen" ertinya Ahli-ahli Parti atau mana-mana orang perseorangan atau kumpulan yang digunakan sebagai perantara bagi melakukan apa-apa salahlaku di bawah Tataetika Ahli UMNO ini untuk kepentingan Ahli itu.
  - 2.1.2 "Tempoh Pemilihan" ertinya waktu yang bermula enam (6) bulan sebelum tempoh proses pemilihan yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi di semua peringkat parti yang berkenaan sehinggalah enam (6) bulan selepas tamat pemilihan tersebut. Tanpa menjejaskan apa-apa maksud di atas, perbuatan-perbuatan yang dilakukan sebelum atau selepas tempoh Pemilihan itu akan di ambil kira untuk menentukan niat perlakuan itu.
  - 2.1.3 "Balasan" termasuklah apa-apa pemberian termasuklah wang ringgit, saham-saham, konsesi, hadiah pakej percutian, makanan/jamuan, tambang, gelaran/anugerah dan perkara- perkara lain yang dinyatakan di dalam Tataetika ini.

- 2.2 Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Tataetika ini yang dibuat di bawah kuatkuasa Majlis Kerja Tertinggi UMNO, maka tafsiran yang diberikan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO adalah muktamad.
- 2.3 Senarai contoh-contoh yang terkandung di dalam Tataetika Ahli UMNO ini adalah hanya sebagai penerangan lanjut dan tidaklah boleh dianggap sebagai menghadkan jenis-jenis salahlaku.

### PERKARA 3

#### 3. KESETIAAN

- 3.1 Sebagai tambahan dan bukan menghadkan Fasal 20.9 Perlembagaan UMNO, semua Ahli-ahli UMNO hendaklah cintakan parti dan :-
  - 3.1.1 Patuh kepada Perlembagaan dan Tataetika Ahli.
  - 3.1.2 Mengikut perintah-perintah parti.
  - 3.1.3 Patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti (termasuk keputusan disiplin parti).
  - 3.1.4 Menjalankan dasar-dasar parti.
  - 3.1.5 Menjaga rahsia-rahsia parti.
  - 3.1.6 Memelihara nama baik dan maruah parti.
  - 3.1.7 Menunjukkan tatalaku yang sopan lagi tertib bersesuaian dengan tanggungjawab sebagai Ahli UMNO.

#### CONTOH:-

- (a) Ahli mempertikaikan atau mengkritik keputusan Lembaga Disiplin secara terbuka tanpa mengikut saluran parti yang sedia ada.
- (b) Ahli enggan memohon maaf dan tidak hadir apabila dipanggil atau diminta menjelaskan mengapa tindakan disiplin tidak patut diambil terhadap Ahli tersebut oleh Lembaga Disiplin.
- (c) Tidak menjaga nama baik dan maruah parti dengan bergaduh atau tumbuk-menumbuk antara Ahli di sesuatu mesyuarat Bahagian/Cawangan atau apa jua mesyuarat yang lain.
- (d) Menjadi calon pembangkang, pencadang atau penyokong borang pencalonan atau melakukan perbuatan yang boleh ditafsir telah menyokong parti lawan.
- (e) Membawa hal-ehwal Parti ke Mahkamah.



- (f) Mengkritik pemimpin-pemimpin parti tanpa melalui saluran yang betul/sedia ada, atau
- (g) Mengeluarkan kenyataan dan mengkritik keputusan-keputusan parti di dalam media cetak dan elektronik yang mengakibatkan parti dipandang rendah.

## PERKARA 4

### 4. PENGARUH TIDAK WAJAR

Ahli parti adalah dilarang pada setiap masa secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui pihak lain bagi dirinya melakukan, menggunakan manipulasi atau tipu helah bagi menghalang, memaksa, mengancam, mendorong, mengganggu atau mendesak seseorang Ahli yang lain melakukan sesuatu atau tidak menjalankan tugasnya atau menghalang pelaksanaan haknya di dalam parti dengan bebas atau menafikan hak seseorang Ahli.

CONTOH:-

- (a) Jika seseorang Ahli tidak mengundi mana-mana pihak tertentu, tiada bantuan akan diberikan kepada beliau ;
- (b) Jika seseorang Ahli enggan mengundi mana-mana pihak tertentu, beliau tidak akan dilantik kepada mana-mana jawatan.

## PERKARA 5

### 5. SALAHLAKU

Ahli parti dilarang daripada melakukan perkara-perkara berikut:-

#### 5.1 Rasuah/Sokongan Politik

5.1.1 Menyalahgunakan apa jua kuasa secara langsung atau tidak langsung dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya dengan tujuan mendorong atau memaksa orang itu mengundi atau tidak mengundi mana-mana orang dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain.

CONTOH:-

- (a) Menggunakan kedudukan atau kuasanya secara salah dengan membuat janji-janji memberi pangkat, anugerah/gelaran, peluang perniagaan, bagi mendapat undi.

5.1.2 Memberi, meminjam, meminta atau bersetuju untuk memberi atau meminjam atau meminta atau menawarkan, menjanjikan atau berjanji akan mendapatkan atau akan berusaha untuk mendapatkan apa-apa wang atau balasan bernilai untuk seseorang Ahli atau untuk seseorang yang lain, dengan tujuan mendorong seseorang Ahli supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain.

CONTOH:-

- (a) Memberi wang atau imbuhan untuk tidak menyokong atau mengundi pihak lawan atau pihak lain.
- (b) Menggunakan wang untuk mendapatkan undi.

5.1.3 Memberi atau menerima atau membenarkan ahli keluarganya atau mana-mana orang untuk memberi atau menerima bagi pihaknya, secara langsung atau secara tidak langsung, kepada atau daripada mana-mana Ahli yang lain apa-apa jua hadiah, benda atau faedah sama ada secara zahir atau sebaliknya bagi mendorong seseorang Ahli supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain.

CONTOH:-

Menerima sebarang bentuk hadiah atau benda sebagai imbuhan misalnya:-

- Tambang percuma,
- Kemudahan perjalanan,
- Perkhidmatan,
- Saham-saham,
- Konsesi,
- Kontrak,
- Hiburan,
- Gelaran atau anugerah.

5.2 Mengguna Kekerasan dan Ugutan

Mengguna atau mengancam untuk mengguna apa-apa jua bentuk kekerasan samada secara fizikal atau bukan fizikal, paksaan, ugutan atau halangan secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui seseorang lain bagi pihaknya, dengan tujuan untuk membawa atau mengakibatkan kecacatan, kerosakan atau kerugian ke atas mana-mana orang bagi mendorong atau memaksa mana-mana Ahli atau keluarga agar mengundi atau tidak mengundi mana-mana Ahli lain dalam mana-mana pemilihan parti.



## CONTOH:-

- (a) Mengancam dan terlibat dengan pergaduhan, bertumbuk, membaling objek atau seumpamanya.
- (b) Menggunakan ugutan untuk tidak memberi, peruntukan dan projek kepada suatu pihak.
- (c) Mengancam untuk menarik balik perantikan ke sesuatu jawatan.

### 5.3 Penerbitan dan Penggunaan Media Massa, Elektronik atau Internet

Menerbit, menyiar atau menulis apa-apa risalah, majalah, makallah, buku atau lain-lain karya secara langsung atau tidak langsung, yang mempunyai unsur-unsur menyokong, memfitnah, mencela, mengkeji atau mengandungi kenyataan palsu terhadap mana-mana Ahli parti yang disiarkan melalui media massa, elektronik atau internet dengan tujuan untuk mengelirukan seseorang berkenaan Ahli yang lain, mempengaruhi atau mendapat undi atau sokongan bagi pihaknya atau orang lain dalam mana-mana pemilihan parti.

## CONTOH:-

- (a) Menulis dalam apa jua media cetak atau elektronik terhadap mana-mana calon yang akan bertanding.
- (b) Membuat sebarang poster atau kad nama yang menunjukkan janji-janji dan sebagainya.
- (c) Mencela atau memfitnah mana-mana Ahli dengan tujuan untuk memburukkan namanya supaya Ahli tidak mengundi Ahli yang difitnah tersebut.
- (d) Membuat aduan bertulis, tuduhan, tohmahan, kenyataan atau apa jua bentuk penulisan atau lisan dengan pengetahuan bahawa ianya adalah palsu atau tidak berasas.

### 5.4 Fitnah

Mana-mana Ahli yang mengeluarkan sesuatu kenyataan tentang seseorang Ahli yang lain yang boleh merendahkan reputasinya dalam masyarakat atau menyebabkan masyarakat menghindarinya atau mengelaknya maka telah melakukan perbuatan fitnah di bawah Tataetika ini yang boleh mengakibatkan Ahli tersebut diambil tindakan disiplin.

## 5.5 Ejen, Pelobi, Pengurus Kempen atau Perayu Undi

- 5.5.1 Bagi peringkat Majlis Kerja Tertinggi, kecuali untuk majlis penerangan dan/atau kempen yang dianjurkan di bawah seliaan Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Ahli-ahli parti dilarang daripada berkempen bagi pihak dirinya dan/atau menjadikan dirinya sebagai ejen, pelobi, pengurus kempen, atau perayu undi bagi mendorong seseorang Ahli supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak mana-mana calon untuk mana-mana peringkat pemilihan parti.
- 5.5.2 Bagi peringkat Bahagian, kecuali untuk majlis penerangan dan/atau kempen yang dianjurkan di bawah seliaan Badan Perhubungan UMNO Negeri masing-masing, Ahli-ahli parti dilarang daripada berkempen bagi pihak dirinya dan/atau menjadikan dirinya sebagai ejen, pelobi, pengurus kempen atau perayu undi bagi mendorong seseorang Ahli supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak mana-mana calon untuk mana-mana peringkat pemilihan parti.

### CONTOH:-

- (a) Menggunakan ejen, pelobi, syarikat pengurus kempen, untuk berkempen bagi mana-mana calon; walaupun begitu, calon-calon dibenarkan kempen di perhimpunan yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat UMNO atau Badan Perhubungan UMNO Negeri bagi tujuan berkempen.

## 5.6 Majlis dan Pertemuan

- 5.6.1 Kecuali untuk perhimpunan, pertemuan atau majlis yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat UMNO Malaysia dan/atau Jawatankuasa Penyelaras Pemilihan Negeri di bawah seliaan Badan Perhubungan UMNO Negeri, Ahli-ahli parti dilarang di dalam Tempoh Pemilihan menganjurkan, samada secara langsung atau tidak langsung, sebarang perhimpunan, pertemuan, jamuan atau apa-apa majlis yang membabitkan Ahli-ahli bagi pihak dirinya atau bagi pihak mana-mana calon bagi mendorong seseorang Ahli supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain bagi mana-mana peringkat pemilihan parti.



CONTOH:-

- (a) Calon menghadiri atau menganjurkan kenduri majlis kahwin, majlis tahlil atau majlis kesyukuran yang dianjurkan oleh atau dihadiri Ahli-ahli UMNO dan berucap bagi tujuan meraih undi dan berkempen bagi pihaknya sendiri.
  - (b) Ahli UMNO menghadiri atau menganjurkan kenduri majlis kahwin, majlis tahlil atau majlis kesyukuran yang dianjurkan oleh atau dihadiri Ahli-ahli UMNO dan berucap bagi tujuan meraih undi dan berkempen bagi pihak lain bagi mana-mana peringkat pemilihan parti.
- 5.7 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menetapkan dari masa ke semasa bentuk dan jenis penyalahgunaan kuasa, wang, sogokan dan sebagainya yang dimaksudkan di dalam sub-perkara 5.1 hingga 5.6 di atas.

## **PERKARA 6**

### **6. DERMA/BANTUAN KEPADA PARTI**

- 6.1 Ahli-ahli parti adalah dilarang, samada secara langsung atau tidak langsung, memberi sebarang bentuk derma, bantuan atau peruntukan atas kapasiti persendirian atau melalui orang lain dengan tujuan untuk mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi Ahli di dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain.
- 6.2 Mana-mana Ahli yang ingin member derma atau sebarang bentuk pemberian lain hendaklah disalurkan menerusi Majlis Kerja Tertinggi atau Badan Perhubungan Negeri yang berkenaan.
- 6.3 Mana-mana pemberian yang tidak melalui saluran yang tersebut dalam Perkara 6.2 adalah dianggap sebagai melanggar Perkara 6.1.

CONTOH:-

- (a) Mana-mana Ahli menerima wang yang dikatakan duit minyak atau sedekah setelah menghadiri suatu majlis kempen anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri tanpa menyebutkan penderma berkenaan dan Ahli itu akan mengambil bahagian dalam Perwakilan, Ahli itu dianggap telah melanggar Perkara 6.1

**PERKARA 7****7. PERNYATAAN AKHBAR ATAU AWAM**

- 7.1 Ahli-ahli parti dilarang, samada secara langsung atau tidak langsung, membuat apa-apa pernyataan akhbar atau awam secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara sekalipun dan/atau menyebarkan pernyataan akhbar atau awam berhubungan dengan apa-apa dasar atau keputusan Parti termasuk keputusan disiplin parti yang boleh merosakkan imej dan keluhuran parti.
- 7.2 Mana-mana Ahli parti yang melanggar Perkara 7.1 Tataetika Ahli ini boleh dikenakan mana-mana satu hukuman di bawah Fasal 20.10 Perlembagaan UMNO kerana menghina parti.

CONTOH:-

- (a) Ahli A mempertikaikan keputusan-keputusan Majlis Kerja Tertinggi parti. Ahli A di sini melakukan perbuatan menghina parti.
- (b) Ahli A mempertikaikan dan membuat kenyataan akhbar tentang prosiding disiplin parti dengan menuduh keputusan tak adil. Ahli A di sini melakukan perbuatan menghina parti.

**PERKARA 8****8. TINGKAHLAKU SEWAKTU MENJAWAT JAWATAN DALAM PARTI****8.1 TingkaHLaku Sewaktu Menjalankan Pentadbiran Parti.**

- 8.1.1 Ahli-ahli parti yang memegang sebarang jawatan dalam parti adalah dilarang sama sekali daripada menyalahgunakan apa jua kuasa atau apa-apa yang bersamaan dengannya yang ada pada mereka bagi tujuan persendirian di dalam menjalankan pentadbiran parti dan hendaklah sentiasa menjalankan dasar- dasar parti.

CONTOH:-

- (a) Tidak mahu menerima permohonan Ahli baru di peringkat Cawangan/Bahagian.
- (b) Tidak mahu menerima yuran Ahli
- (c) Memberi projek atau sumbangan kewangan secara terpilih dan pilih kasih dan tidak meliputi semua Cawangan.
- (d) Tidak jujur dan telus dalam menjalankan hal ehwal kewangan (seperti menggunakan wang parti dan wang peribadi dianggap serupa).
- (e) Memindahkan Ahli ke Bahagian lain tanpa Ahli itu sendiri yang memohon atau bersetuju.



- (f) Tidak menerima Ahli berpindah ke Bahagian atau Cawangan lain.
- (g) Tidak memberitahu Majlis Kerja Tertinggi jika telah jatuh mufis atau gugur jawatan.
- (h) Tidak mahu memanggil mesyuarat walaupun korum telah mencukupi kerana kepentingan dirinya sendiri atau pihak lain.

## 8.2 Tingkhilaku Sewaktu Menjalankan Mesyuarat Parti.

8.2.1 Ahli-ahli parti yang diberikan kuasa menjalankan mesyuarat di perhimpunan tahunan Cawangan, Bahagian atau Majlis Kerja Tertinggi adalah dilarang daripada menyalahgunakan apa jua kuasa atau apa-apa yang bersamaan dengannya yang ada pada mereka dengan tujuan bagi manfaat pihak sendiri atau bagi pihak lain dan hendaklah sentiasa menjalankan dasar- dasar parti mengikut perintah-perintah parti.

### CONTOH:-

- (a) Menjalankan mesyuarat tanpa notis yang munasabah.
- (b) Tidak menjalankan mesyuarat mengikut peraturan mesyuarat.
- (c) Menjalankan mesyuarat tidak cukup korum.
- (d) Menjalankan mesyuarat di tempat yang tidak ditetapkan (contohnya di dalam bas dan di luar kawasan).
- (e) Menjalankan mesyuarat dengan cukup korum dengan hanya Ahli terpilih sahaja.
- (f) Menjalankan pengundian dengan sistem rakit.
- (g) Berkempen sewaktu membuka majlis atau perasmian bagi calon- calon tertentu.
- (h) Menghalang hak mana-mana Ahli menghadiri mesyuarat (contoh: Ahli ada resit membayar yuran tetapi tidak ada nama dalam senarai Cawangan).
- (i) Menukar agenda mesyuarat tanpa mendapat persetujuan Ahli mesyuarat; (contoh: pengundian dilakukan apabila ramai Ahli meninggalkan majlis).
- (j) Membuat minit mesyuarat palsu sedangkan mesyuarat tidak pun dijalankan (wujudnya cawangan hantu).

## **PERKARA 9**

### **9. BAHAN BUKTI**

Mana-mana Ahli yang merasakan bahawa hak mereka telah dinafikan di dalam apa jua keadaan bolehlah mengadu kepada Majlis Kerja Tertinggi atau Badan Perhubungan Negeri atau Lembaga Disiplin supaya hak mereka dapat

didengar dan diadili dengan mengemukakan bahan-bahan bukti yang munasabah seperti saksi-saksi, bahan-bahan bercetak atau elektronik atau apa juga bahan yang lain yang menyokong aduan mereka tersebut.

## **PERKARA 10**

### **10 ANGGAPAN KEBERSALAHAN PIHAK KETIGA**

- 10.1 Bila mana seseorang ejen, pelobi, pengurus kempen, atau perayu undi itu didapati bersalah melanggar mana-mana peruntukan Tataetika Ahli UMNO ini, maka Lembaga Disiplin UMNO bolehlah menganggap, setelah ia berpuas hati daripada keterangan-keterangan dan/atau bukti-bukti yang dikemukakan kepadanya, bahawa principal kepada ejen, pengurus kempen atau perayu undi itu turut sekali melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Tataetika Ahli ini dan/atau mempunyai pengetahuan mengenai perihal kesalahan-kesalahan tersebut dan boleh mengambil tindakan menghukum kesalahan tersebut bersama-sama dengan ejen, pelobi, pengurus kempen atau perayu undi tersebut.
- 10.2 Bilamana seseorang pengadu yang telah membuat aduan dan/atau saksi yang telah memberikan keterangannya di dalam perbicaraan prosiding Lembaga Disiplin menarik balik aduannya atau keterangan asalnya, maka Lembaga Disiplin UMNO boleh, setelah ia berpuas hati bahawa aduan atau pengakuan itu ditarik balik tanpa alasan-alasan yang munasabah, sedangkan aduan atau keterangan itu adalah benar, menganggap pengadu itu atau saksi itu telah menarik balik aduan atau keterangan tersebut dengan adanya imbuhan, ganjaran atau janji berbentuk material oleh tertuduh dan melakukan kesalahan menerima imbuhan, ganjaran atau janji berbentuk material daripada tertuduh dan kedua-dua pengadu/saksi atau tertuduh itu bolehlah dihukum mengikut peruntukan Tataetika Ahli ini.

## **PERKARA 11**


### **11. HUKUMAN**

- 11.1 Mana-mana Ahli yang didapati bersalah melanggar Tataetika Ahli UMNO ini bolehlah dikenakan mana-mana hukuman seperti yang termaktub di dalam Fasal 20.10 Perlembagaan UMNO.

## **PERKARA 12**

### **12. PINDAAN**

- 12.1 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa meminda Tataetika ini dari semasa ke semasa.





**DITERBITKAN OLEH IBU PEJABAT  
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU  
BERSATU ATAU UMNO**

